

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil.9</b>	<b>KHAMIS</b>	<b>1 Ogos 2013</b>
--------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Melantik Jawatankuasa Pemilih Di Bawah P.M 70(1)	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013	(Halaman 31)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 1 Ogos 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah-langkah dan perancangan kementerian untuk membangunkan sukan negara bagi melahirkan atlet-atlet yang mampu menjulang nama negara di persada sukan peringkat antarabangsa termasuk memenangi pingat emas pertama Sukan Olimpik untuk negara.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kerajaan Malaysia merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Chua Boon Huat, pemain hoki kebangsaan kita yang telah banyak mengharumkan nama negara kita yang telah meninggal dunia pada jam tiga pagi tadi dalam kemalangan di lebuh raya LDP. Jasa dan juga pengorbanan beliau akan sentiasa dikenang oleh kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di peringkat atlet elit dan juga atlet pelapis dengan mengadakan program latihan berpandukan pelan periodisasi latihan yang dirangka secara bersama Persatuan Sukan Kebangsaan dan jurulatih setiap tahun. Pelan ini dirangka secara bersama Persatuan Sukan Kebangsaan dan jurulatih setiap sukan yang merangkumi aspek-aspek berikut.

Latihan pendedahan luar negara dan Program Tindik atau *attachment*, pertandingan dalaman dari berbagai-bagai peringkat umur, pertandingan luar negara, kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan, kem motivasi mengikut kumpulan, latihan pusat akhir dan komponen latihan sains sukan.

Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet untuk mencapai kecemerlangan. Antara program-program yang sedang dilaksanakan oleh kementerian adalah program pelapis di peringkat kebangsaan, serantau dan negeri yang kini mempunyai seramai 5,582 atlet, empat jurulatih luar negara, 112 jurulatih tempatan sepenuh masa dan 253 jurulatih tempatan di 252 pusat latihan di seluruh negara.

Seramai 53 orang atlet dari program pelapis ini telah diserapkan ke dalam Program Sukan Olimpik Remaja Nanjing 2014 manakala Program Latihan Atlet Elit 2011-2014 ke arah Sukan Komanwel Glasgow 2014 dan Sukan Asia Incheon 2014. Mempunyai seramai 308 atlet dan 81 orang jurulatih dan seramai 47 atlet elit telah diserapkan ke dalam Program Rio 2016 dengan sasaran untuk meraih pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang pertama, silakan Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan begitu baik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet Paralimpik kita iaitu Muhammad Ziyad Zolkefli yang telah pun memenangi pingat emas acara lontar peluru di Kejohanan Olahraga Dunia Paralimpik Antarabangsa (IPC) di Perancis.

Mutu sukan prestasi tinggi di negara ini meningkat sedikit. Namun, peningkatan in tidak setanding dengan pembangunan sukan keseluruhannya di peringkat antarabangsa, menyebabkan ramai atlet negara kita kurang menyerlah di persada antarabangsa. Banyak faktor yang menyumbang. Antaranya kekurangan rancangan pembangunan sukan dan kekurangan pendekatan saintifik dalam latihan.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai perancangan lebih strategik bagi pembangunan sukan seperti Program Gintong Alay yang pernah diperkenalkan oleh Filipina sehingga melahirkan ramai atlet ternama seperti Lydia De Vega dan sebagainya. Sejauh manakah kegiatan sukan peringkat negeri termasuk SUKMA membantu dan menyumbang melahirkan jaguh sukan negara?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Majlis Sukan Negara telah pun menyediakan pelan strategik program latihan prestasi tinggi ke arah tahun 2020 yang meliputi empat KRA Utama ataupun Bidang Keberhasilan Utama iaitu Program Latihan Elit, Program Latihan Atlet Pelapis dan juga Program Pembangunan Kejurulatihan

dan Program Penganjuran Kejohanan Dalam Negara. Kita juga telah memilih 19 jenis sukan teras yang menjadi sukan-sukan yang boleh membawa kejayaan kepada kita di peringkat nasional dan juga di peringkat antarabangsa. Sukan-sukan ini dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria iaitu jenis sukan yang tidak dipengaruhi oleh keadaan fizikal rakyat Malaysia. Sukan-sukan yang menggunakan teknologi peralatan sebagai pengukur prestasi, sukan-sukan yang mempunyai sejarah cemerlang di peringkat antarabangsa dan sukan-sukan yang popular di kalangan rakyat Malaysia.

Jadi, melalui pelan strategik dan pemilihan sukan-sukan teras ini, saya harap bahawa kita akan dapat meningkatkan lagi prestasi kita di peringkat antarabangsa dan juga meraih pingat emas pertama di kejohanan Olimpik. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat juga, dari segi pengenalan bakat dan sebagai dan juga penekanan kepada sains sukan. Sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Program TID iaitu program mengenal pasti bakat ataupun *Talent Identification Program*.

#### ■1010

Melalui jawatankuasa bersama yang akan melaksanakan dan sedang melaksanakan proses saringan bakat iaitu kerjasama antara guru-guru dan pegawai Institut Sukan Negara (ISN) yang dilatih menjalankan ujian untuk murid-murid tahap satu melalui proses ujian sebanyak sebelas jenis ujian fizikal dan teknik pengukuran berkaitan.

Melalui ujian-ujian ini, kita telah sebagai contoh, daripada bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini sahaja, kita telah menguji seramai 12,551 orang murid di seluruh negara untuk kita menguji dengan izin, *measure* dia punya saiz badan, dia punya kepantasan dan sebagainya untuk mencari atlet-atlet akan datang dan kita telah mendapat 2,511 orang pelajar-pelajar di tahap satu di seluruh negara yang mempunyai potensi dalam enam bulan yang pertama tahun ini sahaja.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kita menitikberatkan aspek *coach training* ataupun program-program kejurulatihan. Melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan di bawah Majlis Sukan Negara, kita telah melatih, contohnya tahun ini sahaja kita telah berjaya melatih 1,078 orang jurulatih tahap satu untuk kursus Sains Sukan, 216 di tahap dua dan 52 di tahap tiga. Jadi proses ini bukan hanya kita mencari bakat baru di peringkat sekolah tetapi juga kita memastikan bahawa mutu kejurulatihan kita sentiasa kita naik taraf dan bukan hanya kita bergantung kepada jurulatih daripada luar negara tetapi jurulatih tempatan yang akan menjadi kunci kepada kejayaan atlet-atlet kita sedang kita meningkatkan lagi.

Dari segi program pelapis yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sukacita saya maklumkan bahawa kita telah menghantar atlet-atlet pelapis kita yang kita dedahkan melalui Sukan Malaysia (SUKMA) ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Sebagai contoh, kita telah menyertai, 76 atlet kita dalam *Australia Youth Olympic Festival* pada tahun ini dan mendapat tiga pingat emas, enam pingat perak dan sebelas pingat gangsa dan sukacita saya maklumkan bahawa antara program-program pelapis kita yang telah menunjukkan kejayaan pada tahun ini adalah Kejohanan Skuasy Terbuka British di mana juara kategori bawah 15 tahun dimenangi oleh Saudara Ng Eain Yow, Kejohanan Berbasikal Asia (ACC) 2013 di New Delhi, empat emas, satu perak dan empat gangsa bagi atlet pelapis kita dan Kejohanan Taekwondo Myanmar, kita dapat tiga emas.

Ini menunjukkan bahawa kita ada satu pelan yang strategik daripada peringkat sekolah, peringkat pelapis sampailah peringkat yang lebih tinggi lagi.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan yang terbaik dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak kebelakangan ini, Majlis Sukan Negara – badan-badan sukan negara timbul berbagai-bagai masalah khususnya dari segi kepimpinan. Saya ingin tahu daripada pihak Menteri, adakah badan-badan sukan ini dipolitikkan? Saya cadangkan supaya Menteri melihat gejala ini, yang kurang sihat ini sebab perkara ini timbul. Maka prestasi sukan negara merosot. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat. Saya amat memahami pandangan dan juga perasaan *frustration*, dengan izin, daripada Yang Berhormat. Di sini apabila disebut bahawa persatuan-persatuan sukan dipolitikkan, ia tidak bermakna bahawa persatuan-persatuan sukan ini dipimpin oleh ahli politik. Kadang-kadang bila dipimpin oleh orang bukan politik pun, lagi hebat ia dipolitikkan daripada apabila dipimpin oleh orang politik walaupun mengikut keputusan Kabinet kita, kita tidak membenarkan anggota pentadbiran iaitu anggota jemaah menteri menerajui mana-mana persatuan sukan. Akan tetapi ahli-ahli politik lain seperti Ahli Parlimen ataupun ketua kerajaan negeri, Menteri bebas dan Ketua Menteri bebas untuk menerajui persatuan-persatuan sukan.

Namun yang demikian, saya amat memahami bahawa ada beberapa persatuan sukan yang mengalami proses *politicking* yang akhirnya akibatnya adalah prestasi sukannya merosot disebabkan kepimpinan yang tidak jelas dan kepimpinan yang tidak fokus kepada *co-business* ataupun bidang utama mereka iaitu pembangunan dan prestasi sukan dan terlalu sibuk dengan mengejar jawatan dan sebagainya. Saya boleh bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada Dewan Negara yang mulia ini bahawa

melalui Pesuruhjaya Sukan (*Sport Commissioner*) dengan dibekalkan dengan kuasa di bawah Akta Pembangunan Sukan, kita akan sentiasa *engage*, mendampingi dengan persatuan-persatuan sukan untuk yang pertamanya, mengatasi apa sahaja masalah yang berlaku dalam persatuan-persatuan sukan. Ada beberapa persatuan sukan, contohnya Yang Berhormat yang ada beberapa kumpulan yang merebut jawatan dalam persatuan tersebut. Akibatnya persatuan sukan itu telah *diregister* ataupun pendaftaran mereka telah dibatalkan dan kita terpaksa untuk menghidupkan semula persatuan yang baru. Jadi kita sentiasa melaksanakan tugas kita di bawah Pesuruhjaya Sukan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Kedua, saya sentiasa mengingatkan kepada Pesuruhjaya Sukan bahawa kita bukan hanya menunggu masalah itu sebelum kita bertindak. Kita sentiasa proaktif dan bersama dengan persatuan sukan untuk mengelak masalah ini berlaku terutamanya dalam tahun pemilihan bagi persatuan-persatuan sukan supaya walaupun kita tidak campur tangan tetapi kita sentiasa memberi *guidance* dan nasihat supaya perkara tersebut tidak memecahbelahkan persatuan-persatuan yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, bola sepak dan badminton adalah dua jenis ikon sukan yang amat popular. Soalan saya, apakah usaha-usaha atau langkah-langkah terkini dan jangka panjang bagi memastikan pasukan bola sepak negara mampu menjulang nama sebagai pasukan terbaik sekurang-kurangnya di peringkat Asia dan badminton di peringkat dunia. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tadi. Sudah pasti walaupun kita menggariskan dan walaupun kita mengenal pasti 19 sukan teras. Antara yang banyak memberi kebahagiaan ataupun kejayaan kepada negara kita seperti sukan akuatik, sukan terjun dan sukan memanah. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dari Arau sebagai Presiden Persatuan Renang Amatir Malaysia (ASUM) yang telah mengangkat sukan renang ke peringkat dunia dengan memenangi pingat gangsa di Olimpik. Akan tetapi rakyat kita selalu berbalik kepada dua sukan yang paling popular di negara kita iaitu bola sepak dan juga badminton.

Saya pernah keluarkan kenyataan pada minggu lepas bahawa saya berharap kejayaan sukan negara kita dapat diukur melalui kejayaan kita di semua sukan bukan hanya sukan bola sepak dan badminton terutamanya bola sepak. Ini kerana kalau kita mengukur kejayaan sukan kita dengan bola sepak sahaja, maklum sahajalah Yang

Berhormat, mungkin kita tidak rasa begitu ceria. Namun begitu, sukacita saya maklumkan bahawa untuk badminton, salah satu soalan yang sentiasa, mungkin soalan sebalik soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Siapa selepas Lee Chong Wei? Ini kerana kita tidak hanya boleh bergantung kepada seorang sahaja pemain sebab seorang sahaja pemain itu walaupun dia adalah pemain terbaik di dunia, beliau pun sudah mencecah umur 30 tahun. Dalam tempoh masa empat hingga lima tahun akan datang, saya yakin Lee Chong Wei pun tidak akan main di peringkat yang tertinggi lagi oleh kerana faktor umur.

Jadi kita kena tanya soalan kepada diri kita, *what next?* Adakah kita mempunyai bakat-bakat untuk masa-masa yang akan datang? Sukacita saya maklumkan bahawa selain daripada mereka yang terlibat dalam Program Road to Rio untuk badminton iaitu Dato' Lee Chong Wei, Koo Kien Keat, Tan Boon Heong, Chan Peng Soon, Goh Liu Ying dan juga Teng Jee Yee, kita mempunyai program elit tahun 2014 yang menyediakan pemain-pemain pelapis seperti Liew Darren, Chong Wei Feng dan Mohd. Arif Abdul Latif yang semuanya ada di bawah program elit.

#### ■1020

Selain daripada pemain-pemain yang juga tidak berada di dalam Program Elit telah menunjukkan prestasi yang cukup baik. Contohnya anak kepada pemain legenda badminton kita, Misbun Sidek iaitu Ramdan Misbun, yang telah mencatat prestasi yang baik. Jadi kita sentiasa melihat ke depan dan bukan hanya bergantung kepada seorang atlet sahaja, sebab kita tahu bahawa masa depan sukan badminton ini penting, bukan hanya prestasi pada hari ini sahaja.

Sama juga dengan bola sepak Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya ringkaskan bahawa kita menerima melalui sebuah Jawatankuasa Pembangunan Sukan Bola Sepak iaitu peruntukan kelulusan khas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM10 juta setahun dengan matlamat untuk melayakkan pasukan remaja kita ke Piala Dunia Remaja bawah umur 17 tahun pada tahun 2019.

Perancangan ini melibatkan penubuhan pusat-pusat latihan di seluruh negara, pengelolaan pertandingan tempatan dan antarabangsa, penyertaan pertandingan tempatan dan antarabangsa, program kejurulatihan dan juga *exposure* kepada Pasukan Harimau Muda (B). Kalau kita lihat struktur pembangunan bola sepak negara, Jawatankuasa Pembangunan Sukan Bola Sepak yang saya sebutkan tadi terdiri daripada peringkat sekolah sukan negeri, pusat latihan daerah dan juga *MyKid Soccer*, yang mendedahkan pemain-pemain seawal umur lapan tahun dan sembilan tahun untuk kita

bangunkan satu generasi yang baru, untuk *insya-Allah* meningkatkan lagi mutu bola sepak negara.

Saya yakin dengan perancangan pembangunan bola sepak ini yang kita sediakan. Daripada umur tujuh tahun yang melibatkan 1,680 pemain di seluruh negara. Saya yakin program ini akan dapat meningkatkan prestasi pasukan bola sepak kita. Cuma saya minta kita semua sabar, sebab ini akan mengambil masa satu generasi. Sebab mungkin generasi ini tidak akan sampai *level* ataupun tahap yang akan dikecapi oleh pemain-pemain remaja kita, yang kita *develop* daripada umur tujuh tahun, bermula daripada sekarang. Terima kasih.

**Timbalan yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya difahamkan Dato' Dr. Firdaus belum masuk Dewan lagi. Jadi memandangkan soalan ini agak penting jadi saya mintalah kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menyoal bagi pihak beliau. Silakan Yang Berhormat.

**2. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, rancangan *national reconciliation* seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada malam pengumuman PRU-13, 5 Mei yang lalu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Saya jawab, saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila teruskan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *National reconciliation* ataupun penyatuan nasional merupakan idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika melahirkan rasa bimbangannya ke atas keputusan dan trend pengundian semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu yang berasaskan kepada polarisasi kaum. Idea yang dicadangkan itu saya percaya sangat lahir daripada hati yang ikhlas dan tidak mahu melihat berlakunya perpecahan, di kalangan masyarakat dan penduduk di negara ini.

Dalam usaha kerajaan untuk mencapai ke arah penyatuan nasional, premis seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat juga, premis utama adalah semua pihak mesti menerima keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap semua pihak untuk melindungi, mempertahankan dan memelihara Perlembagaan Persekutuan kita. Apabila keputusan pilihan raya diterima oleh semua pihak, barulah kita boleh bergerak ke arah titik persamaan untuk penyatuan nasional. Apa yang sudah terkandung dalam perlembagaan, Rukun Negara hendaklah atau mestilah dijunjung bersama-sama.



Tuan Yang di-Pertua, manakala *the way forward*, ke arah *national reconciliation* dalam membantu masyarakat mencapai kesejahteraan hidup dan sekali gus untuk memantapkan lagi perpaduan kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mencadangkan penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) yang akan menjadi platform untuk membincang isu-isu polarisasi kaum dan mencadangkan kepada pihak kerajaan model-model perpaduan yang sesuai dilaksanakan dengan keadaan semasa.

Setakat ini dan dalam proses kerajaan ke arah menangani masalah *national reconciliation* ini, beberapa *public engagement* melalui pendekatan perbincangan meja bulat atau dengan izin, *round table discussion* (RTD) telah pun dilaksanakan. Sebanyak lima *round table* telah dijalankan. Tajuk yang dibincangkan dalam perkara ini ialah *Consultation on Developing an Agenda for National Reconciliation*. Banyak pandangan yang positif diperoleh daripada peserta-peserta yang mengambil bahagian. Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada peserta-peserta yang telah menjayakan *round table discussion* tersebut.

Pandangan-pandangan dan idea-idea daripada peserta-peserta ini akan digunakan untuk menggubal pelan tindakan penyatuan nasional. Keanggotaan majlis akan merangkumi semua pihak termasuk wakil-wakil daripada pelbagai kaum, agama dan juga daripada NGO-NGO. Kerajaan bersikap terbuka menjemput semua pihak untuk menyertai majlis ini yang bukan sahaja menunjukkan keprihatinan kerajaan tetapi juga keikhlasan kerajaan dalam menangani usaha penyatuan nasional. Tuan Yang di-Pertua, satu kaedah kertas kerja sedang dirangka dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat. Sekian.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut semua pihak kena terima semua keputusan pilihan raya dan ditubuhkan satu Majlis Konsultasi Nasional. Saya ingin tahu, siapakah komite atau ahli-ahlinya. Yang buat hal, yang tidak terima adalah bukan umum di khalayak ramai, akan tetapi parti-parti yang bertanding. Soalan saya adakah kumpulan parti tersebut diambil kira sebagai anggota Majlis Konsultasi Nasional. Kalau tidak siapa dia? Kalau tidak, tidak mungkin berlaku *national reconciliation*. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bunyi pertanyaan Yang Berhormat sebentar tadi merupakan keprihatinan beliau. Bahawa beliau pun juga cukup prihatin tentang penyatuan nasional. Saya percaya kalau kita pergi ke mana-mana pun, kita tanya rakyat kita, siapa di antara kita tidak suka untuk mewujudkan satu perpaduan yang kukuh. Saya sudah bercakap dalam penggulungan

saya, dalam Dewan yang mulia baru-baru ini, dengan izin sekali lagi saya mengatakan seorang penulis Publilius Syrus, dia berkata, “*Where there is unity, there is always victory.*”

Jadi dalam pada masa yang sama ini, saya berpendapat umum sudah tahu siapa pihak yang belum lagi bersedia untuk menerima ketetapan pilihan raya baru-baru ini. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah berkata, ini sepatutnya jangan berlaku lagi oleh kerana ini sudah termaktub dalam perlembagaan kita dan perlembagaan kita menentukan siapa yang menang. Tidak ada soal lagi. Yang menang di sini ialah sememangnya Barisan Nasional.

#### ■1030

Jadi, apabila kita mengambil kira kesemua ini, selagi ada *obstacle* bagi kita untuk menjalankan penyatuan nasional, selagi ada *obstaclenya* bagi kita untuk menyatukan perpaduan ini, jadi kita mintalah, kita minta semua pihak supaya menghormati perlembagaan supaya kita terus-terusan untuk melaksanakan tugas-tugas kita untuk menyatukan rakyat kita ini.

Kita juga akan mengambil kira, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun berkata apabila kita mengambil ahli-ahli dalam *National Unity Consultative Council* (NUCC) ini, pihak pembangkang akan dijemput juga untuk menyertai bagi memberi pandangan dalam perkara ini dan juga daripada orang ramai. Dipersilakan kalau ada pandangan yang baik menjurus kepada *national unity* kita, kita akan terima semua, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya baru melihat Dato’ Firdaus baru masuk Dewan. Jadi memandangkan ini soalan asal Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat peluang untuk menyoal.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana terlambat. Ada masalah *transport* tadi yang menyebabkan saya datang lambat sedikit. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma yang saya hendak kemukakan sekiranya hajat dan hasrat ini hendak dilaksanakan, adakah ura-ura untuk mencontohi apa yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sewaktu beliau melaksanakan langkah *national reconciliation* ini selepas berlakunya kejadian peristiwa 13 Mei 1969 dahulu. Saya ingin bertanya sekiranya ada langkah-langkah untuk mengkaji kembali apa yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dalam usaha melaksanakan *national reconciliation* itu.

Saya timbulkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana setelah Allahyarham Tun Abdul Razak berjaya melaksanakan program *national reconciliation* itu selama lebih

kurang lapan atau 10 tahun. Negara kita berada dalam keadaan politik yang stabil, ekonomi maju dan terdapat persefahaman antara pelbagai pihak. Antara sebabnya saya rasa ialah kerana ada usaha-usaha untuk memasyarakatkan pelbagai dasar nasional yang menjadi asas kepada *reconciliation* itu.

Pertanyaan saya ialah sejauh mana usaha-usaha akan dilaksanakan untuk memastikan supaya pelbagai dasar nasional yang mengarah kepada *national reconciliation* itu akan diambil kira dalam hasrat untuk melaksanakannya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih. Sebenarnya, saya sudah berkata awal-awal sebentar tadi. Apabila kita mewujudkan *National Unity Consultative Council* ini, semua pandangan termasuklah model yang telah dilaksanakan oleh *the late* Tun Abdul Razak terlebih dahulu. Itu satu model yang paling baik. Setiap model yang baik ini, kita ambil kira. Jadi, Yang Berhormat jangan khuatir, oleh kerana kita akan bersifat terbuka. Keterbukaan kita ini saya percaya sangat boleh kita ambil sebagai satu iktibar. Satu pelajaran bagi menjurus kepada penyatuan nasional kita ini.

Jadi, tentu sekalilah, saya ulangi di sini, model-model yang baik daripada sekarang ini pun kita mengambil beberapa langkah. Langkah pertama ialah beberapa program kita laksana untuk mendekati semua masyarakat kita ini di antara kita daripada Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak dan di antara kita di Semenanjung. Mulai daripada program-program yang kita laksanakan untuk kanak-kanak kita seperti mana memberi penekanan yang lebih bersemangat lagi supaya ia diterapkan dalam jiwa anak-anak kita.

Saya juga ada berkata baru-baru ini di mana lima prinsip Rukun Negara itu akan diberi penekanan kepada setiap murid-murid kita supaya daripada anak-anak kita ini, mereka menyedari betapa penting bagi kita untuk mengamalkan nilai-nilai yang baik bagi kita semua ini. Sekian.

**3. Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah CCTV yang telah dipasang seluruh negara, termasuk jumlah di setiap negeri dan apakah langkah-langkah untuk memperhebatkan inisiatif ini.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Bagi menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian melaksanakan program bandar selamat bagi mengekalkan

kesejahteraan dan jaminan keselamatan kepada satu tahap yang memuaskan terutama daripada sudut kadar jenayah. Inisiatif ini dilakukan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dengan memperkenalkan konsep bandar selamat mengikut kepada kesesuaian perancangan setempat. Antara langkah pengisian kepada program bandar selamat ini Yang Berhormat ialah pemasangan kamera litar tertutup ataupun CCTV seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, kementerian telah dan akan melaksanakan pemasangan kamera CCTV di bawah dua fasa. Fasa yang pertama sebanyak 496 unit CCTV telah pun siap dipasang dan sedang beroperasi di 25 pihak berkuasa tempatan pada tahun 2011. Bagi fasa kedua, sebanyak 496 unit lagi CCTV akan dipasang di 25 PBT seluruh negara dan projek CCTV ini dijangka akan mula dilaksanakan dalam bulan Ogos pada tahun 2013 ini dan siap pada bulan Ogos 2014.

Selain daripada itu, sehingga Julai 2013 Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan dengan bimbingan bersama dengan kementerian telah pun memasang dan menyelenggarakan sebanyak 1,216 unit CCTV yang menjadikan jumlah CCTV yang dipasang di seluruh negara sebanyak 1,712 unit.

Bagi pecahan jumlah CCTV mengikut negeri seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, bagi kawasan zon selatan, negeri Johor (125 unit), Melaka (87 unit), Negeri Sembilan (100 unit). Bagi Zon Tengah, Selangor (352 unit), Wilayah Persekutuan (255 unit), Perak (118 unit), Wilayah Persekutuan Putrajaya (189 unit). Bagi Zon Utara Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pinang (79 unit), Kedah (48 unit) dan Zon Timur, Terengganu (192 unit), Kelantan (22 unit), Pahang (29 unit), dan bagi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan (13 unit), Sabah (5 unit), Sarawak (97 unit).

Bagi pemilihan pemasangan lokasi-lokasi untuk CCTV ini Yang Berhormat, kita bekerjasama dengan pihak PDRM dan PDRM yang akan menasihatkan terutama memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan *hotspot* yang ada. Pemasangan CCTV di kawasan *hot spot* di seluruh negara ini Tuan Yang di-Pertua untuk:

- (i) membantu pihak PDRM memantau dan mengambil tindakan ke atas mana-mana kes jenayah yang berlaku;
- (ii) membantu PBT dalam urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan penguatkuasaan dan juga pengurusan lalu lintas; dan
- (iii) meningkatkan persepsi dan juga keyakinan keselamatan kepada rakyat apabila mereka berada di satu-satu kawasan umum ataupun terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, pelaksanaan pemasangan CCTV ini adalah berdasarkan kepada garis panduan pemasangan CCTV di premis perniagaan dan di tempat awam. Selain daripada itu juga, inisiatif tambahan yang dilakukan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pemasangan CCTV semata-mata, kerajaan sedang memantapkan lagi reka bentuk bandar selamat dengan penggubalan dua lagi garis panduan. Pertama, garis panduan perancangan tempat letak kenderaan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan yang perlu disediakan oleh operator parkir contohnya pemasangan CCTV bagi menjamin keselamatan pengguna parkir. Kedua ialah garis panduan perancangan lorong belakang yang menyediakan panduan secara komprehensif kepada perancangan lorong belakang sesuatu pemajuan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua diharapkan dengan segala tindakan, inisiatif yang dilakukan oleh pihak kementerian ini, kita mengharapkan supaya ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada kementerian, tetapi ia akan menjadi tanggungjawab bersama dengan penglibatan semua pihak termasuk masyarakat.

#### ■1040

Kita perlukan masyarakat memainkan peranan Tuan Yang di-Pertua untuk menjadi *police citizen*, untuk menjadi *eyes on the street* untuk memaklumkan apa juga maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang mencurigakan supaya dapat berfungsi sebagai *neighborhoods watch*. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mempersilakan soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri jawapan tadi. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sentuh perkara reka bentuk, jadi soalan tambahan saya, saya hendak tahu sambutan dari PBT dan juga pihak pemaju kepada langkah *Client Prevention to Environmental Design* (CPTED). Sambutan dari pihak pemaju dengan PBT. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, di setiap PBT kita ada Jawatankuasa Program Bandar Selamat dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Di bawah Jawatankuasa Program Bandar Selamat PBT ini Yang Berhormat kita ada Jawatankuasa Pelaksanaan Pemasangan CCTV. Keanggotaan di dalam jawatankuasa ini termasuk PBT, PDRM, TNB, JKR, Telekom, SKM dan juga mana-mana agensi yang berkaitan.

PBT tugasnya ialah bertanggungjawab untuk memastikan pemasangan CCTV yang bersesuaian dengan memberikan arahan kepada tuan-tuan punya pemilik premis yang ada. Termasuk bekerjasama dengan pemaju-pemaju perumahan dan sebagainya.

Selain daripada itu, jawatankuasa ini juga menentukan bukan sahaja untuk pemasangan kepada CCTV itu Yang Berhormat termasuklah urusan yang berkaitan dengan penyelenggaraan supaya peralatan CCTV ini berada pada tahap kecekapan dan kebolehpercayaan yang tertinggi untuk menjamin keselamatan yang ada. Terima kasih Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Halimah kerana dilantik sebagai Timbalan Menteri. Tahniah Yang Berhormat Datuk Halimah. Jawapannya tadi itu daripada semalam saya tengok bukan main gagah lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua sejak kebelakangan ini kita kerap mendengar kejadian pembunuhan berlaku melibatkan senjata api. Ia semakin menjadi-jadi seolah-olah macam nak jadi negara koboi. Soalan saya pendek sahaja. Dengan pemasangan CCTV yang begini banyak dan akan ditambah lagi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah keberkesanan pemasangan CCTV telah berjaya memerangi jenayah di negara ini. Kedua, saya juga ingin tahu berapa banyak kes jenayah yang telah dapat diselesaikan dengan bantuan rakaman CCTV ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat senator Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pemasangan CCTV ini bukanlah antara satu daripada perkara yang bila kita membicarakan soal menyediakan kawasan ataupun kemudahan untuk menjamin keselamatan pengguna ataupun rakyat yang ada.

Banyak langkah-langkah yang berterusan Yang Berhormat yang perlu diambil selain daripada membicarakan soal menyediakan Bandar Selamat. Bukan CCTV sahaja. Itu termasuklah pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki, penggera keselamatan, CCTV, pemetaan GIS Jenayah dan sebagainya. Ini di antara pengisian-pengisian kepada lanjutan untuk menyediakan satu suasana yang lengkap apabila kita membicarakan soal perancangan Bandar Selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga tahun 2012 Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan sahaja menyebutkan soal CCTV seperti mana yang saya nyatakan

tadi. Bila saya menyatakan banyak lagi keperluan-keperluan lain yang perlu diberikan keutamaan bersama-sama dengan pemasangan CCTV ini. Kita telah pun memasang 2,460 unit cermin keselamatan bagi lorong-lorong belakang contohnya. 1,165 unit papan tanda talian kecemasan contohnya. 34,813 unit tempat letak motosikal berkunci dan sebagainya adalah antara inisiatif-inisiatif yang dijalankan.

Selain daripada itu Yang Berhormat mengikut laporan kepada PDRM yang dibentangkan dalam mesyuarat *Delivery Task Force* pada 25 Ogos 2011. Tuan Yang di-Pertua dengan pelaksanaan pemasangan CCTV di kawasan-kawasan PBT dan dengan langkah-langkah kawalan yang lain seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat. Ia telah mencatatkan pengurangan kepada kadar jenayah, curi, ragut dan samun yang dilaporkan sebanyak 40% berbanding daripada tahun-tahun yang sebelumnya.

Namun begitu mengikut kajian NKRA ibu pejabat PDRM Tuan Yang di-Pertua, pihak polis tidak mempunyai data berapa banyak bilangan jenayah yang dapat diselesaikan berdasarkan kepada rakaman CCTV ini. Jadi mungkin agaknya kalau Yang Berhormat perlukan itu kita perlu dapatkan daripada pihak KDN agaknya. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**4. Dato' Lim Nget Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menghapuskan pembuatan serta penjualan ubat-ubat palsu di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Dato' Lim Nget Yoon. Ini berkenaan penjualan ubat-ubat palsu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan memang sentiasa memerangi gejala penjualan produk tidak berdaftar dan ubat-ubat palsu dan tiruan. Di bawah Akta Jualan Dadah 1952, semua ubat-ubat wajib didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, PBKD.

Ubat-ubat yang didaftarkan akan diberikan nombor pendaftaran, MAL, tahun serta nombor dan kemudian mengikut jenis ubat. Jenis ubat ada 'A', jika di belakang ada 'A' ia bermakna ubat yang kena *prescription*. Ubat yang di belakangnya ada 'T' untuk "Tradisional, MAL yang mengikut nombor dan 'X' pula adalah *supplement*, MAL di belakangnya ada 'V' adalah untuk haiwan seperti veterinar. Pendaftaran tiap-tiap ubat hanya lima tahun. Kalau ubat itu tersebut disambung lagi pendaftarannya maka enam

bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran mestilah diperiksa semula dan jika didapati betul barulah akan disambungkan lagi pendaftaran.

Jadi Tuan Yang di-Pertua penjualan ubat palsu memang *very* serius sebenarnya. Pihak kawalan farmaseutikal memang mengadakan *checking*, membuat pemeriksaan dan mengambil sampel untuk diperiksa. Pemeriksaan dibuat oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan yang mempunyai makmalnya sendiri untuk memeriksa. Jika didapati tidak mengikut label, maknanya ia adalah tiruan dan akan dirampas.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, rampasan dibuat dan kalau mengikut perangkaannya pada tahun 2002, ubat yang telah didaftar, yang mana ubat yang palsu dan yang mana ubat tiruan. Pada tahun 2002, 40,006 jenis produk telah pun dirampas dengan nilai RM23.7 juta. Pada tahun 2003 hingga Jun sebanyak 18,592 produk telah pun dirampas dengan nilai RM12.4 juta.

Jadi untuk kemudahan orang ramai, rakyat kalau kita hendak memastikan ubat itu berdaftar ataupun tidak, kita pergi ke *website* [www.bpfk.gov.my](http://www.bpfk.gov.my) iaitu Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan dan kita boleh tengok senarai ubat-ubat yang berdaftar. Kalau hendak tengok ubat palsu pula, boleh pergi ke [www.farmasi.gov.my](http://www.farmasi.gov.my), yang ini boleh tengok gambar palsu dan gambar dia sekali Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat. Akibat daripada ubat-ubat palsu bukan sahaja membazirkan wang pesakit serta memburukkan kesihatan mereka sampai tahap menghilangkan nyawa. Apa yang penting sekali kehilangan kepercayaan kepada Kementerian Kesihatan oleh orang awam. Jadi seperti yang kita sedia maklum *prevention is better than cure*.

#### ■1050

Jadi sebagai kementerian yang bertanggungjawab, mesti memastikan sesuatu produk yang dipasarkan pastilah selamat diambil oleh orang awam. Soalan saya yang kedua ialah bukan ubat, bahan-bahan solekan dan juga makanan pun timbul masalah yang sama. Jadi apakah langkah-langkah oleh kementerian yang boleh diambil lebih tegas dan proaktif untuk mengelakkan kejadian tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ubat palsu yang banyak dijual di merata tempat oleh rakyat Malaysia dan sebenarnya oleh rakyat bukan Malaysia pun ada jual.

Di Kuala Lumpur dan tempat-tempat, *centre* yang mereka menjual. Kalau saya hendak sebut nama tempat pun boleh. Satu di Jalan Silang dan satu lagi di Jalan Raja



Alang. Ia tempat yang *very popular* tentang penjualan ubat ini tetapi pihak Pegawai Biro Farmaseutikal dan Biro Kawalan Ubatan dan Dadah ini memang sentiasa membuat pengawalan, pergi ambil sampel dan terus kalau memang didapati tidak ada hologram, dia akan rampas. Tujuan ini juga pihak biro telah pun membekalkan *decoder* untuk hendak baca hologram tadi.

Jadi kalau tidak boleh baca, maknanya ubat itu ubat palsu. Kalau boleh baca, makna pakai hologram, tak boleh baca kodnya, maknanya ubat itu memang ubat palsu. Jadi dalam hal ini memanglah pihak biro mengadakan pengawalan dengan mengambil sampel dan pergi *test* di Biro Farmaseutikal dan kalau didapati memang melanggar apa yang disebut di atas kotak itu dan tidak sama dengan apa yang kita dapat di dalam ubat itu, maka ubat itu palsu dan akan dirampas.

Jadi hari ini bukan hanya ubat yang masuk segala macam dadah yang berbahaya tetapi makanan pun seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ia dimasukkan steroid. Kalau makan, lama-lama dia jadi gemuk, bulat dan sebagainya, itu steroid. Ia membahayakan kesihatan. Kadang-kadang *viagra* pun dimasukkan dalam kopi dan sebagainya. Kadang-kadang dimasukkan *sleeping pill* dalam itu. *Sleeping pill* kalau dia tak makan, dia akan dapat *depression*. Ini pun ada *hangover depression*, ini pun berbahaya kepada kesihatan.

Jadi dalam perkara ini memang pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal memang sentiasa *alert* dalam perkara ini. Jadi saya yakin dengan tindakan-tindakan yang dibuat termasuk juga undang-undang yang telah pun dipinda. Ini kalau dahulu denda hanya RM3,000 dan dua tahun penjara tetapi hari ini sudah - pindaan 2002, RM5,000 denda pertama. Kalau kedua kali dia buat kesilapan juga, kesalahan RM100,000 dan penjara lima tahun Tuan Yang di-Pertua. Jadi makna memang serius perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya mudah sahaja. Ubat ini kalau kena caranya, jadi ubat. Kalau tidak kena caranya, jadi racun dan boleh membawa maut seperti yang disebut oleh tuan punya soalan tadi. Jadi sekarang ini bukan sahaja jualan ubat ini berlaku di merata tempat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu tempat-tempatnya. Akan tetapi ianya juga berlaku iklan dalam televisyen, radio, surat khabar dan sebagainya. Sebahagian ubat ini yang hendak beri menarik perhatian orang ramai ialah ubat pulih tenaga batin. Ini cukup orang berkenan

dan ada orang dia beli dan makan ubat itu, daripada gagah boleh pakai, tidak boleh pakai langsung.

Jadi pertanyaan tambahan saya, adakah Kementerian Kesihatan Malaysia hendak menubuhkan satu skuad yang bergerak, cergas, cepat supaya penjualan-penjualan ubat ini secara haram ataupun melalui iklan dalam surat khabar, kalau tengok muka surat khabar saya tidak mahu sebut surat khabar mana, iklan itu sahaja. Tidak ada iklan lain. Jadi macam JPJ buat, pegawainya naik bas menyamar, boleh tengok drebar itu laju atau tidak laju. Kementerian Kesihatan Malaysia pun jadi penyamar juga beli ubat itu dan *test* tengok. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang skuad itu sudah ada dan mereka memang sentiasa pergi memeriksa premis-premis yang jual ubat, kedai-kedai ubat dan juga klinik Tuan Yang di-Pertua. Klinik pun pergi *check* hendak tengok ini. Contohnya saya beri untuk klinik, dia bagi untuk *psychotropic drugs* macam *clonazepam* contohnya, makan ubat tidur sampai 10 tahun ini apa cerita? Ini kerana mereka makan, dia *shock acting* dan makan sekejap sahaja, tidak boleh makan bertahun-tahun. Ini pun di *check*. Dia *check* kad ataupun pendaftaran pesakit itu berapa lama dia makan ubat itu. Jadi memang cukup serius dalam hal ini. Saya sebut tadi tiap-tiap-tiap ubat yang didaftar, yang di iklan kena ada hologram dia termasuk ubat tradisional pun, ubat kuat dan sebagainya. MAL, tahun, nombor empat angka dan di belakang 'T' maknanya "Tradisional". Jadi semua kena ada. Kalau tidak ada tidak boleh buat iklan.

Sebenarnya ini untuk kesenangan orang ramai, memang pihak Biro Kawalan kita mengadakan pelbagai aktiviti untuk menambah pengetahuan kepada orang ramai. Contohnya pada tahun 2012, pihak biro mengadakan 482 ceramah, 637 pameran dan 90 dialog. Sehingga bulan Mei tahun ini, pihak biro telah mengadakan 231 ceramah, 290 pameran dan 21 dialog. Ini untuk memberi kesedaran kepada masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**5. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian untuk meningkatkan peluang perniagaan untuk wanita terutamanya wanita ibu tunggal dan wanita kurang upaya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal. Pihak kerajaan kita sentiasa prihatin akan cabaran hidup yang dihadapi oleh ibu

tunggal dan juga wanita yang kurang upaya. Sehubungan dengan itu program untuk memperkasakan ekonomi mereka dijalankan bagi membuka peluang pekerjaan kepada ibu tunggal dan juga wanita yang kurang upaya. Antaranya ialah satu geran pelajaran di bawah Jabatan Kebajikan dan Masyarakat yang maksimumnya RM2,700 secara *one-off* disediakan untuk penerima termasuklah ibu tunggal yang ingin menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan dan juga wanita kurang upaya.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2011 sebanyak RM240,010 telah disalurkan kepada 100 orang ibu tunggal. Manakala bagi tahun 2012, sejumlah RM399,860 disalurkan kepada 138 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan mereka untuk menjalankan perniagaan. Melalui Jabatan Pembangunan Wanita pula ada melaksanakan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT) yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka terutama dalam bidang keusahawanan. Dari tahun 2008 hingga 2012, seramai 2,949 orang ibu tunggal di seluruh negara telah menyertai Program IKIT ini untuk mereka menceburi bidang pekerjaan ataupun memulakan perniagaan mereka sendiri.

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (INBOS 7) pula 1Malaysia *Women Initiative Empowerment* (1MWISE), Bazar Wanita 1Malaysia telah diwujudkan juga untuk menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita yang berpendapatan rendah. Bazar Wanita 1Malaysia di pasar tani telah dilancarkan pada 14 Disember di ruang niaga pasar tani Presint 2, Putrajaya. Di sini, lapan orang daripada peniagaanya adalah ibu tunggal daripada 15 orang itu. Lokasi kedua ialah Bazar Wanita 1Malaysia di RTC Kelantan dengan penglibatan 39 orang wanita dan daripada itu sembilan orang adalah ibu tunggal.

#### ■1100

Kita juga ada peruntukan bantuan khas perbendaharaan yang diberikan setiap tahun kepada badan-badan bukan kerajaan atau pun NGO. Melalui peruntukan ini, sebanyak RM5,320 telah disalurkan kepada 16 pertubuhan ibu tunggal yang melaksanakan 20 program berasaskan keusahawanan dan seramai 2,750 orang ibu tunggal juga telah mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan sejak tahun 2010 sehingga ke tahun ini.

Selain itu, kita juga ada program *Get Malaysian Business Online*. Ini adalah dalam usaha kita untuk membantu 50,000 orang usahawan kecil termasuklah wanita, terutama wanita sebenarnya iaitu untuk meningkatkan lagi perniagaan mereka secara jualan *online*. Dengan ini, mereka diberikan peruntukan geran RM1,000 daripada SKMM. Bermula

daripada Jun 2013 tahun ini, sebanyak daripada jumlah semua yang memohon itu diluluskan 54.4% atau 952 orang adalah terdiri daripada usahawan wanita.

Di bawah NKRA juga, kementerian juga melipatkan gandakan usaha menawarkan inisiatif yang lain dengan menggunakan pendekatan produktif *welfare* pula kepada golongan wanita untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Ini kita ada kerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan seperti mana yang saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, daripada bulan Januari 2010 hingga 31 Disember 2012 kementerian kita telah berjaya melahirkan 4,300 orang usahawan wanita. Ini sebenarnya melebihi sasaran kita 4,000 orang.

Selain itu, di bawah program 1AZAM ditawarkan juga kepada golongan wanita untuk menceburi perusahaan kecil dan mikro dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan diri mereka dan juga keluarga daripada jumlah 106,997 orang di seluruh negara yang telah mengikuti program ini, 70,224 orang peserta atau pun 65.5% adalah kaum wanita. Program ini juga iaitu khususnya AZAM niaga telah memberi manfaat kepada seramai 1,650 orang ibu tunggal dan 138 wanita kurang upaya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Puan S. Bagiam.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya dapati bahawa ramai yang merungut kerana birokrasi dalam proses kelulusan bagi sebarang permohonan bantuan seperti geran pelancaran bantuan kebajikan, bantuan 1AZAM dan program IKIT perlu memantapkan lagi supaya dapat membina usahawan. Apakah kementerian bercadang agar bantuan ini dapat diberikan dengan satu kaedah penapisan yang telus, mudah dan efisien berbanding keadaan semasa yang mengambil masa yang begitu. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan itu. Kita sentiasa terbuka dengar segala teguran daripada semua pihak termasuk daripada Yang Berhormat. Sekiranya mana-mana Ahli Yang Berhormat mengetahui ada masalah tentang pemberian bantuan daripada kementerian sama ada daripada JKM atau pun daripada JPW, mana-mana sahaja sama ada 1AZAM dan sebagainya, sila kemukakan kepada kami. Kita akan pantau perkara ini dan pastikan tidak ada masalah yang mana tujuan kita itu adalah untuk membantu mereka yang memerlukan, mereka yang susah. Jadi kalau ada masalah di peringkat penyampaiannya, kita perlu tahu dan kita akan semak dan kita akan usaha dipermudahkan lagi segala-galanya. Pada masa dan ketika ini, memanglah kita melalui

pelbagai proses, pertamanya kita dapatkan dulu nama-nama. Seperti mana Yang Berhormat tahu, kita akan melihat 1AZAM itu daripada senarai nama e-Kasih.

Jadi, apabila nama-nama dikemukakan kepada kementerian, pegawai-pegawai akan menyemak memastikan mereka berada di bawah senarai e-Kasih. Mereka akan menurun padang menemu ramah pemohon ini bagi memastikan betul-betul sampai kepada kumpulan sasar kita. Kadang-kadang kita juga ada dapat rungutan yang mereka yang bukan daripada kumpulan sasar yang dapat dan sebagainya, ini kita mahu pastikan. Jadi mungkin ini akan memakan sedikit masa. Walau bagaimanapun, kita selalu minta bantuan atau pun kerjasama daripada pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi supaya kita dapat menyegerakan bantuan ini di sampaikan, *insya-Allah*.

Akan tetapi apa yang Yang Berhormat katakan tadi itu, kita akan semak dan kita akan pastikan program kita yang baik ini, dengan niat yang baik daripada kerajaan kita Barisan Nasional ini, benar-benar sampai kepada kumpulan sasar kita dan dapat merubah nasib mereka. *Insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, silakan Datuk Raja Ropiaah. Silakan.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Saya memang mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengadakan berbagai-bagai inisiatif untuk membantu wanita. Hanya saya ingin bertanya, adakah kajian yang secara menyeluruh telah dibuat untuk mengetahui bahawa setelah kita memberi berbagai-bagai bantuan keusahawanan, adakah peningkatan dari segi pendapatan mereka yang telah menerima bantuan. Saya dapati bahawa umpamanya program 1AZAM, kita telah banyak berbelanja dan memberi bantuan kepada golongan yang sepatutnya diberikan. Akan tetapi setelah diberikan berbagai-bagai geran dan sebagainya, mereka ini dilepaskan begitu sahaja, tidak ada pemantauan dan juga saya rasa daripada segi latihan keusahawanan itu pun mungkin agak berkurangan.

Saya rasa adalah perlu untuk mendapatkan hasil yang betul bahawa kita bukan hanya memberi barangan-barangan sahaja, tetapi mesti ada wujudnya latihan untuk membangun dan membina wanita-wanita ini supaya mereka boleh lebih berjaya. Apakah tanda aras yang digunakan oleh pihak kementerian untuk melihat kemajuan dan kejayaan golongan ini? Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah di atas pengiktirafan terhadap usaha kementerian ini dan juga di atas keprihatinan terhadap kaum wanita kita di seluruh Malaysia. Sesungguhnya memang menjadi satu keutamaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ini untuk membela, membangunkan kaum wanita dan memperkasakan mereka dalam bidang perniagaan. *Economic empowerment* adalah satu tunjang kita di kementerian itu.

Sesungguhnya saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, sebelum kita memberikan apa-apa pun bantuan kepada kaum wanita ini yang menjadi kumpulan sasar kita, mereka diberikan latihan terlebih dahulu. Latihan dari segi apakah program yang mereka ingin ikuti, misalnya masakankah, kecantikankah, jahitankah dan sebagainya. Itu diberikan latihan kepada mereka melalui program-program bersama-sama dengan Jabatan Pembangunan Wanita dan juga NGO. Saya banyak senarai ini, macam-macam kursus yang telah diberikan. Selepas itu mereka juga diberikan kursus kewangan, bagaimana untuk menjalankan perniagaan mereka. So kita tidak mahu mereka hanya dapat bantuan, tetapi tidak tahu apa yang mereka ingin lakukan dan tidak tahu bagaimana mengendalikan perniagaan mereka. Jadi semua ini diberikan.

Saya ingin maklumkan bahawa daripada 4,300 usahawan wanita yang kita bangunkan bersama-sama dengan AIM itu, rata-rata saya dengan bangganya mengatakan di sini bahawa rata-rata mereka itu masih lagi mengekalkan pendapatan melebihi RM3,500 dan ada juga sudah melebihi RM10,000 pun setiap bulan pendapatan mereka. Ini satu kejayaan yang amat-amat kita banggakan. Program IKIT pula dengan ibu tunggal itu tadi, yang telah berjaya sebagai usahawan dan memulakan perniagaan mereka, masih lagi pada masa ini ialah 1,701 orang.

#### ■1110

Ini adalah satu kejayaanlah pada pandangan kami di kementerian. Walau macam mana pun kami masih juga tidak lagi berpuas hati. Kita akan meneruskan usaha kita bagi memastikan mereka yang sudah berjaya ini akan bertambah bilangannya lagi. Oleh kerana itulah kita dengan bersama-sama dengan AIM dan agensi-agensi kerajaan yang ada mengadakan pemantauan secara berkala. Kalau AIM itu seperti mana kita semua maklum, setiap minggu mereka akan mengadakan pertemuan, mereka mengadakan mesyuarat dengan usahawan-usahawan wanita ini, di situlah mereka akan kenal pasti ada masalah atau tidak? Ada kursus lagi kah yang perlu mereka lalui, adakah mereka memerlukan lagi bantuan?

Apabila diketahui itu, maka mereka akan mengambil tindakan selanjutnya. Kursus-kursus itu akan diteruskan daripada semasa ke semasa bagi memastikan kerja kita ini bukan setakat orang kata, 'melepaskan batuk di tangga sahaja,' tetapi kita mahu betul-betul. Apa yang kerajaan usahakan untuk membangunkan kaum wanita ini benar-benar berjaya seperti mana yang kita harapkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bahawa isu keciciran di kalangan pelajar Orang Asli antaranya berpunca daripada kekurangan kemudahan prasekolah atau tadika dan juga sikap guru tadika yang kurang menyenangkan, oleh itu apakah tindakan Kementerian bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan soalan nombor enam, sehingga kini KEMAS telah menyediakan sebanyak 223 buah tabika di kawasan perkampungan Orang Asli iaitu:

Negeri	Tabika KEMAS (Jum/buah)
Selangor	32
Negeri Sembilan	22
Pahang	62
Johor	29
Perak	60
Kelantan	18

Seramai 5,158 orang kanak-kanak Orang Asli yang menerima akses kemudahan tabika ini dengan seramai 222 orang pemaju masyarakat iaitu guru tabika. KEMAS akan memperluaskan lagi pelaksanaan pembukaan kelas-kelas tabika pada tahun 2014, tahun depan. Bagi memastikan anak-anak Tabika KEMAS kawasan Orang Asli dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat dan selesa maka tabika berkenaan turut dibekalkan dengan kemudahan peralatan dan kelengkapan perabot serta alat pengajaran dan pembelajaran.

Bukan itu sahaja, anak-anak tabika Orang Asli KEMAS juga menerima kemudahan makanan tambahan berkhasiat yang boleh mempengaruhi kecerdasan otak mereka dengan kadar sebanyak RM1.80 seorang sehari. Kementerian juga telah menyediakan peruntukan bantuan geran kapita kepada setiap orang kanak-kanak Tabika Orang Asli KEMAS yang digunakan untuk membeli buku aktiviti kanak-kanak, bahan pengajaran dan pembelajaran, pembelian pakaian seragam, pakaian sukan dan beg

sekolah serta mengadakan lawatan pendidikan yang ke tempat yang boleh menambah pengetahuan dan pengalaman kepada kanak-kanak.

Pemaju masyarakat atau guru Tabika KEMAS bagi kawasan Orang Asli adalah dilantik daripada Orang Asli setempat iaitu berdasarkan kepada lokasi, cadangan kelas tabika yang akan dibuka. Sebelum berkhidmat, guru tabika berkenaan diberi latihan dan Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAKK) selama enam bulan yang meliputi pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Selesai menamatkan latihan, guru tabika berkenaan akan ditempatkan di kampung masing-masing kerana mereka lebih memahami kehendak dan budaya tempat sendiri.

Bagi memastikan semua guru Tabika KEMAS mempunyai ilmu, berkemahiran serta berkualiti dalam mendidik kanak-kanak di tabika, maka kementerian telah memberikan peluang kepada semua guru termasuk guru Tabika Orang Asli untuk mengikuti Kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di kampus-kampus perguruan. Seterusnya ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kolej KOPEDA dan Kolej KETENGAH Terengganu yang dilaksanakan di dalam cuti ya, kursus dalam cuti.

Kursus dalam perkhidmatan lain juga turut diberikan seperti kursus kewangan, pengurusan aset dan stor, bengkel peningkatan profesionalisme kawasan pendalaman khas untuk guru Orang Asli. Walau bagaimanapun, usaha yang diambil oleh kementerian ini untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak Orang Asli memasuki tabika ini haruslah diikuti dengan sokongan dan galakan daripada ibu bapa itu sendiri. Walaupun kemudahan infrastruktur pendidikan awal kanak-kanak telah disediakan tetapi masalah sikap dan minda masyarakat Orang Asli perlu diubah, khususnya ibu bapa supaya anak-anak mereka mendapat pendidikan sempurna.

Adalah menjadi cabaran kepada kementerian ini untuk memastikan masyarakat Orang Asli terbuka sikap dan mindanya serta menerima idea-idea baru dalam menerima perubahan terutamanya untuk memajukan pelajaran kanak-kanak mereka dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan satu jawapan yang sangat baik. Yang dikatakan bahawa telah didirikan 223 buah tadika di seluruh perkampungan masyarakat Orang Asli dan untuk makluman Yang Berhormat Timbalan



Menteri di seluruh Semenanjung ini ada terdapat 853 perkampungan Orang Asli. Jadi, saya ingat masih belum mencukupi lagi. Tuan Yang di-Pertua bahawa kita semua bersetuju pendidikan ini adalah satu perkara pokok ataupun perkara yang asas di dalam hendak melonjakkan sosial ekonomi sesuatu kaum atau sesebuah negara. Jadi, oleh itu ianya sangat penting.

Pihak kerajaan telah membuat sasaran iaitu pada tahun 2015, tahap keciciran di kalangan anak-anak Orang Asli akan berada pada tahap 15%. Perangkaan ini menunjukkan pada tahun 2012 iaitu berada pada tahap 26.2%. Sememangnya perihal pendidikan pelajar masyarakat Orang Asli ini banyak terletak di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan, namun sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih berada di luar bandar dan juga memerlukan perhatian yang lebih daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Oleh itu, soalan tambahan saya. Apakah bentuk kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pendidikan yang telah diselaraskan bagi memastikan kemudahan prasarana dan kemudahan bangunan prasekolah yang akan dibina mempunyai persekitaran yang lebih sesuai kepada masyarakat ini? Adakah kementerian bercadang untuk merangka kokurikulum khusus kepada anak-anak Orang Asli di prasekolah yang merangkumi kandungan pembelajaran dan kaedah pembelajaran yang sesuai kepada mereka dan juga bersesuaian dengan guru-guru yang akan mengajar di tadika-tadika yang disediakan di perkampungan mereka? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, ada tiga soalan ya. Soalan pertama dia, sekarang yang sedia ada hanya 223 buah tabika KEMAS dan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi ada 853 perkampungan Orang Asli. Kerajaan sentiasa peka dan amat prihatin keperluan masyarakat Orang Asli dan kementerian juga tahu banyak lagi Tabika KEMAS bagi kampung-kampung Orang Asli perlu dibina. Langkah ini kita akan ambil mengikut yang mana kampung yang diberi keutamaan, kita akan *prioritize*kanlah jadi mengikut keperluan.

Bagi masalah keciciran di kalangan kanak-kanak Orang Asli di sekolah, memang kerajaan tahu juga akan masalah ini dan ada beberapa langkah yang perlu diambil dan semestinya diambil. Untuk memberi keterangan yang lebih tepat, saya akan majukan maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator, tentang apa dia langkah-langkah yang perlu kita ambil ataupun sedang diambil sekarang.

## ■1120

Juga dengan pandangan bagaimana Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini bekerjasama untuk merangka struktur ataupun apakah kurikulum yang mungkin lebih tepat bagi pembelajaran dan pendidikan anak-anak Orang Asli di sekolah-sekolah. Ini juga bukan perkara baru. Kedua-dua kementerian ini sentiasa mencari penambahbaikan kepada perkara ini. Saya dengan peluang ini Tuan Yang di-Pertua ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Senator ataupun supaya Yang Berhormat Senator boleh memberikan cadangan atau apa-apa pandangan supaya boleh diguna pakai dalam penambahbaikan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh atau tidak satu Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah apa-apa program untuk Orang-orang Asli selain daripada bantuan infrastruktur? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan itu tadi boleh baca lagi Yang Berhormat Senator?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh. Adakah program untuk Orang-orang Asli selain daripada bantuan infrastruktur?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Masyarakat Orang Asli di negara kita ini adalah seperti mana etnik, dia sama status juga dengan etnik-etnik lain. Apa yang kita beri kepada atau bantuan-bantuan yang diberikan kepada etnik-etnik lain juga boleh ataupun diberikan kepada masyarakat Orang Asli ini selain daripada pembangunan infrastruktur. Pembangunan infrastruktur adalah sebahagian mungkin kecil sahaja boleh dikatakan sebab Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin kepada rakyat tidak memilih kasih daripada semua yang boleh kita beri kepada masyarakat lain, kaum lain, kita juga beri kepada masyarakat Orang Asli.

**7. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah kementerian bagi mengukuhkan nilai ringgit berbanding nilai Yen, *Singapura Dollar*, *Pound Sterling*, *US Dollar* dan *Euro* agar urusan dagangan asing lebih stabil dan kadar inflasi dalam negara dapat diminimumkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany mengenai soalan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kestabilan dalam dagangan dan pelaburan asing memerlukan kadar pertukaran wang yang stabil. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia memastikan penyelarasan yang teratur dan kadar pertukaran ringgit yang stabil kerana ia penting untuk memudahkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Bank Negara Malaysia bagaimanapun tidak menyasarkan sebarang paras atau trend tertentu bagi kadar pertukaran kerana pada dasarnya ia ditentukan oleh asas-asas ekonomi negara. Kestabilan ini memberikan masa yang mencukupi kepada para pengeksporth dan sektor perniagaan untuk membuat penyesuaian dengan persekitaran yang berubah-ubah dengan mengagihkan semula sumber mereka dan beralih ke bidang baru yang mempunyai kelebihan berbanding perdagangan.

Di bawah struktur kadar pertukaran apungan yang terurus, dengan izin, *manage float exchanges rate* ringgit diuruskan berbanding dengan mata wang semua rakan dagangan utama. Oleh itu, tumpuan bukanlah terhadap prestasi ringgit berbanding dengan sesuatu mata wang atau kumpulan mata wang tertentu. Berbanding dengan mata wang rakan dagangan utama Malaysia, ringgit secara relatif kekal stabil. Sejak beralih kepada apungan terurus pada bulan Julai 2005, kadar pertukaran efektif nominal, dengan izin, *Nominal Effective Exchanges Rate (NEER)* iaitu purata berwajaran ringgit berbanding dengan mata wang rakan dagangan utama Malaysia, ringgit telah meningkat sebanyak 11.1%. Ini berbanding dengan mata wang serantau lain seperti China, Indonesia, Korea, Filipina, Taipei, Singapura dan Thailand yang mencatatkan penyusutan dan penambahan nilai di antara (-18% ), 18% dan 28%. Berdasarkan tempoh masa yang lebih terkini, sejak awal tahun 2012, ringgit meningkat sebanyak 7.3% manakala negara lain di rantau ini adalah di antara (-4.3%) hingga 9.8%.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertukaran wang bukanlah alat dasar untuk menguruskan inflasi. Rangka kerja dasar monetari Bank Negara Malaysia menggunakan kadar faedah dasar dengan izin, *overnight policy rate (OPR)* untuk mencapai matlamat monetari iaitu untuk mengekalkan kestabilan harga di samping memberikan perhatian kepada perkembangan dalam ekonomi. Kadar inflasi negara kita kekal rendah pada purata 1.6% pada tahun 2012 dan tahun 2013 seperti yang diukur oleh indeks harga pengguna (CPI). Terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana pula kawalan terhadap pasaran niaga mata wang dan ketirisan yang mungkin berlaku atau operator-operator pengurup wang dan bukan institusi kewangan serta kawalan

kementerian terhadap skim pelaburan atau spekulator mata wang dan jangkaan kesan ke atas kestabilan Ringgit Malaysia?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih atas soalan itu. Mengenai skim pelaburan di bawah Kementerian Kewangan kita ada yang di panggil *Securities Commission* ataupun Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti sentiasa melakukan apa yang dipanggil sebagai pendidikan kewangan.

Mengenai kawalan dan ketirisan melalui pengurup wang ini, kita telah mengurangkan bilangan pengurup wang yang berlesen, daripada lebih kurang 800 kepada 400 dan hanya pengurup wang yang benar-benar mempunyai kriteria *fit and proper*, dengan izin telah diberikan lesen. Kita juga mempunyai AMLATFA iaitu *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act* untuk memastikan bahawa ketirisan dan kawalan tentang masalah Yang Berhormat disebut oleh Yang Berhormat tadi dapat dikawal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah menukar wang ringgit di banyak negara asing tidak dapat dibuat. Kalau kita hendak menukar *currency* sesebuah tempat, kita mesti tukar ringgit kita kepada USD, *Pound Sterling* atau sebagainya. Pandangan Yang Berhormat kenapa dan saya berfikir ini satu *insulting to* negara kita. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Soalan itu Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon ini adalah berkaitan dengan pengantarabangsaan Ringgit Malaysia. Ada soalan yang kalau saya boleh merumuskan kembali soalan itu, bilakah ringgit kita ini boleh diniagakan di pasaran antarabangsa secara terus? Pada prinsipnya, pengantarabangsaan ringgit ini harus didorong secara semula jadi oleh aktiviti ekonomi. Pengantarabangsaan ringgit ini akan kita laksanakan berperingkat-peringkat apabila kita telah mempunyai beberapa syarat. Akan tetapi yang penting sekali kita khuatir jika kita melaksanakan pengantarabangsaan ringgit, ia boleh menyebabkan gangguan pasaran kewangan yang ketara dan menjejaskan keseluruhan kestabilan makroekonomi kita. Oleh kerana itu kita akan laksanakannya secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

#### ■1130

**8. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan, jenis tindakan yang telah diambil bagi menangani penyebaran ajaran Syiah di Malaysia.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Bagi menangani penyebaran ajaran Syiah di negara ini, kerajaan bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan aliran Syiah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam negara ini.

Antara usaha-usaha yang telah dan terus dilaksanakan ialah menyebar luaskan fakta-fakta yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat, sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat pengharaman Syiah menerusi media cetak dan elektronik. Di samping yang sama, kerajaan juga memantau, mengawal dan merampas bahan-bahan media termasuk media cetak dan elektronik dari tersebar fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang seterusnya ialah kerajaan meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan agensi keselamatan dalam menangani dan menyekat fahaman Syiah dari berleluasa dan tersebar kepada masyarakat. Seterusnya, kerajaan melaksanakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Enakmen Jenayah Syariah yang berkuat kuasa di negeri-negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan pertama, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ajaran Syiah sebenarnya telah menular di Malaysia semenjak 1990 lagi dan sehingga kini dikatakan seramai lebih 300,000 adalah penganut Syiah. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pihak kementerian sentiasa membendung ajaran ini daripada terus menular tetapi kenapa jumlahnya sebegitu banyak.

Sebenarnya, sehingga ke hari ini bagi mana-mana negeri yang telah punewartakan bahawa Syiah itu haram, ada tidak sebarang pendakwaan dan sabitan yang telah dibuat setakat yang direkodkan? Sekian, terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa pendakwaan terhadap 300,000 yang telah pun disebut oleh pihak atau pun kumpulan yang mengamalkan Syiah ini sebenarnya yang pertama, sebagai satu

pendakwaan. Namun, kita tidak menolak bahawa pengikut-pengikutnya itu melebar sehingga bukan hanya sekadar merentasi kelompok batasan bangsa. Bahkan ia merentasi kelompok batasan parti-parti politik, pelbagai anutan parti politik yang di dokong juga merentas di dalamnya penyokong-penyokong yang daripada golongan Syiah.

Namun, 300,000 ini tidak disebutkan sebagai *pendetailan* kepada senarai nama tetapi sekadar sebutan dan juga perangkaan yang disebut. Ada pandangan yang menyebut memang ada jumlah yang agak besar tetapi tidak sampai kepada 300,000. Mungkin kerana faktor-faktor untuk membesarkan sokongan dan juga menunjukkan bahawa mendapat sambutan yang begitu ramai.

Selain daripada itu juga, berdasarkan kepada soalan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi, suka juga untuk saya jelaskan bahawa jumlah ini meningkat bukan hanya sekadar berdasarkan jawapan yang telah saya berikan semasa penggulungan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini. Semalam saya sebutkan bahawa ia bukan hanya sekadar faktor dalaman tetapi faktor luaran yang merentas suasana dan juga keadaan. Faktor luaran dalam erti kata ialah melalui penyebaran media-media yang bukan dalam kawalan sepenuhnya oleh kerajaan seperti mana media yang bersifat *internet*, *media* yang bersifat baru ini yang sukar untuk kita bendung. Begitu juga kalau tadi ditanyakan negeri yang pernah menguatkuasakan, berapa buah negeri yang telah pun menguatkuasakan. Antaranya, pendakwaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan beberapa negeri yang lain masih lagi berjalan.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam penggulungan yang lalu juga di Dewan ini, saya nyatakan bahawa bahkan ada 10 orang yang telah pun ditahan di bawah ISA pada tahun 1999 yang berkaitan dengan kegiatan dan juga amalan daripada pegangan Syiah tersebut. Dalam masa yang sama juga, pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Fatwa telah pun bersidang sebanyak sekurang-kurangnya dua kali di mana tahun 1994. Kemudian, diikuti pula pada tahun 1996 untuk supaya diperkemas lagi fatwa tentang pengharaman terhadap anutan Syiah ini. Jadi, ini di antara beberapa kerangka dan juga kronologi tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang sedang berjalan seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan, kerana kita terpaksa menyelesaikan banyak perkara untuk dibahaskan. Maka, setakat itu sahajalah soalan lisan dan kita pergi seterusnya kepada agenda.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**USUL****MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH  
DI BAWAH P.M. 70(1)****11.38 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Pengerusi)  
(Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara);
  2. Yang Berhormat Datuk Doris Sophia ak Brodi;
  3. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon;
  4. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh; dan
  5. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.
- Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, jawatankuasa ini akan memilih jawatankuasa-jawatankuasa yang lain termasuk Jawatankuasa Dewan yang akan membincangkan soal elaun yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**  
Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 70(1) itu tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

■ 1140

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, “Rang Undang-undang Perbekalan (2012) 2013, dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[31 Julai 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut rekod kita saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat menyambung berucap sebagai menyambung ucapan semalam. Silakan.

Sekejap, saya hendak makluman, semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan ingin berucap, saya mohon kerjasama supaya kita akan tamat Majlis kita hari ini dan saya berharap semua Yang Berhormat kalau boleh cakap dengan bernas, tegas



dan jangan meleret-leret. Kalau boleh dapat kerjasama mungkin agaknya kita boleh selesaikan, tamatkan lebih awal.

Untuk makluman juga, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lupa baru-baru ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada menjemput kalau sekiranya dalam satu taklimat. Andainya dapat kita selesaikan majlis kita pada hari ini awal, mungkin agaknya kementerian itu boleh *accommodate*, dengan izin, semua Ahli Dewan Negara untuk hadir. Sekian dimaklumkan. Sekarang saya silakan Yang Berhormat.

**11.41 pg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*. Izinkan saya menyambung perbahasan yang telah terhenti semalam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya membincangkan tentang Kementerian Pelajaran dan di akhir yang saya berhenti semalam ialah membincangkan tentang ada program-program yang diadakan di kalangan pelajar dan juga orang-orang luar selain daripada pelajar berhubung dengan nasyid-nasyid atau munajat yang telah disahkan oleh pihak JAKIM bahawa ia adalah salah. Walau bagaimanapun, kita masih lagi kedengaran di corong-corong radio dan juga TV berhubung dengan zikir-zikir tersebut.

Semalam saya sebut zikir itu ialah antara lainnya ialah zikir munajat yang berbunyi, "*Hasbi rabbi jallallah, maafiqalbi ghairullah, Nur Muhammad sollallah*", dan saya ingin menyebutkan bahawa zikir ini sebenarnya adalah merupakan satu zikir yang mempunyai kaitan dengan Nur Muhammad. Nur Muhammad itu pula mempunyai kaitan dengan konsep *wahdatul wujud*.

*Wahdatul wujud* bermaksud, fahaman itu mengatakan bahawa makhluk dan Allah itu hanyalah satu seperti duit syiling atau duit seringgat. Kalau tengok sebelah ini gambar Parlimen, sebelah lagi ialah Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi hakikatnya satu. Itulah gambaran yang telah diberikan oleh mereka ataupun mereka mengatakan ialah ombak dengan air laut itu adalah sama. Tidak ada yang berbeza. Hal seperti ini Tuan Yang di-Pertua merupakan satu perkara yang sangat serius yang ada di dalam masyarakat kita dan ditonjolkan kembali.

Baru-baru ini saya melihat dalam sebuah TV tetapi saya terlupa TV mana, ada seorang pengarang telah mengutarakan sebuah bukunya yang diterbitkan di dalam negara kita berhubung dengan Nur Muhammad iaitu maksudnya ialah konsep asal usul kejadian alam. Kononnya di dalam buku tersebut dan juga banyak buku lain mengatakan bahawa seluruh alam ini adalah terjadi dari Nur Muhammad bukan dicipta oleh Allah. Ini

adalah satu perkara yang sangat serius dan besar dan saya berharap perkara seperti ini perlu dilihat dengan serius dan jangan sampai masuk ke dalam kurikulum pelajaran kita ataupun dalam program-program. Dalam hubungan ini juga saya melihat konsep ini telah cuba diterapkan di dalam masyarakat, di dalam kumpulan-kumpulan kecil sehingga ia menjadi kumpulan yang tersebar luas. Apa yang kita lihat ajaran-ajaran sesat yang telah difatwakan di Malaysia tidak dapat pisah daripada konsep ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih malang lagi, konsep ini akan membawa manusia itu adalah tuhan dan tuhan itu adalah manusia. Ekorannya ialah mereka mengatakan tidak ada dosa dan pahala dan tidak ada mati dan hidup. Ini adalah merupakan satu perkara yang serius yang perlu ditangani.

Begitu juga nasyid-nasyid lain yang kita dengar di corong-corong radio dan juga TV. Antara lain ialah, "*Ana madinatul il'mi wa Ali baabuhu.*" Ini bermaksud, "*Saya adalah kota ilmu dan Ali adalah pintunya*". Nasyid ini selalu dikumandangkan di corong radio dan ini adalah unsur-unsur Syiah yang telah disebar secara tidak langsung di dalam masyarakat. Baru-baru ini saya bertanya kepada pihak Kementerian Pelajaran, adakah hal ini tersebar di kalangan masyarakat kita, orang-orang tempatan, di IPT. Maka hari ini saya melihat di dalam akhbar menyatakan kita boleh merasakan perkara itu ada di dalam kalangan masyarakat kita dan di IPT.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyebut bahawa ada unsur-unsur seperti ini disebar secara tidak langsung. Sebagai contohnya ialah, Tongkat Ali, Kacip Fatimah. Siapa tak tahu Tongkat Ali dan siapa tak pernah dengar Kacip Fatimah. Ini sebenarnya unsur yang disorok masuk dalam masyarakat yang mengandungi unsur-unsur pendewaan terhadap Sayidina Ali yang lebih daripada sepatutnya dan itu sebenarnya bukan sahaja untuk mendewakan tetapi untuk meruntuhkan kerana ia dijadikan simbol seks.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya harap perkara-perkara ini kita nampak bersahaja tetapi ia mempunyai unsur yang mendalam. Saya minta bahawa kurikulum pelajaran kita perlu diperhatikan supaya unsur-unsur ini tidak ditampilkan khasnya tampil di kaca-kaca TV untuk tontonan semua masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang berhubung dengan Kementerian Pendidikan ialah semalam telah dibangkitkan oleh Dato' Boon iaitu kedudukan gaji para pensyarah. Kita lihat sekarang, gaji adalah sama, tidak ada beza antara pensyarah dengan bukan pensyarah yang menyebabkan orang tidak mempunyai minat untuk menjadi pensyarah dan kita tidak boleh tarik orang-orang yang berkualiti dan berkaliber untuk menjadi pensyarah. Kalau kita tengok tarafnya sama antara guru sekolah

menengah, pegawai biasa dengan pensyarah universiti. Angka yang sama, skim yang sama.

Jadi, kalau kita melihat untuk menjadi seorang pensyarah perlu membuat pengajian lanjutan, kajian dan berbagai-bagainya. Oleh sebab itu orang-orang yang bijak, orang-orang yang pandai mungkin tidak berminat kerana lambat. Kalau mereka tengok skim gaji yang sama maka di situlah mereka tidak berminat. Kerana itu saya merasakan kerajaan perlu memikirkan skim-skim yang menarik untuk pensyarah, apa lagi kita sekarang ini, kita ada universiti-universiti penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Kementerian Kesihatan. Apa yang saya hendak bangkit di sini ialah dalam persidangan lalu, Dewan telah meluluskan tentang Akta Perubatan Alternatif dan ia telah dijalankan di beberapa buah hospital di dalam negara kita. Ada satu lagi untuk mengawal selia perubatan alternatif ini perlu kepada satu badan untuk mengawal. Jadi dalam keputusan itu telah diputuskan untuk mengadakan satu badan. Namun, saya ingin mengetahui setakat mana badan itu? Adakah ia telah ditubuhkan, siapa anggotanya kerana perubatan ini terus berlaku, terus berjalan dan ada berbagai-bagai keadaan yang telah kita tengok dalam laporan-laporan akhbar dan juga berita-berita, ada yang mengambil kesempatan daripada perubatan ini dan juga ada yang boleh membawa kepada pencabulan dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, setakat mana kedudukan badan tersebut, badan kawal selia dan adakah ia telah ditubuhkan dan kalau ditubuhkan, saya ucap terima kasih banyak.

#### ■1150

Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Yang di-Pertua, umumnya melihat Kementerian Belia dan Sukan ini memberi tumpuan kepada golongan muda. Namun masyarakat hanya banyak mengetahui kegiatan Kementerian Belia dan Sukan itu tentang sukannya. Lebih banyak mereka didedahkan dengan program kesukanannya, sesuai dengan Menteri Belia yang baru dan orang pun masih belia lagi. Saya ingin mengetahui program-program baru yang dicadangkan untuk meningkatkan lagi sumbangan para pemuda kita di dalam negara dan sehingga mereka dapat memberi impak yang baik kepada perkembangan dan pembangunan negara. Kemudian saya hendak pergi kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua minit lagi sebab semalam Yang Berhormat sudah bercakap.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pergi kepada Amanah Ikhtiar, saya tidak tahu kementerian mana, tidak apa saya rasa, boleh

dijawab nanti. Amanah Ikhtiar merupakan satu proses memberi pertolongan kepada orang-orang yang ingin mencuba diri dalam usaha-usaha. Namun saya ingin meminta pihak kementerian mengkaji balik kaedah pemberian dan juga tunjuk ajar kepada orang yang berkenaan. Ini kerana saya duduk di kampung Tuan Yang di-Pertua, saya melihat mereka ini mengambil Amanah Ikhtiar tetapi mereka tidak guna untuk memajukan diri dalam perniagaan khususnya, sebaliknya mereka gunakan untuk membeli barang-barang perhiasan dan apa-apa yang tidak ada kena-mengena, sehingga mereka menjadi susah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan *maqasid Syariah* dan juga *al-wasatiyyah*, maka sudah sampai waktunya supaya badan-badan induk di dalam negara kita memberi tempat kepada orang-orang yang mempunyai latar belakang Pengajian Islam supaya dapat membantu di dalam merumuskan dan membimbing masalah. Sebagai contohnya, di dalam Dewan ini, Dewan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu ada orang-orang yang mempunyai latar belakang Pengajian Islam yang baik untuk membantu di dalam urusan-urusan perbincangan kita.

Begitulah juga di dalam membuat dasar, mereka perlu dilantik dan diberikan tempat supaya dasar-dasar itu dapat difahami menurut Islam dan jangan sampai bercanggah. Begitu juga di dalam membuat bajet, saya lihat bajet kita tahun lepas dan sebelumnya, walaupun kita mengatakan kita telah mengorak langkah kepada kefahaman Islam dan sebagainya. Namun saya perhatikan kalau pinjaman yang diberikan di dalam bajet itu masih dikenakan caj 4%. Ini tidak selari dengan *maqasid Syariah*. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan kita, kerajaan di dalam merealisasikan *maqasid Syariah* dan sesuai pula dengan Islam sebagai agama negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bajet tambahan ini merupakan satu bajet yang telah dikemukakan dan saya ingin meminta supaya semua pihak meneliti betul-betul dengan perbelanjaan secara cermat dan berhemah kerana setiap sen yang telah diluluskan di sini, oleh Dewan ini merupakan tanggungjawab kepada setiap yang diberi amanah dan amanah itu kita tahu bukan sahaja ditanya di dunia tetapi di akhirat nanti kita akan ditanya pula. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal, selepas itu Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bersedia. Silakan.

**11.54 pg.**

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012. Saya ada beberapa perkara mengenai empat kementerian yang saya hendak bawa dan bahas hari ini.

Pertamanya ialah mengenai Kementerian Dalam Negeri. NKRA pertama memang telah memberi satu *statement* bahawa mengurangkan penjenayah ataupun *crime deduction* begitu penting sekali bagi negara kita. Akan tetapi baru-baru ini saya rasa semua rakyat berfikir sama ada betul jenayah ini telah turun ataupun meningkat sekarang. Ini kerana baru-baru ini sahaja kita ada tiga ataupun empat tembakan, apa yang saya tahu tiga tetapi semalam seseorang beritahu ada tembakan di Parit Buntar pun. Ada yang tokoh bank ditembak mati, ada Ketua Eksekutif Mywatch ditembak masuk hospital, ada seorang kaum Sikh pun, kaum saya semasa makan di restoran, ditembak mati.

Bukan sahaja daripada tembakan tetapi rompakan pun banyak. Minggu lalu kita mendengar doktor perubatan keluar dari klinik, dua orang bawa pisau, rompak dan potong jari. Saya pun sudah beritahu semasa saya bahas minggu lalu, depan rumah saya 50 meter tiga, empat bulan dulu, ada seorang perempuan berjalan pukul 4 petang, dirompak dan ditikam, mati. Sebelum raya jiran saya buat kenduri, ada RELA, 40 kereta datang, bangun pagi dia beritahu saya, dua kereta dipecahkan perompak walaupun ada orang-orang RELA.

Jadi saya rasa penting kita mengambil berat tentang perkara ini. Jadi saya hendak tahu daripada Kementerian Dalam Negeri, berapa banyak anggota polis? Kita tahu ada banyak anggota polis tetapi berapa banyak yang *diallocate*, dialokasikan untuk menjaga keselamatan orang ramai. Adakah cukup peralatannya, adakah alat-alat moden cukup atau tidak cukup dan latihan yang telah diberikan kepada anggota-anggota ini adakah cukup atau tidak cukup.

Ini kerana banyak Tuan Yang di-Pertua, banyak rompakan, banyak pembunuhan tetapi tidak ada tangkapan. Kita memberi satu persepsi kepada penjenayah-penjenayah ini boleh buat apa-apa pun tidak apa, tidak ada tangkapan. Seperti Senator Boon Som beritahu semalam, kalau kita tidak jaga negara kita, nanti akan menjadi negara koboi. Saya pun tidak tahu hendak beli pakaian koboi di mana. Jadi kita kena jaga, ambil berat.

Jadi saya betul-betul menyokong *statement* Perdana Menteri. Baru-baru ini saya baca akhbar, dia beritahu dengan izin, "*Take all measures, all measures to curb violence.*" Jadi ini penting, saya harap Kementerian Dalam Negeri memang *have to take all measures*. Buat tangkapan yang sewajarnya untuk kes-kes tembakan, rompakan dan apa

sahaja, buatlah supaya kita rakyat Malaysia berasa selamat. Tidak ada guna kita ada bangunan tinggi-tinggi, MRT, macam-macam kita ada tetapi bila kita hendak naik MRT itu, hendak pergi sana kena rompak. Jadi pentinglah kita memberi prioriti kepada keselamatan ini.

Kedua, macam mana atau bagaimanakah senjata-senjata ini boleh masuk ke Malaysia? Kita ada undang-undang, tidak boleh beli senjata dan tidak boleh pakai senjata. Kalau ada senjata kena tangkap sampai boleh digantung mati akan tetapi senjata ini senang-senang dibawa masuk ke Malaysia.

### 1200

Kita dengarlah, saya pun dengar senang hendak dapat senjata dari Thailand. Semalam saya berjumpa dengan seorang peguam bela. Dia memang mewakili mereka-mereka yang ditahan yang ada senjata. Dia beritahu semasa temu duga dengan dia punya kelai yang kena tangkap itu, dia beritahu senang sekali hendak pergi ke Thailand beli senjata. Ia bukan sahaja beli senjata, dia akan beritahu tunjuk ajar macam mana hendak bawa senjata ini ke Malaysia. Letakkan dalam bas, bungkus dengan pakej nasi lemak bawah kerusi, masa hendak bawa keluar dekat sempadan keluar, orang yang naik atas dia tidak ada alat, dia tengok-tengok, ah! Pakej nasi lemak. Biar saja.

Jadi penguat kuasa ini pun, Kementerian Dalam Negeri mesti membeli alat-alat yang lengkap, perkakas yang lengkap, teknologi yang bagus, *metal detector* ataupun apa-apa sahaja yang kita boleh *detect*lah senjata-senjata ini sama ada di keretapikah, keretakah dan mesti hendak tukar undang-undang. Saya tahu kita ada bincang tentang *Emergency Ordinance* ini tetapi dalam senjata ini, kalau bas yang bawa penumpang itu, dia menyeludup senjata, pengarah syarikat bas itu pun mesti bertanggungjawab. Tidak boleh biar sama mereka. Sempadan pun bukanlah hendak kata besar sangat. Kita daripada Bukit Kayu Hitam sampai Singapura 800 kilometer. Dari Padang Besar sampai Golok itu berapa? Saya ingat 200 kilometer ke 150 kilometer, saya tidak tahu. Akan tetapi kawalan penting. Pakailah wang tidak apa sebab keselamatan ini memang penting sekali. Janganlah kita ada lorong-lorong, dipanggil apa, lorong-lorong tikus. Walaupun kita ada sempadan, tapi ada lorong-lorong, macam-macam boleh pergi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tadi ditimbulkan masalah pembunuhan. Hari-hari tembak, tembak, tembak dan bunuh. Adakah ini berkait rapat dengan mansuhnya Akta ISA? Saya fikir kalau Akta ISA dikekalkan mungkin berlainan. Sekarang

Akta ISA sudah ditarik, diganti dengan akta lain. Jadi penjenayah berleluasa. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakesh Singh:** Saya berpendapat tidak perlu kita hendak *debate* sama ada ini sebab EO kah atau ISA kah? Sebab ini adalah satu realiti keselamatan mesti diberi keberatan. Kalau senjata boleh masuk di Malaysia, dia bukan sebab Akta ISA dihapuskan ataupun dimansuhkan atau EO, senjata boleh masuk ini sebab penguat kuasa, *enforcement*, tekniknya ada kelemahan. Kalau senjata tidak boleh masuk sama ada Akta ISA dihapuskan atau tidak dihapuskan, tidak ada tembakan. Jadi kita kena tengok perkara ini secara holistik. Memang banyak sebab dia. Budak-budak yang ditahan semasa doktor dipotong jari, dia baru 21 tahun, dia bukan orang EO. Dia bukan orang yang keluar dari EO. Dia baru 21 tahun tetapi sudah belajar hendak potong jari.

Jadi saya rasa lebih baik kita tengok benda ini secara holistik. Kenapa senjata boleh masuk,? Kenapa budak 21 tahun dia lebih minat hendak rompak sebab senang mencari wang? Adakah ini kelemahan ataupun kita telah memberi satu persepsi buat jenayah polis tidak akan tangkap? Jadi ia ada banyak faktor. Jadi tadi saya cakap tentang *weapon* atau senjata. Jadi, saya rasa Kementerian Dalam Negeri mesti mahu memberi lebih perhatian kepada teknik dan peralatan yang sedia ada di sempadan ini. Ini bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan pun mesti menjaga sempadan betul-betul. Semua lorong-lorong tikus ini mesti ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, masa ini kita ada macam-macam alatan canggih. Kita daripada satelit boleh tengok sampai muka orang. Nampak orang itu sedang jalan. Jadi kita mesti melabur, *invest in the right equipment* untuk menjaga keselamatan negara kita. Itu begitu penting sekali. Selain daripada keselamatan, ada satu lagi isu mengenai Kementerian Dalam Negeri. Kita dapat tahun ini banyak perbincangan tentang kematian dalam lokap. Saya pun ada tanya satu soalan itu mengenai CCTV di lokap-lokap Malaysia dan saya dapati jawapan di sini terdapat 624 lokap dan 306 telah dipasang dengan CCTV. Walaupun dipasang dengan CCTV, kita ada tiga atau empat kematian dalam lokap.

Jadi pemantauan CCTV ini siapa yang jaga itu? Rumah saya pun ada CCTV tetapi saya tidak pernah tengok apa terjadi. Jadi adakah polis mempunyai teknik ataupun pemantauan yang bagus sama ada - kadang-kadang ini, banduan itu dia dicerderakan oleh banduan lain. Ia bukan semasa di soal, tetapi ini sudah kawasan polis, dia mesti hendak selamat. Jadi saya pun, saya rasa benda-benda ini kita mesti hendak beri perhatian berat dan juga kita Jabatan Perdana Menteri telah memberi komitmen akan

memperkasakan *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ataupun Suruhanjaya Integriti Agensi Penguat kuasa. Kalau tidak salah dahulu dalam bulan Julai, Ketua Eksekutifnya, Nor Afiza memberitahu mereka hanya ada satu pegawai juga hendak selidik. Jadi bila ada kematian ini, kita hilang *public confident*. Kematian semasa di bawah tahanan polis, bukan dia dapat *heart attack*, dia kena cedera, kena dera. Jadi *public confident* ini hilang dengan pihak-pihak polis.

Jadi, kita mesti memperkasakan EAIC ini secepat mungkin. *Let's be transparent*. Ambil orang-orang yang kaliber, beri bajet. Ia bukan bajet RM100,000 atau RM200,00, bagi bajet yang cukup supaya ada apa-apa hal, kita boleh buat *investigation* secepat mungkin. Saya hendak sentuh sedikit tentang Jabatan Perdana Menteri mengenai MACC, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Untuk pendapat saya, MACC begitu penting sekali untuk menukar persepsi rakyat. Ini menunjukkan kerajaan begitu serius. Kita mahu satu agensi kerajaan, satu sistem penyampaian yang begitu *transparent* sekali. Saya melihat baru-baru ini ada banyak kondominium, rumah-rumah dan harga dia semua mahal.

Baru-baru ini di Bangsar, ada satu kondominium nama dia Serai. Saya pun hendak beli. Saya telefon dia beritahu harga minimum RM6 juta, harga maksima saya pun tidak tahu RM18 juta ke RM20 juta. Saya tengok Sime Darby bila dia buat rumah, harga minima RM4 juta. Saya pun terpegun, *I am very suprised*. Siapa boleh beli rumah macam ini mahal punya, mana dia hendak dapat wang?

#### ■1210

Kita agensi seperti MACC mesti mahu melihat sebab kadang-kadang sekarang punya penipuan dia bukan *direct*. Kita ada *proxy companies*, ada adik-beradik, ada *multiple bank account*, macam-macam. Bila kita dapat wang haram ini, orang yang boleh dapat wang seperti itu, dia pun banyak pandai, macam-macam dia boleh buat untuk membeli harta. Jadi, saya rasa MACC ini mesti diperkasakan dengan orang-orang yang cerdik dan teknologi-teknologi baru yang lengkap. Ini sebab jika ada seorang yang beli satu *apartment* RM10 juta itu, kita mesti mahu lihat mana dia dapat wang? Sudah bayar *income tax*kah? Bayar *income tax* baru RM100,000 satu tahun, itu erti dia tidak mampu tetapi macam mana dia boleh beli? Kita mesti mahu tunjuk kita pun cerdik supaya *confident* orang ramai balik kepada kerajaan mengenai rasuah ini...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, apakah pandangan beliau tadi ada Yang Berhormat menyebut bahawa MACC ini kita harus bekal dengan pegawai-



pegawai yang cerdas. Adakah pegawai-pegawai yang kita lantik bertanggungjawab di MACC sekarang ini tidak cerdas? Itukah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya tidak bermaksud seperti itu. Saya membawa bahas ini hendak bagi *feedback* sebab dalam bidang baru ini, dia bukan satu *investigation* yang begitu lurus sekali. Kita mesti mahu orang yang tahu *anti money laundering law*, macam mana sesuatu syarikat *proxy* ditubuhkan, bagaimana sesuatu syarikat Labuan ditubuhkan, bagaimana satu syarikat BVI ditubuhkan. Jadi, kita perlukan banyak orang di setiap bidang. Bidang teknologi maklumat, bidang perisik, dia tahu macam mana mahu dapat informasi daripada transaksi-transaksi bank.

Jadi, saya tidak tahu sama ada MACC mempunyai *expertise* di setiap bidang. Jadi saya berasa sebab kalau mempunyai *expertise* di setiap bidang, sudah tentu lagi banyak kes yang dia akan *investigate*, dengan izin, tetapi kita tidak nampak macam itu. Kita nampak okey, memang sekarang ada kes tetapi saya rasa skop dia mesti hendak lebih besar sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat cepatkan *point* Yang Berhormat itu dengan kurangkan *elaboration*, dengan izin.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Okey. Saya hendak sentuh sedikit sekarang tentang Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya dapati terdapat banyak *development*, pembangunan di Wilayah Persekutuan. Bila kita membangunkan projek-projek ini, kadang-kadang tanah-tanah ini ada tanah-tanah persekutuan dan kita berikan kepada pemaju dengan syarat. Satu contohnya ialah tempat di Sentul Raya itu, YTL telah membangunkan Sentul Raya. Semua bagus, cantik sekarang tetapi janji YTL juga membangunkan rumah mampu milik itu sudah 10 tahun belum dibuat. Siapakah yang memantau janji-janji ini? Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan dalam masa kebelakangan lima tahun ini telah menulis surat dan membuat siasatan? Kenapa janji-janji hendak bina rumah mampu milik belum dibina lagi?

Baru-baru ini saya tengok dalam akhbar ada satu kuil di Raja Chulan, kuil India sudah hendak dirobuhkan sebab pembangunan. Orang-orang penghuni di kuil ini terpaksa pergi ke Jabatan Perdana Menteri mendapat surat daripada Perdana Menteri untuk memberhentikan kerobohan ini. Apa yang saya tidak faham itu, walaupun tanah ini tanah *private* tanah macam mana, kalau hendak buat satu pembangunan, mesti mendapat kebenaran daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dahulu. Macam mana kebenaran *Development Order* boleh diberikan? Bila? Tidak ada masalah ini, kuil ini tidak diselesaikan dahulu. Bila kita buat benda-benda macam ini, dia pun tidak mengikut prinsip

Rukun Negara, Kepercayaan kepada Tuhan itu prinsip pertama. Akan tetapi *Development Order* ini, kita buat merobohkan kuil, memarahkan orang.

Jadi saya minta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan ini memberi sedikit keterangan apakah proses? Bagaimana depa hendak memantau ini bila ada kuilkah, masjidkah, *temple*kah atau apa-apa tempat beragama di sana, bila ada pembangunan, apakah syarat dia, apakah tindakan mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Okey. Jadi saya hendak, lagi dua tiga minit Tuan Yang di-Pertua. Bagi mereka yang keluar daripada EO ini, saya hendak tahu sama ada Kementerian Belia dan Sukan membuat satu program *rehabilitation* untuk mereka. Ini sebab kita dengar, kita memang tahu siapa yang keluar. Ada yang umur 40 tahun bawah itu, apa mereka buat sekarang? Adakah kita membuat satu program untuk mereka menjalankan hidup yang biasa ataupun kita biar sahaja? Mereka pun tidak tahu macam mana mahu cari pendapatan.

Jadi Kementerian Belia dan Sukan, saya ingin tahu sama ada telah membuat satu kajian dan tahu apakah latihan-latihan ataupun peluang hendak diberikan kepada mereka-mereka yang keluar daripada EO ini supaya boleh menjadi satu rakyat yang dapat berdiri di atas kaki sendiri. Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya. Dengan ini, saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Dato' Muhammad Olian bin Abdullah. Selepas itu Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**12.17 tgh.**

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya untuk turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan berhubung dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berhubung dengan isu pengurusan ekosistem dan habitat, kerana ini ia berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Kita maklum bahawa masyarakat Orang Asli dan ekosistem serta alam sekitar adalah sesuatu yang amat rapat. Malah banyak identiti, budaya dan juga cara hidup mereka dibentuk oleh persekitaran ini. Bagi masyarakat ini, kehidupan yang dapat berharmoni dengan semesta dan juga manusia adalah kunci kesejahteraan dan kebahagiaan.

Cara hidup masyarakat Orang Asli yang sentiasa peka terhadap alam sekitar dan cintakan alam semula jadi adalah sesuatu yang amat penting untuk dipelajari dan dihayati

oleh masyarakat lain di negara ini bagi melestarikan pembangunan mampan. Sebagai contohnya, banyak di dalam perubatan-perubatan tradisional masyarakat ini yang berasaskan herba-herba dari dalam hutan. Jadi mohon penjelasan, sehingga kini adakah kementerian menjalankan kajian terhadap amalan kehidupan mereka yang boleh digunakan bagi menjayakan program berkaitan pemuliharaan ekosistem seperti penjagaan hutan. Adakah bercadang untuk mengadakan pembangunan latihan dan kemajuan kerjaya di kalangan masyarakat Orang Asli terutama dalam aspek penjagaan hutan seperti renjer hutan, pegawai penguat kuasa, pegawai hidupan liar dan lain-lain yang bersesuaian mengawal masalah berkaitan dengan alam sekitar seperti pencerobohan hutan dan juga penyeludupan hidupan liar.

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara, satu isu lagi yang ingin saya bangkitkan berhubung dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini adalah berhubung dengan pengurusan ekosistem sungai. Pelbagai aktiviti untuk memenuhi keperluan manusia yang tidak terancang akan mengganggu dan boleh memusnahkan sesebuah ekosistem ataupun habitat sesuatu spesies dan perkara ini benar di dalam isu pencemaran sungai di negara kita ini yang semakin tenat.

Sebagai contohnya pada tahun 1990, terdapat tujuh batang sungai tercemar. Pada tahun 1997, meningkat kepada 16 batang sungai yang tercemar. Pada tahun 2011, meningkat kepada 39 sungai yang sudah tercemar. Ini paling merunsingkan, pencemaran ini boleh menyebabkan punca kepada masalah bekalan air bersih di negara kita seperti yang berlaku di negeri Selangor akibat pencemaran Sungai Langat yang menyebabkan gangguan bekalan air terganggu di beberapa bahagian di Lembah Klang dan juga di negeri Selangor ini yang masih belum boleh diselesaikan lagi kerana tidak ada kesepakatan di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Jadi, yang akhirnya yang akan menerima akibat daripada krisis ini adalah rakyat yang khususnya tinggal di negeri Selangor dan juga di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Justeru itu, mohon penjelasan berkenaan keberkesanan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu ataupun IRBM yang dilaksanakan oleh kementerian. Kita maklum Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu atau IRBM adalah satu proses penyelarasan dalam pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber air, tanah dan sumber-sumber berkaitan merentasi semua sektor di dalam sesebuah lembangan sungai. IRBM juga bertujuan untuk memaksimumkan faedah sosial ekonomi bagi sumber air secara mampan dan pada masa yang sama, memelihara dan mengembalikan semula ekosistem semula jadi air.

Walau bagaimanapun, secara praktikalnya adalah adakah program IRBM ini sebenarnya boleh dilakukan terutamanya apabila melibatkan pentadbiran negeri yang tidak sehaluan dengan pemerintahan pusat. Sebagai contohnya, masalah gangguan bekalan air seperti yang saya sebutkan tadi di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ini masih belum dapat diselesaikan. Saya juga ingin mencadangkan, adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan Penilaian Strategik Alam Sekitar atau SEA bagi masalah ini? Adakah kerajaan juga akan mengadakan dasar-dasar atau strategik serta kaedah berteraskan tahap kerapuhan atau keupayaan sungai untuk menerima pencemaran dan bukan lagi tahap sebagai pelepasan sisa di dalam pengurusan sungai di negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah berhubung dengan Rancangan Tebatan Banjir atau RTB dan juga saluran bandar. Kita maklum antara fungsi utama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir atau pelan induk saluran banjir untuk diguna pakai dan dijadikan panduan oleh pihak berkuasa tempatan atau PBT untuk semua pembangunan dan juga setiap tahun seksyen ini akan menerima peruntukan yang tinggi di kementerian ini.

Sebagai contoh, pada tahun 2010, RM1.79 bilion telah dibelanjakan dan tahun 2011, RM1.17 bilion telah peruntukan dan bagi tahun 2012, RM1.91 bilion. Merujuk kepada masalah banjir yang masih belum dapat diselesaikan lagi di negara ini, sebahagian besar daripada kejadian banjir adalah disebabkan oleh curahan hujan yang tinggi namun ianya diburukkan lagi oleh pembangunan yang tidak terancang ataupun pembangunan yang tidak mengikut pelan induk saluran atau tebatan banjir yang dicadangkan.

Jadi, jika dikaji secara mendalam, punca utama adalah disebabkan oleh pembangunan projek yang tidak terancang, yang menyebabkan parit atau longkang-longkang tersumbat oleh hakisan tanah ataupun sungai yang semakin cetek daripada pemendapan kelodak pasir atau hakisan tanah daripada pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan di kawasan-kawasan PBT. Oleh itu, mohon penjelasan apakah ketegasan yang boleh dilakukan oleh kementerian terhadap pihak kerajaan tempatan yang meluluskan projek-projek yang menjadi punca kepada kejadian banjir. Ini kerana apabila kejadian banjir berlaku, lazimnya pihak kementerian ataupun JPS yang sering dipersalahkan kerana tidak menyelenggarakan parit ataupun longkang-longkang. Malahan tanggungjawab ini sebenarnya terletak di bawah PBT. Manakala punca sebenar longkang-longkang dan parit tersumbat ini adalah disebabkan oleh sungai yang telah cetek disebabkan oleh timbusan-timbusan tanah tadi.

Isu ini bagi saya bukan kita nak mencari salah siapa tetapi ianya adalah berkait rapat dengan perbelanjaan yang begitu banyak disediakan oleh pihak kementerian khususnya di dalam menyediakan pelan tebatan banjir yang sekiranya tidak digunakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan maka ianya sudah pasti akan menjadi satu pembaziran. Sehubungan itu, peruntukan yang akan datang adalah dicadangkan kementerian menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan penyelenggaraan sistem perparitan di seluruh negara bagi mengelak daripada berlaku banjir terutamanya banjir kilat.

Oleh itu, saya juga memohon penjelasan berkenaan dengan Manual Saliran Mesra Alam atau MSMA yang dianjurkan oleh kementerian ini. Bagaimanakah kementerian boleh mempromosi dan memastikan bahawa kawasan bandar yang sering dilanda banjir akan menggunakan kaedah MSMA ini. Mohon sedikit juga penjelasan berhubung dengan projek *River of Life* atau ROL seperti yang dimaklumkan sedikit masa dahulu kerana ianya melibatkan komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan juga pembangunan tanah. JPS hanya bertanggungjawab terhadap pembersihan sungai sahaja.

Persoalannya, umpamanya di Sungai Klang ini memasang sebanyak 37 perangkap sampah. Apakah usaha-usaha lain yang boleh dilakukan bagi memastikan masyarakat lebih proaktif dalam mengamalkan budaya lestari dan tidak membuang sampah ke sungai seperti yang dimaklumkan oleh sahabat saya semalam, Yang Berhormat Dato' Lim, orang Korea kalau nak buang sampah, dia masukkan sampah di dalam kocek dan bawa balik ke rumah. Jadi, apakah budaya yang seperti itu boleh kita laksanakan di negara kita? Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri yang juga banyak disentuh oleh kawan-kawan saya tadi.

Pertamanya, baru-baru ini saya berpeluang dijemput hadir di dalam kursus tamat latihan Pasukan Polis Orang Asli ataupun Senoi Praaq yang baru tamat latihan seramai 105 orang anggota. Saya dimaklumkan oleh pihak PDRM bahawa pihak PDRM sedang berusaha dan juga PDRM berjanji untuk menyeragamkan Skim Perkhidmatan Konstabel Polis Orang Asli bersama dengan polis-polis yang lain.

#### ■ 1230

Akan tetapi apabila dibuat permohonan oleh pihak PDRM, saya dimaklumkan pihak JPA menolak permohonan ini. Jadi saya mohon kepada pihak JPA untuk menyemak balik ataupun memberikan pertimbangan yang sewajarnya kerana pasukan ini telah banyak memberikan, berjasa kepada negara khususnya di dalam membanteras

ancaman komunis di negara ini dan akhir-akhir ini juga pasukan ini telah diberi tanggungjawab untuk mengawal sempadan dan saya melihat baru-baru ini di dalam akhbar satu lori penyeludupan mercun telah dapat digagalkan oleh pasukan ini kerana masyarakat Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, dia adalah orang yang akan berkata benar dan dia akan bercakap perkara-perkara yang betul. Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

### 12.31 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mulakan dengan ucapan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan timbalan-timbalannya kerana berjaya menyediakan satu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 dan bincangkan hari ini 2013.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kewangan negara masih mencabar dan boleh dikatakan bukan masih mencabar tetapi amat mencabar. Pemulihan ekonomi global masih belum dicapai sepenuhnya. Namun aliran modal ke dalam pasaran ekonomi negara masih pesat berlaku dan terus terpelihara sehingga dapat menzahirkan rang undang-undang ini yang melibatkan sebanyak RM201.97 bilion dan peruntukan semula sebanyak RM686,947,904.

Jadi kita tengok kekuatan, kegagahan ekonomi Malaysia yang diterajui dipimpin oleh Barisan Nasional masih boleh diyakini. Kalau tidak, masakan rang undang-undang ini dibentangkan untuk sokongan dan kelulusan Dewan. Meskipun permintaan luar negeri masih lembap namun negara masih kekal di tahap meyakinkan terhadap sektor kewangan domestik dan peranannya dalam memudahkan penghantaran kewangan dan menyediakan perlindungan risiko kepada isi rumah dan sektor perniagaan di negara ini.

Ini bukan saya suka bercakap setelah diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi berdasarkan kepada pengesahan yang dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia secara positif. Saya juga ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan hasil sebahagian besar pemodenan kewangan dan peningkatan tahap daya saing ekonomi negara telah melibatkan perubahan atau transformasi landskap pembayaran.

Contohnya dulu hampir 10 tahun dulu, pembayaran bukan tunai yang dilaksanakan melalui cek-cek, kini tidak lagi. Kini hampir semua dimodenkan. Contohnya saluran e-Pembayaran mencakupi lebih daripada 90% daripada semua urusan niaga bukan

tunai dan amat membanggakan terus meningkat dari semasa ke semasa. Lebih-lebih lagi dalam dua tahun kebelakangan ini, jadi tahniah. Cuma pelan sektor kewangan bagi tahun 2011 sehingga 2020 wawasan negara maju terus kukuh dan berjaya memacu transformasi Malaysia ke arah ekonomi yang lebih kukuh, mantap, bertenaga dan meyakinkan sama ada di pihak domestik atau antarabangsa. Jadi oleh itu saya mengambil kesempatan ini supaya bunga atau faedah daripada bank-bank jangan naiklah malah diturunkan dengan faedah kepada penyimpan, pelabur dinaikkan lagi memandangkan bank-bank di Malaysia sama ada bank tempatan atau bank luar negara yang melabur di sini banyak yang untung berlipat kali ganda.

Kadang-kadang kita tengok bank-bank tersebut mengaut untung banyak sangat tapi pulangan faedah kepada penyimpan mendukacitakan dan juga saya syorkan supaya bank-bank yang untung besar itu kena buat banyak kebajikan. Janganlah kebajikan untuk rakyat, pertolongan untuk rakyat hanya dibuat oleh kerajaan sahaja malah campur tangan bank saya rasa elok dialu-alukan dari semasa ke semasa. Apa guna kaya bertambah kaya, miskin bertambah miskin. Untuk itu saya mengesyorkan kerajaan juga sekali lagi mengkaji peranan *ah long-ah long* atau ceti-ceti halal atau haram supaya tidak bermaharajalela.

#### ■1240

Saya banyak terima permintaan daripada orang ramai macam mana hendak buat kepada *ah long-ah long* ini. Yang ugut, bukan sahaja hendak cederakan malah hendak bunuh. Ada bukti ceti-ceti haram ini mencederakan, menyeksa dan mengugut peminjam-peminjam. Perkara ini sudah lama disebutkan tapi malangnya terus berlaku. Bukan hanya berlaku Tuan Yang di-Pertua, malah berkembang pesat lebih daripada cendawan.

Jadi, saya ingat kuat kuasa kena terus, kena cekup, kena dakwa, kena denda. Pertama. Kedua juga, kita tanya kenapa *ah long* banyak. Pertama ialah susahnyanya hendak dapat pinjaman daripada bank-bank. Walaupun kita ada pelbagai amanah agensi kerajaan seperti Amanah Ikhtiar dan sebagainya tapi tidak mencukupi. Oleh itu, saya syorkan supaya Kementerian Kewangan memikirkan tambahan-tambahan lain untuk menolong rakyat jelata sesuai dengan kos sara hidup yang semakin meningkat tinggi hari demi hari.

Saya rasa tidak cukup dengan pertolongan daripada *one-off* seperti dana BR1M, KR1M dan juga pelbagai bentuk bantuan lain, tidak cukup. Bagi saya lebih baik bagi joran daripada bagi ikan. Bagi ikan sampai habis, sampai habis. RM500 atau RM1,000 besar tapi jika diukur dengan kos sara hidup sekarang jauh lebih memenatkan rakyat yang menghadapi pelbagai kerenah kos sekarang. Oleh itu, saya fikir eloklah diberi joran

daripada diberi ikan. Bukan saya tidak setuju dana BR1M, KR1M diteruskan tapi dalam masa yang sama saya syorkan supaya kaedah-kaedah yang lain untuk mereka hidup berdikari dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Menyentuh tentang kementerian atau jabatan. Pertama, saya hendak sentuh Suruhanjaya Pilihan Raya. Tahniah dan syabas kepada SPR kerana telah berjaya melaksanakan, menghasilkan pilihan raya dengan baik, licin dan teratur. Cuma kita berhadapan dengan pertambahan penduduk yang pesat kini. Saya dapati peruntukan sebanyak RM60 juta mungkin diambil kira untuk persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya. Terutama di negeri-negeri yang telah lebih daripada 20 tahun tidak dipecahkan sempadan, contoh negeri saya Terengganu. Kali terakhir dipecahkan sempadan tahun 1985. Terbentuklah kawasan Parlimen saya Marang dengan Setiu. Lepas itu sampai sekarang sudah 28 tahun tidak pecah-pecah lagi, tidak tambah-tambah lagi.

Saya rasa bukan Terengganu sahaja malahan Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis dan banyak lagi negeri lain. So, saya syorkan supaya bajet tambahan diambil kira dalam pemecahan sempadan. Saya rasa amat perlu sempadan dipecahkan memandangkan pertama, satu kawasan Parlimen ada 150,000 lebih. Ada yang 100,000 lebih. Jadi, satu orang wakil rakyat Ahli Parlimen atau DUN lebih daripada 20,000. Tidak daya mereka hendak jaga. So, bajet ini tolong ambil kira bila sempadan akan dipecahkan nanti.

Kedua, Jabatan Perdana Menteri saya syorkan supaya semua GLC yang rugi-rugi itu, bertahun-tahun lamanya, banyak yang rugi sama ada di peringkat Pusat mahupun di peringkat negeri, tutuplah. Setahun rugi, dua tahun rugi, lima tahun rugi, sepuluh tahun rugi. Saya rasa sudah sampai masanya ditutup dan dibuat yang baru. Mana-mana GLC yang untung, besarkan lagi dan saya juga syorkan banyak lagi SME dibuka untuk golongan pertengahan yang hendak berniaga dan banyakkkan, galakan francais Malaysia di dalam negara dan juga di luar negara. Saya rasa bangga apabila produk-produk Malaysia bertaburan di muka bumi ini di luar negara.

Ketiga, saya hendak syorkan, saya banyak *point* ini, saya ringkaskan sahaja. Ajaran sesat banyak. Hendak bilang, tidak terbilang. Setahu saya lebih daripada 40 ajaran sesat berlaku di negara kita. Apa tindakan dan pandangan Yang Berhormat Menteri yang jaga agama di JPM termasuk yang keduanya Syiah. Negara kita hanya satu mazhab Shafie, Sunnah Wal-Jamaah yang kita akui. Jadi, yang Syiah minta dipantau dan diharamkan. Saya dengar sekarang ini lebih daripada 300,000 pengikut Syiah berkembang di Malaysia termasuk yang bahayanya menular di kalangan pelajar



menengah, kolej dan juga universiti. Itu penyakit akidah lebih bahaya dan lebih buruk daripada penyakit fizikal yang dilihat di mata.

Keempat, saya juga hendak syorkan Tabung Haji tingkatkan kuota. Mekah dibesarkan sekarang, Madinah dibesarkan tapi hairannya kuota kita dikecilkan.

#### ■1250

Jadi harap-harap ditingkatkan. Saya pergi Tabung Haji Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya dia, kalau daftar haji sekarang bila boleh naik haji? Pegawai Tabung Haji di KL beritahu saya, "*Tuan kalau ikut giliran kena tunggu paling cepat lagi 13 tahun*". Lagi 13 tahun orang tua mungkin mati dahulu, betul? Jadi hendak macam mana. Ada orang lobi hendak pergi haji, bukan lobi kontrak sahaja, baik dengan Dato' Seri Shahidan konon, contoh sahaja bukan betul. Betulkah? Betul, betullah. Jadi lobi-lobi naiklah, apa hal yang tidak lobi, apa hal yang tidak ada ikatan? Ini ibadat jadi kasihanlah. Saya fikir kuota haji kena tingkatkan dan utamakan yang tua-tua, uzur, sakit-sakit sedikit-sedikit bagi peluang dahulu.

Kedua saya hendak syorkan supaya Tabung Haji tingkatkan kualiti khidmat hospital di Mekah dan di Madinah. Banyakkan doktor, jururawat dan ubat-ubat. Saya dapati juga kadang-kadang ubat tidak ada, tidak cukup. Servis Tabung Haji terbaik di dunia tetapi bukan maknanya terbaik di dunia, bukan segala-galanya A++, ada juga C- ada juga D-. Jadi kena kaji balik.

Saya juga hendak sentuh fasal Kementerian Luar. Konflik di negeri jiran contoh di Asia Barat, tolong campur tangan. Seperti di Syria, di Yamen, di Mesir sekarang ini. Sebagai negara anggota OIC, jangan lihat sahaja, jangan dengar sahaja. Menteri Luar, pegawai kena sumbangkan seperti zaman Mahathir. Kena sumbangkan idea, bantuan, fikiran. Orang perang ini dia tidak tahu apa-apa. Contoh sekarang perang di Syria, lebih daripada 10,000 atau lebih yang mati. Sama-sama Islam. Di Mesir berpuluh-puluh ribu sama-sama Islam. Apa peranan negara-negara OIC dalam selesaikan dan bagi nasihat supaya mereka ini baik balik, jangan perang, jangan gaduh.

Kalau Malaysia dianggap sebuah negara yang berjaya selesaikan konflik, antara Iraq dan Iran suatu ketika dahulu, yang korbankan lebih kurang 1.3 juta orang manusia antara Iraq dengan Iran berjaya dilakukan zaman Mahathir dan zaman Najib berjaya mendamaikan Bangsamoro di Filipina. Tidak ada sebab kita gagal mendamaikan konflik di Tunisia, Yamen, Mesir, Syria atau Asia Barat yang lain. Boleh, tetapi kena lakukan sungguh-sungguh sebab negara Malaysia adalah suatu negara yang dihormati, disegani di kaca mata 50 negara Islam di dunia, pertama.

Kedua, selaku negara dalam Asia yang dikagumi, dihormati tolonglah Kementerian Luar campur tangan dengan tertib, dengan jujur, dengan secara diterima oleh mana-mana pihak akan konflik pertama di Thailand yang makan masa bertahun-tahun tidak boleh *settle*. Konflik di Songkhla, Pattani, Satun, Narathiwat, Yala melibatkan hampir-hampir 6 juta Islam di sana. Kedua, konflik agama di Rakhine, Myanmar yang sekarang merebak di Rangoon, tolong juga campur tangan oleh Kementerian Luar.

Ketiga saya rasa jangan pandang ringan akan konflik di Terumbu Layang-layang atau *Spratly Island*. Betul Tuan Yang di-Pertua saya kata? Jadi kini dipertikaikan oleh China, Vietnam, Taiwan, Filipina, Malaysia, Brunei tetapi nampaknya yang kuasai ialah China, China sahaja. Malaysia monyok, mundur ke belakang. Bila masuk sedikit kapal perang China turun, sedikit-sedikit Filipina. Sedangkan pulau yang mengandungi lebih kurang 7,000 pulau ini kecil-kecil dan besar-besar kaya dengan ikan, kaya dengan minyak, kaya dengan bahan-bahan semula jadi.

Untuk itu saya syorkan supaya kerajaan bawa ke Mahkamah Antarabangsa. Tidak cukup, tidak padan, tidak lut, tidak boleh kita berperang dengan China sebab dia kuasa besar, Filipina besar, Vietnam lagi besar, dia punya askar terlatih perang dengan Amerika lebih daripada setengah juta. Kita tidak mampu. Jadi jalan yang terbaik adalah bawak kepada ke Mahkamah Antarabangsa daripada hari-hari kita lihat konflik.

Saya juga hendak syorkan kepada Kementerian Luar supaya semua senator ini termasuk saya, termasuk Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sudah ada. Bagi passport antarabangsa secara diplomat kepada semua Senator, setuju? Kalau setuju tepuk sedikit [*Tepuk*] Sebab Senator di negara lain Amerika, Eropah semuanya taraf diplomat. Kita pergi Indonesia passport biasa Senator. Dulu saya ada diplomat bila tidak jadi anggota Kabinet jadi Senator tidak ada lagi. Jadi kita negara yang maju, besar tetapi passport pun tidak ada taraf diplomat. Jadi saya syorkan kepada Menteri yang berkuasa berilah taraf diplomat kepada semua Senator. Sama ada yang ada sekarang atau yang sudah bersara, setuju? Tepuklah sekali lagi [*Tepuk*]

Saya juga hendak syorkan supaya Kementerian Luar ini lantik seorang atase. Pelancongan atase. Atase, atase samalah. "A-T-A-S-E" betul? Tuan Yang di-Pertua atase, atase...

**Tuan Yang di-Pertua:** Atase.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Macam Hindustan! Dilantik diletakkan di semua kedutaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan saya terpaksa tangguhkan Mesyuarat kita setakat ini, Yang Berhormat. Lepas itu karang kalau hendak sambung ada sedikit sahaja lagi masa untuk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada 20 minit lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 20 minit lagi tidak boleh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau 18?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau setakat 5 minit, 10 minit itu terpulang pada Timbalan saya nantilah. Saya dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang hari ini. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelah pagi tadi Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar telah berucap. Masih sambung lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kena sambung lagi? Okey, saya bagi 15 minit.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan. Ini kerana kita masih ada tujuh orang lagi yang hendak berucap.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Faham. Saya cuba dalam lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau dapat pendekkan dari 15 minit, pendekkan Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** ...Industri Asas Tani sebanyak RM6 juta diperuntukkan. Saya ingin mengesyorkan supaya semua sawah terbiar dipulihkan segera. Saya ingin bertanya berapa luas tanah yang terbiar? Kita minta MADA, KADA dan juga semua pihak untuk memulihkan tanah terbiar.

Keduanya saya juga meminta supaya dilahirkan banyak usahawan tani. Sekarang kerajaan yang lihat semoga banyak peniaga-peniaga dari kalangan petani yang

melibatkan diri dalam bidang pertanian dan perikanan. Saya juga mengesyorkan supaya diberikan tanah kepada lepasan banduan dan juga lepasan daripada penagih-penagih dadah dari pusat serenti. Jangan biarkan mereka merana dan melarat sebab banduan dan lepasan pusat-pusat serenti kebiasaannya dipinggirkan oleh masyarakat.

Jadi peranan kementerian untuk tolong mereka adalah diperlukan. Saya juga mengesyorkan supaya teknologi-teknologi baru diperkenalkan dan penemuan baru dilahirkan. Kita tertinggal jika dibandingkan dengan Filipina hatta Thailand. Jadi kita hendak suruh usahakan supaya meningkat. Saya juga hendak syorkan agar mengurangkan import daging dan sayur-sayuran. Oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan sebab tambah bajet untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Seterusnya saya hendak sentuh mengenai MITI. Saya hendak tahu berapa banyak AP yang diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera? Itu pertama. Saya juga hendak tahu apa tindakan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang diberi AP tetapi dialibabakan. Banyak. Saya syorkan jika dialibabakan, ia ditarik balik dan tidak diberi muka lagi. Saya hendak syorkan juga untuk kementerian kaji balik. Apabila harga kereta diturunkan, pembeli kereta berhati-hati sebab dia tunggu sampai 20% atau 30% harga diturunkan. Sekarang kita tahu hanya berlaku di pasaran 5% sahaja. Jadi pembeli berhati-hati hendak beli kereta apa juga jenama menyebabkan majikan atau syarikat-syarikat yang menjual kereta rugi sebab pembeli banyak berhati-hati. Jadi kalau boleh dipercepatkan atau distabilkan niat baik kerajaan untuk menurunkan harga kereta supaya kesabaran berhati-hati pembeli itu cepat selesai, *settle*.

Saya juga hendak sentuh mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dahulu kita buat satu usaha yang baik iaitu jelajah, teroka angkasa lepas. Kita melahirkan beberapa orang angkasawan. Kita berbangga apabila rakyat Malaysia, contohnya Datuk Sheikh Muzaffar berjaya naik ke angkasa. Jadi ikon kepada pelajar dan kebanggaan kepada negara tetapi selepas itu diam, sunyi, tidak ada apa-apa. Jadi saya hendak mengesyorkan supaya kementerian ini mencari atau meneruskan bidang penerokaan di angkasa lepas. Di samping itu, saya hendak tanya juga apakah pencapaian-pencapaian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di peringkat antarabangsa?

Seterusnya saya hendak sentuh mengenai Kementerian Kesihatan. Dalam bajet ini dinyatakan untuk membina hospital-hospital untuk pengajar. Antaranya dinyatakan hospital-hospital UM, UKM, USM – bagus, cukup bagus. Yang Berhormat Menteri Kewangan, mengeluarkan bajet yang banyak. Satu usaha yang baik tetapi ratio atau nisbah satu doktor dengan pesakit besar.

**■1440**

Tidak silap saya seorang doktor, lebih daripada 1,000 orang pesakit sedangkan di negara maju, seorang doktor hanya dalam lingkungan 300 orang hingga 400 orang doktor sahaja. Contohnya di Eropah dan Amerika Syarikat. Bukan kita hendak saing dia tetapi sekurang-kurangnya kita ada *target*. Jadi saya syorkan supaya semua atau sebahagian besar, lebih daripada separuh daripada 20 buah universiti di Malaysia juga mempunyai Fakulti Perubatan dan hospital pengajar untuk memastikan bilangan doktor banyak, mencukupi dan menyelesaikan masalah lambakan, penungguan di hospital-hospital sekarang.

Kedua, saya juga hendak syorkan supaya banyakkkan doktor-doktor pakar dengan memberi perkara seperti berikut:

- (i) pengajian berterusan; dan
- (ii) penambahan dan peningkatan gaji dari semasa ke semasa.

Untuk itu, saya minta supaya Kementerian Kewangan menambahkan lagi jumlah peruntukan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya juga dapati banyak kuarters di hospital kerajaan uzur, lama, usang, busuk, sesak dan sebagainya. Itu juga hendak dilihat dan hendak ditambah. Hospital dahulu banyak dan sekarang pun banyak. Akan tetapi alatan kurang. Contohnya cuci darah, amat kurang dan tidak cukup. Itu pun juga hendak tengok.

Saya juga hendak syorkan supaya di Marang dapat sebuah hospital. Dahulu jawapan Yang Berhormat Menteri hendak beri klinik tahap tiga. Klinik tahap tiga ini bukan hospital tetapi klinik. Tahulah klinik. Jadi tidak cukup itu tidak cukup ini. Jadi tempang. Klinik sudah ada. Di Marang banyak klinik. Macam-macam klinik.

Jadi saya minta kementerian kaji balik supaya hospital didirikan. Alasan kementerian tidak beri hospital ialah kerana dia kata dekat sangat dengan Kuala Terengganu. Jawapan saya, sungguhpun dekat tetapi Hospital Kuala Terengganu penuh sesak. Untuk ini saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan hulurkan sedikit bajet, bukan banyak pun. Dalam RM60 juta hingga RM70 juta atau lebih sikit untuk membina sebuah hospital daerah di Marang. Ingat Marang ialah satu-satunya daerah yang tidak mempunyai hospital. Sudah lama. Lebih kurang sudah sepuluh tahun minta, minta dan minta tetapi tidak dapat. Mungkin tidak berikah, mungkin tidak ada duitkah, mungkin tidak ada pitihkah orang Terengganu kata? Apa pun kita berharap menumpang kasih berteduh sayang kepada Kementerian Kewangan supaya Hospital Marang menjadi kenyataan.

Saya juga hendak sentuh tentang pelancongan. Ini satu bidang yang menjana ekonomi negara. Pelancong datang dari semasa ke semasa meningkat. Tiga tahun lepas,

seramai 25 juta orang pelancong. Selepas itu meningkat seramai 26 juta orang pelancong. Sekarang lebih daripada 27 juta orang. Apa yang saya hendak timbulkan ialah supaya banyak lagi promosi pelancongan diadakan supaya Malaysia jadi sebuah negara yang terbaik di antara sepuluh di dunia. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia sebab Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang terbaik di Benua Asia dari segi *shopping*. Terbaik. Singapura dan Malaysia terbaik.

Saya juga hendak minta satu sahaja. Bagi pemilikan harta tanah seperti rumah, bangunan kedai, tanah dan sebagainya kepada orang asing adalah baik. Ini kerana bila mereka ada tanah, ada rumah, ada kedai dan ada bangunan di sini, dia datang melancong. Dia bawa anak-beranak. Akan tetapi janganlah keterlaluan. Kena ada had, kena ada kuota dan kena ada *target*. Saya hendak tanya kementerian berapa persen harta tanah warga asing di Malaysia? Daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, satu minit lagi Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Satu minit lagi? Daripada keseluruhan. Saya juga hendak sentuh tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya rasa penting. Mat rempit sekarang bermaharajalela. Contohnya di Terengganu. Kalau satu malahan beribu orang, 2,000 orang ke 3,000 orang. Langgar 'api', lumba, berjudi dengan betina, taruh-taruh. Kalau dia johan, boleh. Saya juga - ironinya mereka sekat 'api' – "api", *traffic light!* Jadi saya hendak minta Kementerian Dalam Negeri supaya awasi, kawal dan bendung serta gagalkan usaha mereka untuk mengawal daripada bermaharajalela.

Saya juga hendak syorkan supaya kementerian banyakkkan pendakwaan kepada yang menghina raja, agama dan juga saya hendak sentuh sedikit Syiah. Tadi sudah sentuh. Saya hendak syorkan supaya negeri-negeri yang ada kuasa menyekat Syiah daripada berleluasa mulai daripada sekarang dan akan datang. Saya dapati bidang kuasa itu terletak pada negeri. Kalau pusat, hanya Wilayah, Penang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Tidak begitu, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim? Jadi kita hendak supaya Syiah ini diambil peranan kawalan, sekatan oleh negeri-negeri yang sekarang agama itu di bawah Raja-Raja. Raja kena berperanan untuk sekat dan halang Syiah daripada berkembang.

Saya juga hendak sentuh sedikit banciaan penduduk. Penduduk sudah lama tidak banci. Lebih kurang sepuluh tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah itu Yang Berhormat. Pendekkan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi saya hendak syorkan supaya banci dibuat semula. Akhirnya saya sokong bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama itu. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Silakan, Yang Berhormat.

**2.49 ptg.**

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian. Sekadar mengutarakan satu atau dua perkara dalam perbincangan tambahan bajet kali ini.

■1450

Pertama ialah mengenai dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (*sales and service tax*). Pagi tadi saya tunggu juga kalau-kalau soalan nombor berapa itu naik, nombor sembilan tidak salah, tetapi tidak sempat untuk mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan untuk memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) ini bagi menggantikan kedua-dua cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan yang ada sekarang. Adalah difahamkan lebih daripada 100 buah negara telah melaksanakan GST, kecuali beberapa negara termasuk Myanmar dan negara kita yang masih lagi dalam pertimbangan untuk memperkenalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan PEMANDU, GST ini akan menjana pendapatan kepada kerajaan, pendapatan tambahan sebanyak RM20 bilion hingga RM27 bilion setahun sampai ke tahap kematangannya. Seperti mana yang kita sedia maklum, sumber cukai negara kita pada ketika ini, sumber pendapatan adalah kebanyakannya daripada *petroleum oil and gas*. Ini tidak lama lagi akan berakhir, ia bukan sentiasa kekal selama-lamanya.

Beberapa perkembangan telah diuar-uarkan. Saya mengikuti perbincangan dan juga tulisan-tulisan tentang GST ini, yang banyak memberi manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat. Ini kerana selain daripada tambahan cukai yang akan dikutip, terdapat beberapa pengecualian umpamanya barangan-barangan seperti beras, sayur, telur dan sebagainya. Barang-barang keperluan akan diaccented daripada *sales tax* ini. Begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Cuma yang ingin saya tanya kepada kementerian ialah apakah dengan memperkenalkan GST ini nanti, kerajaan akan menimbang untuk mengurangkan cukai korporat atau cukai pendapatan individu yang pada ketika ini antara paras yang

tertinggi di dunia. Umpamanya, *corporate sales tax* kita adalah lebih kurang 26%-27%. Singapura tidak sampai pun 10%, saya ingat sekitar 6% atau 7% sahaja.

Ini bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur daripada luar negara datang melabur dan menjana ekonomi kita. Dengan pertambahan pendapatan pada kerajaan, sudah tentu kerajaan akan dapat melaksanakan program-program misalnya membasmi kemiskinan, pendidikan dan seterusnya. Jadi saya berharap kerajaan setelah menimbang dari segala aspek, agar menyegerakan *sales and service tax* atau GST ini dalam kadar yang munasabah. Kalau ikutkan di situ, lebih kurang dalam 4% sahaja. Rakyat yang berpendapatan rendah tidak akan dibebankan dengan GST ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi yang ingin saya sampaikan di sini ialah mengenai, ini ada kaitan juga dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Isu kehilangan air tidak berhasil (*non-revenue water*), setahun kita rugi berbilion ringgit kerana kehilangan air tidak berhasil ini disebabkan oleh saluran-saluran paip yang menyalurkan air daripada loji kepada pengguna-pengguna sudah lama. Ada yang sampai 30 tahun, 40 tahun khususnya di luar bandar. Gangguan-gangguan bekalan air selalu berlaku disebabkan oleh paip yang pecah, bocor dan sebagainya.

Negeri Perlis adalah antara yang tertinggi sekali *non-revenue water* ini, 66% yang paling tertinggi di Malaysia. Bermakna setiap katalah contoh 100 meter padu air yang disalurkan daripada loji, 66 meter padu kebocoran, ketirisan. Kalau purata satu meter padu 65 sen, bayangkan setiap tahun kerajaan menanggung kerugian berbilion ringgit. Saya mengambil contoh laporan media, Persatuan Air Malaysia menyebut kadar kehilangan air 2011 sebanyak 1.9 bilion meter telah hilang dan tidak mendatangkan hasil.

Kalau pada nilai tarif air Malaysia 65 sen untuk setiap meter padu, bermakna kehilangan ini bernilai RM1.235 bilion. Berapa banyak sekolah boleh disediakan. Isunya ialah operator-operator air di setiap negeri tidak mampu untuk mengeluarkan perbelanjaan membaiki paip-paip lama ini. Dia mesti datang daripada Kerajaan Pusat, *capital expenditure* dan seterusnya untuk memperbaiki sistem paip-paip air di luar bandar. Sekarang ini tidak cukup, sangat tidak cukup. Negeri-negeri yang berjaya menunjukkan pengurangan kehilangan air (*non-revenue water*) ini ialah Johor, Pulau Pinang dan Melaka.

Negeri-negeri lain tidak berupaya kerana kekurangan kewangan atau CAPEX dan seterusnya. Di Johor, di negeri sayalah dan juga negeri Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita, pengurangan kehilangan air tidak berhasil ini telah menurun daripada 45% sebelum tahun 1999 kepada nilai terkini 26%. Penurunan 19% ini antara kejayaan terbesar di Malaysia. Penurunan ini juga telah menjimatkan 1.2/3 bilion meter



padu air atau bersamaan dengan nilai RM800 juta. Kejayaan ini juga secara langsung memberi impak positif kepada tahap layanan kepada pelanggan.

#### ■1500

Rakyat Johor khususnya, yang mana gangguan bekalan air semakin berkurangan. Contohnya, dari segi 11,011 gangguan paip pecah pada tahun 2004 berjaya diturunkan kepada 4,473 pada tahun 2011. Bermakna penurunan gangguan hampir 60%. Dengan lain perkataan, rakyat akan menikmati bekalan air ini tanpa gangguan jika Kerajaan Pusat memberi bantuan kewangan yang secukupnya.

Di Johor, air dibekalkan oleh syarikat operatornya SAJ Holdings dan syarikat yang merawat air ini ialah *Ranhill Water Services*. Kepakaran yang ada di Johor boleh digunakan di negeri-negeri lain. Soalan saya ialah apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk mengurangkan atau menangani isu kehilangan air tidak berhasil ini di seluruh negara? Khususnya dari segi menyalurkan atau mengeluarkan peruntukan *Capital Expenditure* (CAPEX) untuk menggantikan saluran-saluran paip yang sudah terlalu lama terutama di kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

#### 3.02 ptg.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 dan pada hemat saya, apa yang dihidangkan di depan kita ini adalah sesuatu yang sudah pun dibelanjakan. Ertinya belanja dahulu, baru lulus. Saya fikir ini satu amalan yang tidak begitu baik. Kalau dalam keluarga biasanya kita katakan bayar dahulu baru kita kira. Akan tetapi, nampaknya kita ini belanja dahulu baru minta lulus. Apa pun, kenyataannya hal ini sudah berlaku dan kita dihidangkan dengan bajet tambahan ini, suka atau tidak ianya akan diluluskan.

*Tuai padi setelah masak,*

*Padi mengemping dituai juga,*

*Tujuh kunci sembilan pasak,*

*Cari sudut diungkai juga.*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu meneruskan perbahasan sepanjang mengenai hal yang berkaitan dengan kakitangan awam dalam Jabatan Perkhidmatan Awam yakni mengenai 'Konvensyen 1998.' Debat ini akan berterusan dan saya telah menyatakan bahawa saya hargai pandangan beliau namun tidak bersetuju dengan pandangan itu. Kita akan terus berdebat sepanjang mengenai hal ini.

Satu hal yang saya hendak timbulkan dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai pelarasan gaji. Anggota perkhidmatan awam biasanya diberikan pelarasan gaji walaupun mereka tidak ada hak untuk *negotiate* sepanjang mengenai 'Konvensyen 1998' namun dalam hal pelarasan gaji ini, pada hemat saya penekanan hendaklah diberikan kepada golongan yang terbesar dalam perkhidmatan awam. Ertinya, kumpulan sokongan sebab mereka inilah yang biasanya walaupun ada pelarasan atau kenaikan gaji, kesan kenaikan barangan dan kos hidup kadang-kadang tidak setimpal dengan kenaikan mereka.

Oleh hal yang demikian, kalau misalnya ada peratusan yang diberikan, ianya tidak boleh standard ataupun selaras daripada kumpulan sokongan dengan jawatan utama sektor awam atau turus dan sebagainya. Ia mestilah bersifat ertinya, kalau di bawah peratusannya lebih tinggi, perbandingan dengan yang di atas lebih kecil lagi.

Perkara kedua adalah mengenai B.29 - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Diberitakan bahawa tarif elektrik akan naik. Apa benar? Kalau naik sebanyak mana dan bila akan naik? Oleh sebab ini penting kepada para pengguna terutama sekali masyarakat bawahan. Diberitakan juga bahawa dengan penukaran meter elektrik ini, bil elektrik meningkat. Apakah benar demikian? Secara relatif berbanding dengan meter dahulu? Jadi, kalau ini berlaku ertinya siapa yang akan mendapat keuntungan? Ini perlu dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan B.31 - Kementerian Pelancongan. Mohon supaya dapat RM5.45 juta untuk promosi pelancongan golf. Hal ini telah pun ditanyakan, di bahas di Dewan Rakyat. Ramai rakan-rakan anggota Parlimen Dewan Rakyat yang menimbulkan hal ini. Saya tidak mahu mengulang namun ingin bertanya juga pulangnya? Ertinya kalau ini dijadikan sebagai pelaburan, apa pulangnya sepanjang mengenai promosi pelancongan golf ini? Ertinya, kita menggalakkan kemasukan orang-orang daripada luar ke negeri ini dan oleh hal yang demikian maka berlaku pertukaran wang dan sebagainya. Akan tetapi, secara kuantitatif, berapakah yang kita dapat walaupun kita anggap ini sebagai pelaburan? Saya ingin juga menarik perhatian kementerian ini. Kalau benar berminat dalam soal menggalakkan pelancongan dengan sukan-sukan seperti misalnya sukan memancing yang bukan setakat memancing biasa,

*fly fishing*. Yang Berhormat Menteri mengangguk ertinya beliau faham apa yang saya kata ini.

*Fly fishing* ini terkenal di Thailand dan di Thailand *fly fishing* ini merupakan salah satu sukan yang mana menarik minat peminat-peminat *fly fishing* yang datang daripada Eropah dan sebagainya. Mereka mencari apa? mereka mencari *tor tambroides*, *tor douronensis*, *tor tambra*. Apa ini? Ikan-ikan air tawar yang berada di bahagian hulu sungai. Kalau di Sabah dia kata ikan pelian, kalau di Sarawak dia kata ikan empurau, kalau di sini dikatakan kelah. *Tor tambroides* ini terdapat di sungai-sungai di bahagian utara Semenanjung manakala *tor douronensis* ini berada di selatan tanah air. Kalau ini dapat dimanfaatkan, mungkin juga kita boleh menarik para pelancong daripada luar untuk bukan sahaja meningkatkan ekonomi, malah memperkenalkan negara ini di tempat lain. Jangan bimbang, ikan ini tidak pupus sebab orang-orang yang terlibat dalam sukan ini, mereka pancing dan mereka lepaskan semula. *Catch and release*. Di samping itu, kita akan juga mendidik anak-anak supaya memahami dan menyayangi habitat yang ada di sekitarnya.

#### ■ 1510

Saya ingin beralih kepada B.46 - Kementerian Sumber Manusia. Banyak kes yang dilaporkan, banyak kes yang dibawa ke Mahkamah Buruh tetapi banyak kes juga yang tidak dapat diselesaikan dan mereka yang membuat aduan tidak tercapai maksudnya. Saranan saya ialah Kementerian Sumber Manusia hendaklah memperbanyakkan pegawai-pegawai dan juga *merenew*, atau *inspector* yang boleh pergi memeriksa dan memantau tempat-tempat pekerjaan. Tidak ada guna kita luluskan undang-undang misalnya Undang-undang Gaji Minimum, Undang-undang Umur Persaraan Minimum di Dewan ini tetapi ianya tidak dilaksanakan dan tidak dapat dikuatkuasakan akibat daripada tidak cukup pegawai untuk menjalankan tugas mereka.

Jadi oleh yang demikian ianya harus diwujudkan lebih banyak lagi pejabat-pejabat dan juga ditambah lagi pegawai-pegawai penguat kuasa di dalam Jabatan Tenaga Kerja ini. Di samping itu harus juga ada Skim Latihan dan Pelatihan atau yang disebut sebagai *training* atau *retraining* untuk membolehkan pegawai-pegawai ini dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang selayaknya.

Saya ingin tahu di bawah Perkara B.48 ini apakah bantuan kepada orang miskin itu mencukupi kerana kalau kita lihat dalam media elektronik sering dipaparkan tentang hal kemiskinan rakyat dan diberitahu katanya saya hanya dapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak sekian-sekian. Saranan saya ialah dikaji semula berdasarkan kepada keadaan ekonomi yang ada sekarang ini, kos hidup yang meningkat,

saya saran supaya kementerian ini kaji semula bantuan kepada golongan yang layak menerimanya.

Manakala B.62 yakni Kementerian Dalam Negeri. Beberapa hari yang lepas termasuk hari ini kita dikejutkan dengan pelbagai kes yang melibatkan kematian. Mereka ditembak, mereka dibunuh oleh orang yang tidak bertanggungjawab atau kita katakan sebagai penjenayah walaupun jaminan telah diberikan bahawa Malaysia ini aman. Kalau kita tanya orang di luar terutama sekali orang yang sudah berusia mereka cukup bimbang untuk berjalan ataupun bersiar-siar dalam keadaan yang ada sekarang ini. Apa yang patut kita lakukan?

Kalau diizinkan kita mohon Dewan yang mulia ini meluluskan satu usul supaya pemerintah mengambil satu langkah yang serius kerana ini bukan soal yang main-main lagi. Ini soal yang *real*. Ertinya orang sudah mula takut dan ketakutan kita ini, kengerian ini bukanlah sesuatu yang kita idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, P.27 Kementerian Kerja Raya. Ini mengenai bangunan dan jalan.

*Mengail temoleh di Sungai Nenggiri,  
Disentuh lebah berbunga cempedak,  
Bagaimana mungkin membangun negeri,  
Kalau jalan laluan sempurna tidak.*

Tidak mungkin kita boleh mencapai satu tahap yang kita banggakan kalau jalan-jalan yang ada di sebahagian tempat masih belum sempurna lagi. Saya beri contoh dan saya juga kalau boleh disampaikan salam kepada Menteri Kerja Raya. Menjelang hari raya nanti kita ajak beliau untuk melalui jalan daripada Tol Bentong sampai ke Kuala Lipis. Kita tengok 7 hari bulan, 8 hari bulan, bagaimana keadaan jalan itu.

Dua bandar ini iaitu Bentong dan Raub, walaupun ada rakan-rakan daripada sana tetapi dia tidak menimbulkan adalah merupakan satu keadaan yang tidak boleh dibayangkan dan menyulitkan penduduk-penduduk tempatan. Menjelang hari perayaan sama ada Hari Raya Puasa, sama ada Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina dan sebagainya jumlah kenderaan yang masuk ke dalam pekan ini luar biasa sekali. Mengapa tidak ada penyelesaian? Ini sudah bertahun-tahun. Ini bukan baru. Bertahun-tahun. Tiap-tiap kali apabila ada perayaan Bentong dan Raub menjadi terkenal sebagai pekan yang sesak dengan kenderaan. Bukan kerana kemajuan ekonomi dan sebagainya. Memalukan. Jadi saya jemput Menteri Kerja Raya untuk bersama-sama kita harungi kesesakan itu supaya dia tahu betul keadaan yang berlaku di Bentong-Raub.

Saya pindah kepada jalan daripada Benta. Ini laluan federal. Ini laluan persekutuan ataupun *Federal Route*. Benta sampai Jerantut. Ini jalan sejak zaman Inggeris daripada Benta ke Kampung Budu, Kampung Kemahang, Kampung Tanjung Besar, Kampung Jerangsang, Kampung Damak, Kampung Som, Kampung Baru, Sungai Port sampai ke Jerantut. Jalan ini puluhan tahun masih begitulah keadaannya. Sedangkan jalan-jalan lain sudah diperbaiki. Saya sebut tadi bagaimana hendak membangun negeri, kalau jalan tidak sempurna.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung sekarang Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Inilah malangnya kalau orang berada di akhir. Orang yang dipangkal makan dulu. Orang yang di hujung makan sisa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah sebabnya Yang Berhormat dari semalam saya sudah ingatkan kepada Yang Berhormat semua supaya menghantar nama lebih awal.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih. Terima kasih. Tidak mengapalah. Walau bagaimanapun saya sangat berharap supaya apa yang kita sampaikan ini tidak hanya tinggal sebagai retorik. Oleh sebab kalau kita dengar jawapan daripada Menteri dan Timbalan Menteri bila ditanya oleh rakan-rakan ini dia akan jawab itu sudah memang dalam perancangan kita. Itu sudah pun dilakukan. Itu sudah pun akan dibuat dalam masa terdekat. Besok bila kita datang lagi jawapannya hampir sama juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk beri ruang kepada kawan-kawan yang lain, walaupun saya ada banyak lagi, saya akur dan saya tutup dengan dua pantun.

*Loga molek perlu disepuh,  
Syarat utama pembuat senjata,  
Tangan menyusun jari sepuluh,  
Di bulan mulia maaf dipinta.*

*Merbah hijau tidak berjambul,  
Di julai dahan singgahnya balam,  
Madah ditutup ayat disimpul,  
Begitulah sudahnya akhirulkalam.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

### 3.19 ptg

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut berbahas pada pindaan Akta Perbekalan Tambahan pada kali ini. Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung Projek Khas tentang tambahan sebanyak RM26.9 juta untuk menampung perbelanjaan operasi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

#### ■1520

Berhubung dengan perumahan ini, mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, hanya 4.4 juta daripada 6.3 juta isi rumah mempunyai rumah sendiri. Sementara itu, 1.6 juta lagi menyewa dan lebih 300,000 lagi tinggal sebagai setinggan atau menumpang di rumah pusaka. Isu pemilikan rumah sendiri berterusan bagaikan tiada penghujung. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar pangkalan data untuk pemohon rumah seluruh negara diwujudkan bagi memastikan semua rakyat memiliki rumah. Langkah mendaftarkan semua pemohon rumah ini adalah penting bagi membolehkan kerajaan menentukan bilangan yang memerlukan rumah sendiri dan juga lokasi pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata golongan muda berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi masalah syarat-syarat ketat dengan institusi kewangan. Oleh itu saya amat mengalu-alukan agar isu ini dapat diatasi dan mohon pihak SPNB serta PR1MA melipatgandakan usaha mereka membina rumah bagi golongan muda terutamanya di bandar-bandar kecil seperti Kemaman, tempat saya kena diberi perhatian. Dari analisa dan kajian Tuan Yang di-Pertua, di antara ramai penghuni muda lari adalah kerana tidak puas hati, tiada rumah. Jadi, isu ini adalah isu penting bagi kerajaan kita.

Saya juga mohon penjelasan FELDA iaitu adakah FELDA telah dan sedang berusaha secara agresif membangunkan program perumahan bagi generasi kedua FELDA yang majoriti masih menumpang di rumah ibu bapa mereka. Baru-baru ini kerajaan ada merancang akan membangunkan 50 projek PPR di lokasi pilihan di seluruh negara dengan kos RM453 juta. Saya mohon penjelasan kerajaan lokasi-lokasi sebenar projek ini dan bila akan dilaksanakan. Saya mohon supaya Parlimen Kemaman termasuk dalam senarai 50 projek PPR ini kerana Kemaman mempunyai simpanan tanah yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh Kementerian Kesihatan, khususnya mengenai farmasi dan bekalan ubat. Sebanyak 70 juta diperuntukkan untuk menampung keperluan tambahan bekalan ubat. Berhubung dengan bekalan ubat ini di klinik dan juga di hospital kerajaan, saya ingin mendapat penjelasan langkah kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan bagi memastikan Kementerian Kesihatan tidak berdepan dengan krisis bekalan ubat. Ini kerana ada kalanya klinik dan hospital kerajaan ini kehabisan ubat tertentu. Apakah punca kehabisan ubat ini berlaku? Tak cukup peruntukan mungkin.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang penjualan ubat-ubatan secara *online*, dengan izin. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, langkah dan tindakan yang diambil bagi mengatasi pembelian ubat-ubatan secara *online* dengan sewenang-wenangnya oleh orang ramai. Adakah langkah pemantauan yang diambil bagi memastikan orang ramai tidak terjebak dengan pembelian ubat yang mungkin mengandungi racun berbahaya. Di sini juga ingin saya ucapkan tahniah kepada Bahagian Penguat Kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan, yang baru-baru ini telah berjaya merampas mesin bahan mentah dan produk kecantikan bernilai RM700,00. Ini kerana produk suplemen berkenaan tidak diuji dan berbahaya kerana mungkin tercemar atau mengandungi bahan-bahan yang diharamkan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah kerajaan bagi menangani masalah yang sama supaya tidak berulang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan farmasi lagi. Saya ingin timbulkan tentang farmasi— saya rasa saya *skiplah*, sebab bimbang sudah dapat nota untuk ringkaskan. Bagi peluang kepada rakan-rakan. Bertimbang rasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Next time* kita bawa semula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Kementerian Sumber Manusia, berhubung keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerjaan khususnya, tambahan sebanyak RM1.5 juta yang termasuk skim perlindungan PERKESO. Saya percaya melalui perlindungan PERKESO ini, kakitangan awam akan dapat pelbagai faedah perlindungan seperti skim perlindungan bencana pekerjaan dan pencen ilat. Buat masa ini kerajaan menetapkan perlindungan PERKESO ini terhad kepada penjawat awam yang berpendapatan RM3,000 sebulan.

Saya ingin mencadangkan agar perlindungan ini diberikan sepenuhnya juga kepada kesemua 63,000 penjawat awam dalam perkhidmatan sementara dan juga

kontrak. Ini memandangkan kerana ada kakitangan ini yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dan ramai juga mereka ini terdiri dalam kelompok yang sudah berusia 50 ke atas supaya dapat dipertimbangkan. Kesian mereka ini sudah lama, usia pun sudah tua. Sensitif pula sebut tua ya [*Ketawa*]

Seterusnya, saya ingin menyentuh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga. Saya hanya ingin mendapat penjelasan bilangan pihak berkuasa tempatan yang telah berjaya mencapai tahap lima bintang mengikut sistem penarafan bintang (SPNPBT). Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan PBT dalam sistem penarafan bintang ini.

Berkaitan Maksud P.47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Daripada maklumat, rang undang-undang ini didapati sebahagian besar peruntukan untuk kementerian ini adalah bertujuan untuk projek naik taraf, lebih kepada infrastruktur fizikal. Walau bagaimanapun satu perkara yang saya fikir wajar untuk dinyatakan adalah mengenai keselamatan siber yang perlu juga dinaiktarafkan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat keselamatan *internet*, *Cymetic Corporation* menyatakan dalam laporan ancaman keselamatan *internet* tahunannya bahawa terdapat peningkatan 42% kes ancaman kesalahan siber pada tahun lepas. Negara juga menerima sebanyak 15,218 laporan berkaitan keselamatan siber melalui Pusat Bantuan Siber 999 tahun lalu. Ancaman serangan siber dan peningkatan jenayah siber boleh melumpuhkan komponen utama infrastruktur maklumat kritikal negara dan seterusnya menjejaskan kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara. Persoalannya mengapakah kesalahan siber negara semakin meningkat? Di sini juga timbul persoalan iaitu sejauh manakah semua akta berkaitan kesalahan siber itu dikuatkuasakan bagi menangani pelbagai kesalahan jenayah siber yang semakin berkembang di negara kita ini. Apakah kita sudah cukup memiliki anggota penguatkuasaan, kepakaran dan kemudahan logistik serta hubungan dan kerjasama rapat antara agensi yang memiliki bidang kuasa penguasaan. Justeru itu, apakah kerajaan bersetuju untuk mengadakan satu jawatankuasa pemantau bagi meneliti kelemahan dan isu berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan semua undang-undang berkaitan dengan jenayah siber ini. Memandangkan mungkin undang-undang sedia ada mempunyai kelemahan yang tidak dapat menampung kepantasan pergerakan teknologi ICT ini.

■1530

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Tuan Yang di-Pertua yang tiada dalam Dewan ini tetapi dengar itu kan? Di atas kiriman kad ucapan Selamat Hari Raya yang comel itu. So, akhirnya selamat



menyambut Hari Raya Aidilfitri, mohon maaf zahir dan batin. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit untuk berbahas, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya bila berbahas itu janganlah bangkitkan perkara-perkara yang telah disentuh atau telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat telah berucap. Yang Berhormat bangkitkan perkara yang baru secara spesifik dan *precise*, ringkaskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, silakan Yang Berhormat.

### 3.31 ptg.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya ruang untuk mengambil bahagian membahaskan Akta Perbekalan dan Tambahan.

Saya ingin menyentuh hanya satu kementerian sahaja. Saya mulakan dengan maksud B.41 Kementerian Pelajaran, perkara 3 - pembayaran gaji graduan pendidikan yang dilantik sebagai guru interim pada tahun 2012. Kita sedia maklum di bawah penggabungan Kementerian Pelajaran dan kementerian yang kini kenali Kementerian Pendidikan mempunyai lebih 400,000 guru-guru di seluruh negara yang menjadikan ia kementerian yang paling besar di antara kementerian-kementerian yang lain di Malaysia. Walau bagaimanapun sama ada pihak kementerian sedar atau tidak, dengan penggabungan ini juga, maka guru-guru dari institusi perguruan yang sedang menyambung pelajaran di peringkat ijazah dan juga bakal-bakal graduan fakulti pendidikan di universiti-universiti awam akan menyebabkan berlakunya pertembungan sumber manusia tenaga guru di Malaysia.

Soalan saya, apakah langkah tuntas yang di ambil Kementerian Pendidikan selepas penggabungan di dalam memastikan tidak berlakunya lebihan pelajar yang ber*graduate* sebagai seorang guru di IPG dan universiti ini. Selain itu, Kementerian Pendidikan menyambut usaha memperkasakan Bahasa Inggeris di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025 pada tahun lalu. Kita percaya pelajar-pelajar yang cemerlang datangnya daripada guru yang cemerlang di dalam mendidik anak-anak kita.

Walau bagaimanapun, dalam usaha pemerksaan Bahasa Inggeris ini mengapakah kementerian pendidikan tidak terus mempertimbangkan guru Bahasa Inggeris yang telah bersara, di panggil semula mengajar di sekolah-sekolah di dalam usaha pemerksaan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di Malaysia. Saya di fahamkan ada guru-guru tersebut tetapi tidak ramai dan saya juga dimaklumkan JPA telah membeku program kontrak singkat ini. Jika diperlukan diharap dapat dibukakan semula kerana kita tidak memerlukan kos untuk melatih guru-guru yang telah mempunyai pengalaman mengajar 30 tahun berbanding guru-guru baru yang dilaporkan pada tahun 2012 di kehendaki mengambil peperiksaan *Cambridge Placement Test* dan dilaporkan 2/3 daripada 70,000 telah gagal. Oleh itu, apakah langkah kerajaan, khususnya untuk membantu pelajar-pelajar di luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak dari segi latihan guru Bahasa Inggeris ini.

Seterusnya saya menyentuh perkara 2, B.41 - pembayaran gaji, penyelarasan gaji kenaikan pangkat secara *time based* pegawai perkhidmatan pendidikan. Baru-baru ini Menteri mengumumkan akan mempertimbangkan cuti sabatikal kepada guru-guru dan pengetua bagi mengikuti program pembelajaran di luar negara. Ini bersesuaian dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Syabas dan tahniah kepada kementerian dan juga pada guru-guru yang bakal menerima faedah ini. Soalan saya, sejauh manakah Kementerian Pendidikan telah mengkaji idea dan cadangan ini yang walaupun baik, namun dilihat akan menimbulkan jurang di antara perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain dengan gaji kenaikan pangkat secara *time based* dan kemudahan-kemudahan lain yang diterima guru-guru akan *demotivate*, dengan izin, perkhidmatan lain yang sama penting seperti polis, tentera, jururawat dan sebagainya.

Adakah wujud sebarang kertas penyelidikan dan model yang ingin diguna pakai oleh Malaysia. Contohnya, di negara maju jika ingin memberikan kemudahan cuti sabatikal kepada guru-guru ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab atau memberi sedikit komen tentang jawapan Timbalan Menteri Pendidikan di dalam penggulungan kementeriannya tempoh hari. Saya tidak puas hati dengan jawapan itu iaitu soalan jawab bertulis perkara 46, isu 46 di mana soalan saya ialah tentang isu keselamatan dan kesihatan pelajar-pelajar dan pengguna makmal di sekolah-sekolah. Akan tetapi jawapannya terlalu *simple*, dengan izin, dan pihak yang mengajukan perkara ini kepada saya, merujuk perkara ini kepada saya untuk disampaikan di sini, tidak puas hati juga dengan jawapan yang saya bacakan kepada mereka. Ini kerana perkara yang lebih penting di sini bukan insurans. Kita kena lihat perkara itu supaya perkara itu tidak

berlaku, kemalangan itu tidak berlaku dan bukan selepas kemalangan itu kita dijamin dengan adanya insurans.

Saya ingin membantu dan memperjelaskan maksud soalan saya itu. Bagi makmal di sekolah, terutama makmal kimia, isu keselamatan dan kesihatan sering tidak di titik beratkan. Saya ingin tahu, sejauh manakah tindakan kementerian mematuhi keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Di mana dalam peraturan, dengan izin, *use of standard exposure chemical hazardous to health regulations* tidak dipatuhi. Isu ini merupakan isu utama kerana saya difahamkan kejadian bahan kimia yang meletup di makmal sekolah di sekolah SMK Datok Lokman, Kampung Pandan dan SMK Kuala Kedah dua kali dalam tempoh lima hari disebabkan pengurusan bahan kimia yang tidak diurus dengan baik dan tidak mematuhi langkah-langkah pematuhan OSHA 1994. Ini telah di ambil bagi mengurus risiko kesihatan pelajar, guru-guru dan pembantu makmal telah tidak di ambil kira sepenuhnya.

Di sini saya ingin berkongsi falsafah dan konsep Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 iaitu tanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak di atas mereka yang bekerja dengan bahaya tersebut iaitu pekerja dan mereka yang mewujudkan bahaya tersebut iaitu majikan, setakat mana yang praktik dan munasabah. Soalan saya, bagaimanakah dan status usaha atau langkah terbaik untuk mengelakkan timbulnya atau berulangnya malapetaka ini yang di sebabkan oleh risiko bahan kimia di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

### **3.38 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera.

Pertama, terus kepada maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri. Bagi maksud ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pemerksaan anggota perkhidmatan awam. Saya menyanjung tinggi perkhidmatan cemerlang penjawat awam, namun telah berlaku kes-kes penangkapan anggota perkhidmatan awam yang turut menjejaskan anggota lain, *'kerana nila setitik, rosak susu sebelanga'*. Berdasarkan perangkaan SPRM sepanjang sembilan tahun iaitu 2003 sehingga 2011, secara keseluruhannya purata tangkapan ke atas penjawat awam adalah seramai 260 orang setahun. Berbanding jumlah keseluruhan penjawat awam di Malaysia iaitu 1.4 juta orang, peratusannya adalah terlalu kecil iaitu

sekitar 0.018% sahaja. Ini tidak termasuk jenayah lain seperti penagihan dadah, maksiat dan sebagainya.

#### ■1540

Bagi memasuki perkhidmatan awam, calon ditapis dengan pelbagai jenis ujian, ujian lisan mahupun bertulis malah ada juga beberapa tapisan keselamatan. Sebagai contoh, saya ambil sukatan Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam Gred 41 yang mana mempunyai lima seksyen iaitu:

- (i) Pengetahuan Am Mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling;
- (ii) Seksyen B, Daya Menyelesaikan Masalah;
- (iii) Seksyen C, Kefahaman Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- (iv) Seksyen D, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan
- (v) Seksyen E, Bahasa Inggeris.

Di sini saya ingin menyarankan agar diwujudkan satu lagi seksyen yang tidak kurang pentingnya iaitu Seksyen 'F', kefahaman fardu ain khusus bagi calon beragama Islam. Begitu juga soalan-soalan temu duga yang sering ditanya oleh panel penemu duga pada calon berkisar kepada beberapa aspek seperti latar belakang dan kelayakan calon, jawatan yang dipohon berkaitan dengan SPA, dasar kerajaan, isu semasa dalam dan luar negara.

Apa salahnya penemu duga menanyakan soalan-soalan wajib berbentuk pengetahuan asas fardu ain. Saya yakin masyarakat menyambut baik usaha ini bagi memurnikan lagi perkhidmatan awam dan memastikan pengukuhan aspek akidah dan juga ibadah. Ini juga merupakan kesinambungan pendidikan Islam dari peringkat rendah, menengah, pendidikan tinggi seterusnya bidang pekerjaan.

Saya terus kepada Maksud B.31 – Kementerian Pelancongan. Saya pernah mempersoalkan kesan pelancongan terhadap sosiobudaya masyarakat setempat seperti kawasan pelancongan persisiran pantai dan juga pulau-pulau. Namun, jawapan Menteri agak mengelirukan. Saya sebut di sini satu hasil kajian Profesor Madya Doktor Yahya Ibrahim daripada Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran UKM bertajuk, *"Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan Cabaran Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan"*. Beliau mengatakan, *"Hari ini boleh dilihat lelaki tempatan berumur 50-an bersiar-siar di tepi pantai atau berjalan di jalan raya dengan memakai seluar mandi sahaja. Keadaan ini tidak diterima 20 tahun lepas."* Ini adalah satu perubahan sosiobudaya yang disebabkan berpunca daripada pelancongan.

Pelancongan juga telah menyebabkan tumbuhnya pelbagai kedai yang menjual minuman keras di kawasan-kawasan pantai pelancongan dan juga pulau. Sememangnya

kita tahu undang-undang telah menetapkan minuman keras haram bagi orang Islam. Akan tetapi, belum ada undang-undang yang menetapkan orang Islam dilarang menyediakan dan menghidangkan arak. Dalam situasi seorang Muslim yang setiap hari menyediakan dan menghidangkan arak, mampu kah penguat kuasa mencegahnya daripada meminum arak dengan bilangan anggota penguat kuasa yang terhad dan penjualan arak yang berleluasa termasuk penyedia dan penghidang arak di kalangan orang Islam, sememangnya undang-undang ini tidak mampu untuk mengekang ataupun menghalang orang Islam daripada meminum arak.

Dalam hal ini, saya menyokong cadangan daripada Kerajaan Negeri Johor untuk memansuhkan pusat hiburan keluarga di seluruh negeri itu mulai tahun depan bagi membendung masalah sosial di kalangan remaja. Walaupun terdapat syarat ketat di pusat-pusat hiburan yang kelihatan begitu ideal, namun sebenarnya dari sudut pemantauan dan kawalan ianya sangat sukar kerana pelbagai bentuk halangan. Ini sesuai dengan sesuatu kaedah *fiqh* di dalam Islam iaitu dipanggil [*Berucap dalam bahasa Arab*] Di mana apa-apa yang pada asalnya dibolehkan tetapi apabila membawa kepada perkara haram, ia turut disekat disebabkan suatu kemaslahatan yang lebih besar.

Seterusnya saya berpindah kepada Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan. Berkenaan ini saya ingin merujuk kepada kursus Pengajian Islam yang sebelum ini diwajibkan ke atas setiap pelajar Islam dan statusnya wajib lulus dan kursus setaraf bagi pelajar bukan Islam adalah sebelum ini adalah kursus pendidikan moral. Ini ditawarkan di IPTA dan juga di IPTS. Akan tetapi kini, kedua-dua subjek tersebut telah diganti dengan Tamadun Islam dan Tamadun Asia ringkasnya TITAS yang menjadi subjek wajib bagi Islam dan juga bukan Islam.

Saya menghormati matlamat TITAS adalah sebagai penggalak dan alat kepada budaya menghormati, toleransi dan memahami kepelbagaian kepercayaan dan juga budaya. Namun, kita umat Islam bukan setakat mempelajari agama untuk mewujudkan budaya toleransi dan memahami kepelbagaian kepercayaan malah untuk mengamalkan sebagai cara hidup sama ada daripada sudut akidah, fiqh mahupun akhlak. Sehubungan itu, saya berpandangan sukatan asal bagi kursus Pengajian Agama Islam adalah lebih relevan sebagai umat Islam dan tidak perlu diganti dengan TITAS. Cuma mungkin boleh Pengajian Islam ini diintegrasikan sedikit sebanyak dengan TITAS.

Seterusnya saya ingin merujuk bagi Maksud B.45 - Kementerian Belia dan Sukan yang memohon tambahan sebanyak RM12 juta bagi membiayai sambutan Hari Belia Negara pada tahun 2012 yang diadakan pada 23 sehingga 27 Mei 2012 di Putrajaya. Saya berpendapat jumlah yang dibelanjakan sebanyak RM12 juta bagi satu program ad-

hoc selama lima hari bertumpu di Putrajaya adalah suatu pembaziran. Bagi program sedemikian, tentu sekali perbelanjaan terbesar adalah untuk logistik seperti untuk penyewaan khemah, *PA system*, pakaian, peralatan lain, khidmat *event manager*, jemputan artis dan sebagainya.

Yang mendapat untung terbanyak tentu sekali beberapa orang pembekal. Apalah kiranya jumlah ini digunakan sebagai insentif perniagaan, insentif perkahwinan, insentif kemahiran, insentif pendidikan dan sebagainya yang tentu sekali lebih ramai penerima manfaat dan berbentuk jangka panjang. Saya ingin menyebut, saya ingin berkongsi di Kelantan kami amat berjimat cermat. Perbelanjaan kerajaan negeri bagi tahun 2012, berjumlah lebih kurang RM400 juta. RM12 juta sangat bernilai bagi kami. RM12 juta boleh digunakan untuk membina sebuah lagi maahad tahfiz, boleh membayar elaun 2,700 orang guru Al-Quran untuk dua tahun, boleh dibelanjakan untuk 24 kali Qariah Ramadan di pusat Bandar Kota Bharu dan macam-macam lagi. Perbelanjaan berhempah penuh amanah *insya-Allah*. Seterusnya saya memohon perincian bagi perbelanjaan tersebut dan apakah kesan jangka panjang terhadap belia hasil pada program tersebut yang telah dikenal pasti.

Seterusnya, saya ingin menyentuh bagi Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan krisis moral yang semakin meruncing. Menurut rekod Jabatan Pendaftaran Malaysia berkenaan jumlah anak yang tidak sah taraf yang didaftarkan bagi tahun 2012 adalah seramai 51,757 orang iaitu 9.4% daripada jumlah kelahiran berdaftar. Peratus bagi tahun 2011 adalah 8.9% yakni peningkatan sebanyak 0.5% setahun. Apa yang lebih membimbangkan mengikut negeri, peratus pendaftaran anak tidak sah taraf berbanding kelahiran berdaftar bagi Pulau Pinang 29.4%, Sabah 26.4%, Wilayah Persekutuan Labuan 23.0% manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya 10.8%.

Sebagai perbandingan, pendaftaran anak tidak sah taraf di Amerika adalah 40% dan mereka menganggap tiga ini dengan izin, adalah sangat *alarming*, sangat membahayakan dan perbezaan. Hanya 10% hingga 15% sahaja dengan negara yang mengamalkan nilai-nilai kebaratan, sedangkan kita sepatutnya mengamalkan nilai-nilai murni, tatasusila ketimuran tidak mengira agama Islam mahupun agama lain.

#### ■1550

Masyarakat semakin membebaskan diri mereka dengan ikatan perkahwinan. Mula membebaskan diri mereka dengan nilai-nilai murni, peradaban ketimuran dan terjerumus dengan hubungan intim sebelum perkahwinan tanpa mengira agama sedangkan hanya institusi perkahwinan sahaja yang mampu melahirkan masyarakat yang makmur dan

sejahtera. Saya pernah dimaklumkan bahawa terdapat Pejabat Pendidikan Daerah yang membuat kajian kadar pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan hubungan seks. Hasilnya amat mengejutkan, 70% mengatakan pernah.

Saya juga ingin merujuk kepada pendapat Ketua Sub Unit Seksualiti Bahagian Reproduksi Manusia Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang berpendapat, dasar sedia ada menjurus kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial sahaja tetapi kurang memberikan perhatian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sekejap. Sedikit lagi. Akan tetapi kurang memberikan perhatian kepada perzinaan dan salah laku seksual. Melihat kepada statistik dan fakta ini, pihak kementerian seharusnya mempunyai pelan-pelan tindakan yang lebih efektif kerana program-program yang ada sekarang seolah-olah kurang berkesan. Krisis moral semakin meruncing. Masalah menjadi semakin *complicated*. Lebih teruk jika kita mengalami krisis nilai, mula menerima nilai kebaratan dan meninggalkan nilai-nilai ketimuran juga kesusilaan.

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada suatu projek yang disebut sebagai Projek Lebuhraya Kuala Krai-Kota Bharu yang merupakan suatu projek yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam lagi tetapi sehingga kini masih belum dapat dilaksanakan. Senario sedikit berkenaan dengan projek lebuhraya ini walaupun telah ada dalam RMKe-6 tetapi dikeluarkan pada tahun 2008, diminta masuk kembali melalui RMKe-10, namun tidak diluluskan. Jadi saya ingin memohon dan saya ingin meminta suatu komitmen daripada Kerajaan Pusat, sebenarnya bagaimanakah kedudukan lebuhraya ini yang merupakan keperluan meruncing bagi rakyat Kelantan semenjak 27 tahun yang lepas, tidak mendapat kemudahan yang sepatutnya diterima oleh rakyat Kelantan?

Sehinggakan Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa mengisytiharkan yang kita panggil sebagai 'Lebuhraya Rakyat' dan rakyat telah menginfakkan setakat ini RM2.6 juta untuk pembinaan suatu lebuhraya bernilai RM50 juta. Jadi, saya ingin, sebagai Kerajaan Pusat, memberikan komitmen bagi kebajikan dan juga kemajuan pembangunan rakyat Kelantan. RM50 juta berbanding dengan apa yang kita luluskan pada hari ini sebanyak RM12 bilion adalah satu picisan, sedikit dan tempoh menunggu selama 27 tahun adalah suatu tempoh yang sangat lama. Hari ini sekali lagi saya ingin memohon komitmen Kerajaan Pusat untuk meneruskan pembinaan lebuhraya ini dengan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok. Silakan Yang Berhormat Senator.

**3.53 ptg.**

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya terlibat dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2012-2013. Saya hendak sentuh dua perkara pada petang ini.

Pertama adalah berhubung dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kalau kita lihat dalam akta ini, maka tidak wujud untuk kementerian berkenaan. Jadi, saya yang mewakili kawasan pedalaman dari luar bandar merasa tidak berapa senang hati, merasa risau seolah-olah kerajaan kita ini mulai macam tidak berapa ingat rakyat yang duduk di luar bandar. Oleh sebab itu saya minta kewajaran kenapa tidak ada peruntukan tambahan bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar bilamana kita melihat banyak lagi perkara yang perlu dibuat untuk masyarakat luar bandar? Kita kekurangan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan raya, jalan kampung, jalan ladang dan banyak lagi yang kita kekurangan.

Jadi, tidak wajarlah kalau dalam akta ini langsung tidak wujud peruntukan tambahan bagi kementerian yang berkenaan. Bagi masyarakat kita di Sarawak dan di Sabah juga, dua buah negeri ini melambangkan Malaysia ini masih merupakan negara yang banyak terlibat dalam aktiviti luar bandar. Rakyat kita walaupun banyak sudah berhijrah ke bandar tetapi kawasan dan apa yang perlu sangat sekarang juga masih perkara-perkara yang berhubung di luar bandar.

Oleh sebab yang demikian, pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada perkara yang lebih spesifik dalam kawasan saya, saya ingin hendak mencadangkan kalau kementerian atau kerajaan memikirkan kerana keadaan kita di Malaysia ini masih melihat kawasan luar bandar ini perlu dibangunkan, perlu tumpuan, perlu peruntukan yang lebih besar, perlu penekanan dan perlu perancangan yang lebih lagi. Jadi saya mencadangkan kalau lebih elok kerajaan mewujudkan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, apalah salahnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mewujudkan ada yang kita sebut Jabatan Pembangunan Luar Bandar Negeri, Jabatan Pembangunan Luar Bandar Bahagian dan Jabatan Pembangunan Luar Bandar Daerah.

Ini pada hemat saya merupakan satu wahana macam mana kerajaan ingin *deliver*, menyampaikan perkhidmatan dengan tersusun, dengan cepat melalui jabatan-jabatan



yang saya maksudkan tadi. Ini kerana kalau kita lihat sekarang, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jika ingin membuat satu projek atau hasrat yang murni untuk satu-satu kawasan di dalam satu daerah hanya merujuk melalui Pejabat Residen. Kalau dalam konteks Sarawak, melalui pejabat-pejabat daerah.

Jadi, pegawai daripada kementerian tidak ada khususnya yang duduk di peringkat bahagian, di peringkat daerah yang akan melihat dan meninjau segala projek perancangan daripada kementerian tersebut. Walhal, kalau kita lihat di Sarawak dan Sabah, maka inilah yang kita perlukan sekarang. Jadi, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua pada petang ini kiranya kerajaan memikirkan mewujudkan agensi walaupun ia tidak berbentuk jabatan seperti mana yang saya sebutkan tadi, elok kalau ada kementerian berkenaan mewujudkan pejabat-pejabat yang lebih dekat dengan kawasan luar bandar kita itu. Itu yang cadangan saya berhubung dengan ini.

Sehubungan dengan ini, saya ingin membawa satu perkara yang sangat dekat pada hati saya sewaktu saya menjadi wakil rakyat di peringkat negeri, perkara ini sudah saya bawa juga. Yakni berhubung dengan keperluan di luar bandar iaitu dalam kawasan Poyut atau Lubok Nibong. Kawasan ini adalah kawasan masyarakat Iban dan sedikit masyarakat Cina yang tidak juga jauh di pedalaman tetapi telah menghadapi kekurangan air yang sudah begitu lama. Di dalam kawasan yang berkenaan, terdapat 31 buah rumah panjang dan mereka ini satu-satunya rumah panjang ini pun belum mempunyai bekalan air yang bersih.

#### ■1600

Jadi bila musim kemarau, penduduk rumah panjang dan kampung ini terpaksa berjalan jauh pergi mencari anak-anak sungai dan kolam-kolam yang kecil untuk mendapatkan air, untuk mandi, untuk digunakan di rumah mereka. Jadi untuk mendapatkan air yang bersih, terpaksa mereka turun ke pasar, ke Pekan Marudi untuk membelikan air botol untuk minuman.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi yang merunsingkan sekali Tuan Yang di-Pertua di dalam kawasan ini, bila mana wujud projek estet-estet kelapa sawit yang sudah menggunakan hutan rimba dan ini menyulitkan bila mana masa kemarau, air yang ada itu sudah tidak bersih lagi dan air itu keroh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab yang demikian, saya mohon supaya pegawai kerajaan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turun ke kawasan tersebut untuk melihat keadaan dan memikirkan cara mana untuk memasang saluran paip dari loji bekalan air dari Marudi kepada kampung-kampung atau rumah panjang yang saya maksudkan.

Jadi perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Dengan cepatnya saya mohon sekali lagi juga yakni masyarakat di kawasan Ulu Tinjar, Lemeting sangat memerlukan perkhidmatan sebuah klinik kesihatan desa di mana masyarakat Kenyah, Sebob, Iban dan Berawan tinggal di sana. Jumlah mereka tidak kurang daripada 2,500 orang, sangat memerlukan perkhidmatan sebuah klinik desa. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa hari ini hari terakhir. Daripada awal lagi saya sudah pesan semua Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan nama. *So* senang saya hendak mencongak masa dan jangan bagi *last minute*. Akan tetapi keputusan itu saya buat, keputusan saya muktamad. Saya hendak beritahu.

Saya hendak beri peluang kepada semua sekali. Memang saya galakkan berucap, tetapi beri kerjasama dengan saya juga supaya mengemukakan itu senang saya hendak congak masa dalam waktu yang tertentu. Sekarang, tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat S. Bagiam.

#### 4.03 ptg

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri mengenai rukun tetangga. Saya ingin bertanya apakah aktiviti rukun tetangga ini masih dilihat relevan kerana kita dapati kebanyakan kawasan-kawasan perumahan kini mempunyai jawatankuasa penduduk dan mengupah pengawal keselamatan sendiri dengan cara mengutip bayaran daripada rumah-rumah di lokasi tersebut untuk mengawal keselamatan harta bendar dan pencegahan jenayah pecah rumah. Apakah usaha kerajaan dalam memperkasakan program komuniti sedemikian yang sering dilaksanakan di kawasan-kawasan perumahan bandar? Adakah kerajaan

mempunyai rancangan untuk berusaha dengan persatuan-persatuan penduduk ini untuk mewujudkan program-program yang boleh menanam semangat kejiranan khususnya di bandar-bandar?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya, apakah kita sedar bahawa demam denggi masih mencatat angka yang tinggi walaupun program-program semburan bagi membanteras denggi, tetapi ianya masih dilihat tidak memberikan kesan yang positif. Apakah yang menyebabkan senario ini dan adakah bahan kimia yang dicampurkan itu tidak berkualiti? Apakah masalah yang dikenal pasti dalam menangani masalah ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan akhbar jumlah tikus di negara ini telah bertambah dan menjadi masalah serius terhadap bandar-bandar dan kawasan kediaman dengan peningkatan membimbangkan dalam kes leptospirosis yang biasanya dikenali sebagai penyakit kencing tikus. Persekitaran medan selera yang kotor dengan sistem pelupusan sisa yang tidak terkawal pastinya menggagalkan usaha kerajaan untuk menyamakan industri pelancongan negara yang menyasarkan untuk menerima 36 juta pelancong menjelang tahun 2020.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar setiap premis perniagaan makanan diwajibkan menggunakan khidmat ejen kawalan makhluk perosak bagi membasmi pembiakan tikus. Kerajaan juga hendaklah mewajibkan pemilik premis mempamerkan bukti bahawa premis mereka telah menjalani rawatan seperti mana mereka mempamerkan lesen perniagaan.

Usaha ini hendaklah ditangani dengan serius, memandangkan Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan telah mencatatkan sebanyak 3,665 kes leptospirosis pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 85.5% daripada 1,976 kes yang direkodkan pada 2010 dengan 69 kematian. Manakala pada tahun 2011, terdapat 2,268 kes dengan 55 kematian. Peningkatan jumlah tikus di negara ini saya percaya berkait rapat dengan sikap tidak bertanggungjawab penjaja haram dan pemilik kedai makanan dan meninggalkan sisa-sisa makanan di tepi-tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai satu soalan di bawah Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya pohon jawapan Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai penganugerahan Projek Pembinaan Sekolah Tamil (SJKT) di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Datuk Seri G. Palanivel selaku Presiden MIC bagi usaha mereka untuk memperkasakan kontraktor India khususnya, dalam menawarkan projek pembinaan sekolah

Tamil. Apakah kedudukan sebenar projek ini dan mengapakah pelaksanaan in masih tertangguh. Saya difahamkan keseluruhan proses tender dan dokumentasi sudah diselesaikan hampir empat bulan yang lalu dan masih tiada sebarang tindakan. Bilakah ianya akan dimulakan? Saya pohon agar projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari raya kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, tidak lupa juga semua warga Parlimen, warga media dan seluruh rakyat Malaysia yang beragama Islam, selamat Hari Raya Aidilfitri. Sekian, saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Lucas.

■1610

4.10 ptg.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Izinkan saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013.

Pertamanya sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh mengenai apa yang lebih dekat dengan masyarakat desa iaitu melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebagaimana yang dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini penting dalam membantu golongan-golongan petani di luar-luar bandar. Oleh itu, saya mohon mencadangkan kepada kementerian ini agar membantu golongan petani di kawasan saya di Parlimen Tenom yang telah memohon mempertimbangkan kenaikan taraf sistem pengairan sawah padi seluas 60 ekar di kawasan Kampung Gunting di Tenom. Ini jelas saya katakan di sini supaya pegawai-pegawai kita akan boleh mengambil tindakan sewajarnya sebab permohonan telah pun diajukan kepada kementerian ini pada tahun 2009 yang lepas. Oleh itu, kementerian harus melihat daripada keperluan infrastruktur ini bagi memperkasakan peningkatan hasil tani di masyarakat luar bandar.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan masalah mendapatkan rumah oleh golongan belia kita yang ingin memiliki rumah. Saya teringat dengan versi lagu yang amat popular yang dinyanyikan oleh Jimmy Palikat. Dia kata, "*Saya ini anak orang kampung dan miskin dan tidak ada apa-apa. Rumah pun tiada, ada pun bapa punya.*"

**Seorang Ahli:** Nyanyi betul-betullah.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Boleh nyanyi tetapi nanti tidak cukup masa [*Ketawa*] Jadi, dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, nampaknya golongan yang semakin tersepit dan terhimpit adalah golongan berpendapatan sederhana dan pertengahan. Ini kerana bagi golongan berpendapatan rendah, mereka dibela dengan penyediaan rumah mampu milik seperti PPRT, PPR dan PPA. Dilemanya kini ditanggung oleh golongan pertengahan yang berpendapatan RM6,000 ke bawah jika harga rumah semakin naik mendadak saban hari.

Kerajaan Pusat turut merancang strategi holistik menangani isu harga rumah tinggi dengan mengumumkan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia dan semalam juga ada diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun program ini masih belum cukup untuk menangani isu ini secara menyeluruh. Jadi, saya ingin meminta kepada kementerian ini, apakah punca peningkatan harga rumah yang semakin mendadak sehingga ia membebankan, sekali gus menguburkan impian majoriti di negara ini untuk memiliki rumah. Apakah langkah yang perlu dilakukan oleh pihak dalam kementerian menangani isu ini agar rumah yang ditawarkan selari dengan pendapatan majoriti rakyat? Adakah skim rumah mampu milik yang disediakan oleh kerajaan mencapai matlamatnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang 'Kementerian Pelajaran Malaysia'. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, dasar MBMMBI yang diperluaskan di sekolah-sekolah memang mendapat sambutan yang baik. Akan tetapi apa yang menjadi kekangan di sini dalam pelaksanaan MBMMBI iaitu dalam projek penutur jati iaitu dengan izin, *the native speaker project*.

Kerajaan kita *engage* ataupun kita mengambil dengan izin, mengambil daripada negara-negara luar untuk mengajar bahasa Inggeris dan kosnya amat tinggi. Bukan alang-alang, amat tinggi di seluruh negara. Projek ini dijalankan di seluruh negara, di 1,800 buah sekolah rendah. Apa salahnya kalau pakar-pakar kita yang sudah *retire* ataupun dengan izin, yang sudah pencen diambil semula berkhidmat sebagai pengendali dalam projek ini. Satu lagi ialah kita di Malaysia ini, Kementerian Pendidikan Malaysia, saya ingat mereka faham fungsi Institut Bahasa Antarabangsa di Kuala Lumpur iaitu melatih guru-guru kita supaya *competent* dalam bahasa Inggeris dan mereka akan mengajar di pelosok negara ini melalui Pejabat Pelajaran Daerah.

Kumpulan-kumpulan inilah yang sepatutnya mengadakan *in-house training* di daerah masing-masing tanpa kos yang tinggi sebab mereka ini adalah pegawai-pegawai perkhidmatan kerajaan. Jadi, saya ingin bertanya juga kepada Kementerian Pendidikan

Malaysia sejauh mana program *the native speaker project*, dengan izin atau penutur jati ini telah mencapai kejayaannya di seluruh negara? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Oleh kerana saya datang dari negeri di bawah bayu dengan banyak gunung-gunung, pulau-pulaunya dengan hutan-hutannya yang masih segar-bugar dan baru-baru ini saya juga memperoleh pengalaman dalam *walking visit*, dengan izin, bersama dengan Timbalan Yang di-Pertua dan rombongan ke Rusia, Itali dan New Zealand juga. Saya melihat bahawa banyak perkara ataupun sektor pelancongan ini yang kita lihat di luar negara boleh diambil untuk diaplikasikan ke dalam negara kita.

Saya mencadangkan kepada kementerian agar menaiktarafkan sektor pelancongan kita di seluruh negara Malaysia ini agar pelancong-pelancong kita mempunyai kemudahan yang banyak untuk dinikmati apabila mereka berada di negara kita. Saya juga mencadangkan agar di luar-luar bandar diberi peluang dalam Program Inap Desa agar pengusaha-pengusaha pelancong di luar-luar bandar ini juga akan menikmati imbalan daripada apa yang mereka lakukan dan melalui program *homestay* atau inap desa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya juga mengambil kesempatan ini sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai Senator yang bukan beragama Islam tetapi kita ini saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di luar sana yang mungkin mendengar ucapan hari ini dan pemimpin-pemimpin ulung negara kita. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mewakili semua mengucapkan terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat sebentar tadi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai.

■1620

4.20 ptg.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara. Terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013.

Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai kes-kes tembakan yang sering kita dengar sejak akhir-akhir ini. Persoalannya adalah macam mana senjata api ini boleh masuk ke negara kita?

Ada Yang Berhormat cakap tadi, senjata api bawa di negara kita serupa *cowboy town*, dengan izin. Kita semua sedar bahawa kemasukan senjata api secara haram ini sering berlaku di persempadanan Thailand-Malaysia. Apakah tindakan kementerian dalam memastikan persempadanan kita ini tidak boleh bolos dan penguatkuasaan ditingkatkan dalam menangani masalah penyeludupan tidak berlaku lagi di persempadanan Thailand dan Malaysia? Saya percaya jika persempadanan ini dapat dikawal dengan ketat, peratus jenayah dalam negara kita ini dapat dikawal dan pasti akan mencerminkan penurunan kadar jenayah yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah usaha yang telah dan sedang diambil oleh kementerian dalam mengawal atau memerhati? Rakyat kita di luar negara, adakah tindakan mereka ini dipantau jika mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang boleh mencemarkan nama baik negara. Seterusnya adakah kementerian sentiasa terbuka untuk menyebarkan pelan tindakan serta negara kepada warga kita di luar negara. Apakah usaha kementerian dalam menanam semangat cinta akan tanah air kita di luar negara melalui duta-duta kita. Program-program yang berkaitan dalam usaha menambahkan semangat patriotik terhadap tanah air kita yang dicintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu e-rokok. Saya melihat ramai remaja kita yang kini menggunakan e-rokok dan sentiasa menjadi satu trend yang baru. Adakah kementerian sudah memenuhi laporan terperinci mengenai bahan kimia yang terdapat dalam penggunaan e-rokok. Adakah kerajaan meluluskan penggunaan e-rokok seperti mana rokok biasa yang dibenarkan. Apakah rancangan atau pelan tindakan kementerian untuk menghilangkan ketagihan merokok kepada satu perbuatan yang benar-benar baik untuk kesihatan selain daripada asal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempat duduk di Dewan yang mulia ini. Saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah Dewan Negara yang baru nanti akan memenuhi keselesaan tempat duduk. Tempat duduk sekarang tidak "selese" ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak selesa, bukan "selese".

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak selesa kerana ruang yang sempit sehingga ramai dari kalangan Yang Berhormat di Dewan ini kompelin sakit kaki. Saya pun tengok, sakit pinggang pun ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dewan ini Dewan sementara.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, saya tanya Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Shahidan pun tengok kakinya pusing sana, pusing sini, dia pun tidak boleh duduk tetapi saya ingat dia tahu apa mahu bikin untuk Dewan Negara. Saya cadangkan agar Dewan Negara yang baru ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua minit lagi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya baru ini kali ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa hendak buat, sepuluh minit sahaja semua orang.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya baru ini kali mahu cakap banyak Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, cadangkan agar Dewan Negara yang baru nanti direka dan dibina dengan mengambil kira keselesaan agar Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh duduk dengan selesa dan buat kerja.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong [*Disampuk*] Dia kacau Tuan Yang di-Pertua, mana boleh cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini kali saya tidak cakap, Ketua Pembangkang semua saya tidak cakap, saya ada banyak tetapi nanti orang marah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan gaduh, saya mengawal di sini, siapa kacau saya akan tegur.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya ada dua *paper* tetapi Ketua Pembangkang semua tidak boleh cakap, nama tidak boleh cakap, "Anwar" tidak boleh cakap, apa lagi saya mahu cakap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Sekian terima kasih, salam satu Malaysia dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Muslim. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih, terima kasih. Sekarang saya hendak maklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Selaku Tuan Yang di-Pertua, saya diberi tanggungjawab untuk mengawal dalam menjalankan pentadbiran Mesyuarat di Dewan ini dengan sempurna dan lancar dalam masa waktu yang telah ditetapkan. Itulah sebabnya daripada awal lagi saya mohon kerjasama tidak kira siapa, saya anggap semua sama belaka untuk beri peluang hantar nama secepat mungkin untuk senang saya mengawal masa.



Kita ada lapan hari sahaja dan saya dapati *alhamdulillah*, saya bersyukur kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak keluar pun beritahu saya, yang tidak datang pun tulis surat kepada saya. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian pada sesetengah, tidak perlu sebut namalah, menghilangkan diri beberapa hari dan datang hari terakhir, lepas itu minta hendak bercakap. Kita dah buat keputusan, banyak perkara yang terpaksa saya timbangkan, semua saya anggap sama, tidak kisah pembangkang atau sebagainya. Daripada awal saya cakap semua sama belaka.

#### ■1630

Sekarang kerana ada dua orang menghantar nama lambat, tidak payah sebut namalah ya, minta maaf lah. So, saya tidak dapat benarkan kerana kita ada menteri kena jawab. Selepas ini cukuplah setakat itu dan saya hendak beri- hendak katakan amaran tidak seronok juga tetapi saya tegas dalam perkara. Semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak kira, dia seorang menteri pun dia orang datang. Akan tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat datang ikut kehendak hati sahaja, dalam tempoh lapan hari ini tidak boleh bertanggungjawab, saya rasa rakyat menentukanlah. Saya fikir, *be serious* dalam perkara ini. Kita ingin memartabatkan Dewan ini. Tanpa buang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri jawab.

#### 4.31 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua (2012) 2013 di Dewan yang mulia. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang telah dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Ada di kalangan Ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang bernas dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara.

Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat di jawab, suka saya maklumkan, perhatian dan pertimbangan sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara ini. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini seramai 25 orang kalau tidak silap catatan saya iaitu Yang Berhormat,

1. Senator Dr. Syed Husin bin Ali;
2. Senator To' Puan Hajah Zaitun bin Haji Mat Amin;
3. Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat;
4. Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman;
5. Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim;
6. Senator Datuk Dr. Firdaus bin Haji Abdullah;
7. Senator Datuk Lim Nget Yoon;
8. Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus;
9. Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin PA Mohd Sultan;
10. Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman;
11. Senator Dato' Boon Som a/l Inong;
12. Senator Puan Hajah Dayang Madinah Tun Abang Haji Openg;
13. Senator Datuk Dr. Johari bin Mat;
14. Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakesh Singh;
15. Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah;
16. Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar;
17. Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop;
18. Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud;
19. Senator Puan Hajah Rohani bin Abdullah;
20. Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad;
21. Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed;
22. Senator Tuan Lihan Jok;
23. Senator S. Bagiam a/p Ayem Perumal;
24. Senator Dr. Lucas bin Umbul; dan
25. Senator Dato' Nallakarupan a/l Solaimalai.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertanya, adakah dengan pertambahan peruntukan sebanyak RM28 bilion, 15.4% ini akan memberi impak kepada defisit negara? Tambahan peruntukan perbelanjaan pertama dan kedua telah diambil kira dalam pengiraan defisit fiskal kerajaan. Oleh kerana itu jumlah 4.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar itu masih kekal. Oleh itu jumlah defisit fiskal kerajaan bagi tahun 2012 kekal seperti yang telah diumumkan. Beliau juga meminta justifikasi kenaikan peruntukan Pilihan Raya Umum Ke-13 berbanding PRU Ke-12. Kenaikan peruntukan bagi

menguruskan PRU Ke-13 berbanding dengan PRU Ke-12 adalah disebabkan faktor berikut:

- (i) penambahan bilangan pemilih berdaftar PRU Ke-12, 10,942,139 orang. Sementara PRU Ke-13, 13,268,002 orang dan penambahan sebanyak 2,145,863 orang. Justeru itu, penambahan bilangan pemilih ini menyebabkan peningkatan kos mencetak kertas undi, buku daftar pemilih pilihan raya yang digunakan;
- (ii) penambahan bilangan petugas pilihan raya. Bagi PRU Ke-13, sejumlah 234,905 orang, PRU Ke-12 - 147,887 orang; dan
- (iii) kenaikan kadar bayaran sugu hati kepada petugas pilihan raya. PRU Ke-13 misalnya, sugu hati adalah RM 1,570 berbanding RM 1,045 bagi PRU Ke-12.

Terdapat tuduhan mengenai pendedahan dalam RCI Sabah. Kecenderungan pihak yang tertentu menuduh SPR terlibat dengan pemberian kad pengenalan kepada warga negara asing dan kemudiannya didaftarkan sebagai pemilih berdaftar. Adalah ditegaskan bahawa SPR menjalankan fungsi yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 113 iaitu mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan urusan pilihan raya sahaja. Hal-hal yang berkaitan dengan urusan kewarganegaraan dikendalikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, bukan SPR.

SPR akan mendaftarkan sesiapa sahaja sebagai pemilih sekiranya ia memenuhi syarat kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih termasuklah syarat seseorang itu mestilah terdiri daripada warga negara Malaysia. Semasa pendaftaran pemilih dibuat, nama-nama pemilih akan dipamerkan untuk tujuan tuntutan dan bantahan, melaksanakan siasatan dan pendengaran awam bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan dan bantahan sebelum seseorang itu didaftarkan sebagai pemilih.

Seksyen 9A telah dimasukkan ke dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2002 setelah dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan di Parlimen. Seksyen ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa sesuatu daftar pemilih yang telah diperakui atau di perakui semula dan notis mengenai perakuan itu telah pun disiarkan dalam warta. Maka, ia hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dirayu terhadapnya atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh mana-mana mahkamah.

Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftar Pemilih 2002 turut memperuntukkan kuasa kepada SPR untuk membersihkan mana-mana nama pemilih atas alasan yang dibenarkan oleh undang-undang seperti pemilih yang telah disahkan meninggal dunia

atau pun lucut kewarganegaraan. Kuasa yang sedemikian adalah bagi memastikan pembersihan daftar pemilih masih boleh dibuat dari semasa ke semasa bagi menjamin daftar pemilih itu bersih dan tidak mengandungi nama-nama pemilih yang tidak lagi layak.

Jika setelah melalui semua proses yang disebut di atas, mana-mana daftar pemilih itu masih dibenarkan untuk dicabar, maka proses pameran daftar pemilih, tuntutan dan pendaftaran yang diperuntukkan dalam undang-undang yang telah pun dibentangkan di Parlimen akan menjadi sia-sia dan tiada kesudahan berhubung dengan pemilih yang layak diperakukan dalam daftar pemilih bagi membolehkan mereka mengundi dalam mana-mana pilihan raya. Jika perkara ini berlaku, maka pilihan raya tidak dapat dijalankan kerana daftar pemilih masih lagi dipersoalkan dan tidak dapat diperakui bagi digunakan dalam mana-mana pilihan raya.

Mengenai tuduhan 40,000 orang Bangladesh mengundi. Kenyataan itu sebenarnya tercatat dalam Suara Keadilan, akhbar pembangkang pada tarikh sebaik selepas PRU Ke-13 pada 5 Mei lalu. Menyebut dan menuduh di muka depan akhbar itu bahawa ada ratusan ribu kononnya pendatang asing telah mengundi yang mana ini adalah fitnah semata-mata...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh, boleh mencelah sikit?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tentang saya minta senarai nama pengundi yang katalah ada kemungkinan mengundi dua, tiga kali. Akan tetapi setelah saya baca senarai nama ini, hanya nama yang sama tetapi butir-butir yang lain langsung tidak sama. Jadi, terbuktilah itu satu tuduhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat, okey, okey. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat kerana membantu. Memang sebenarnya SPR adalah telus dan memang kadang-kadang kita mempunyai nama yang sama, namun ICnya berbeza dan alamatnya juga adalah berbeza. Kalau sebut nama saya "Ahmad", begitu ramai "Ahmad" dalam Malaysia ini.

Mengenai projek Empangan Pedu, RM337 juta merupakan kos kontrak untuk pembinaan empangan sahaja. Sumber kerajaan menyatakan RM360 juta adalah kos keseluruhan iaitu termasuk kos bayaran perunding dan bayaran pampasan pengambilan balik tanah adalah seperti berikut:

- (i) yuran kontraktor - RM337 juta;
- (ii) yuran perunding - RM24 juta; dan
- (iii) bayaran pampasan pengambilan balik tanah - RM3 juta.

Mengenai justifikasi peruntukan tambahan Kolej Pertanian. Tambahan peruntukan RM20 juta ini adalah untuk pembayaran kos pembinaan Kolej Pertanian bagi tahun 2012 yang melibatkan kemajuan kerja kontrak iaitu menyiapkan jalan utama ke kampus, elektrik dan mekanikal, pembetulan, perparitan dan pembelian perolehan. Mengenai cadangan agar MOA dan KKLW diberikan tambahan peruntukan. Ini adalah cadangan yang baik dan kita akan mengambil tindakan terhadapnya.

Mengenai peruntukan tambahan yang dipohon untuk membangunkan sebanyak 405 lot tanah PDRM yang belum dibangunkan. Peruntukan tambahan dipohon oleh Kementerian Dalam Negeri adalah peruntukan mengurus yang tidak mempunyai kaitan dengan pembangunan 405 tanah PDRM yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Mencadangkan supaya isu-isu berkaitan perumahan ditadbir di bawah satu bumbung. Kita akan timbang tentang perkara ini. Meminta supaya kerajaan mengkaji bagaimana cara supaya subsidi dapat dimanfaatkan. Pemberian subsidi oleh kerajaan pada masa ini adalah secara menyeluruh di mana semua lapisan rakyat dapat menikmatinya.

Kerajaan dari semasa ke semasa meneliti mekanisme terbaik untuk menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran warga tempatan seperti memperkenalkan program bantuan tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, Baucer Buku 1Malaysia dan bantuan tunai persekolahan. Kita juga sedang mengkaji bagaimana cara supaya subsidi itu tidak dapat digunakan oleh warga asing.

#### ■1640

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat bertanyakan mengenai pegawai perkhidmatan awam berstatus kontrak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penajaan yang disediakan oleh kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Program Hadiah Latihan Persekutuan. Adalah untuk penjawat awam yang memenuhi semua syarat-syarat kelayakan ditetapkan. Antara syarat-syaratnya adalah pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan tetap dan ini tidak termasuk kepada pegawai yang kontrak. Syarat ini dikenakan kerana penajaan biasiswa JPA mempunyai implikasi kontrak berkhidmat dengan kerajaan dalam tempoh tertentu berdasarkan kepada bidang, tempoh dan negara pengajian. Tentang Program MyBrain15 merupakan penajaan peringkat ijazah lanjutan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan.

Mengenai status pelaksanaan insurans kesihatan. *OneCare* adalah cadangan penstrukturan semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Ianya meliputi cadangan transformasi sistem penyampaian kesihatan, penambah baik tadbir urus dan pembiayaan sistem kesihatan. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia supaya semua rakyat boleh mendapatkan

akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan saksama. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep. Sehingga kini masih belum ada sebarang keputusan muktamad yang dibuat mengenai model sistem kesihatan baru yang akan diguna pakai untuk negara ini termasuk model untuk pembiayaan kesihatan. Pelbagai aspek persediaan mengenai *OneCare* sedang diperincikan dengan mengambil kira cadangan input daripada pelbagai pihak yang berkepentingan. Usaha ini merupakan satu proses yang dinamik dan interaktif. Hasil perbincangan perlu diteliti rapi jika perlu perubahan akan dibuat dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanyakan mengenai TV AlHijrah. Peruntukan menubuhkan TV AlHijrah lengkap dengan studionya di Kompleks Pusat Islam Kuala Lumpur semua sekali berjumlah RM60 juta. Bermula pada pelancaran TV AlHijrah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Disember 2010, stesen telah dapat sambutan hangat daripada segenap lapisan masyarakat. Pada tahun 2012 jumlah tontonan mencecah 1.2 juta dan terus meningkat kepada 1.4 juta orang sehingga Jun 2013 dan berada dalam landasan untuk mencapai sasaran 1.5 juta tontonan harian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua kandungan program yang bakal disiarkan oleh TV AlHijrah adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Penapisan Filem (LPF) selaras dengan Akta Penapisan Filem 2002 dan Garis Panduan Penapisan Filem. Untuk rancangan yang bakal bersiaran secara langsung pula permohonan siaran hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari sebelum bersiaran kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Kandungan program TV AlHijrah adalah tertakluk kepada garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam dan garis panduan bahan penerbitan bercetak dan audio visual berhubung unsur yang bercanggah dengan akidah dan amalan Ahli Sunah Wal Jamaah.

Yang Berhormat Senator Hajah Noriah binti Mahat juga bertanya dan mencadangkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menaik taraf bangunan klinik desa. Naik taraf bangunan klinik desa dijalankan secara berterusan setiap tahun. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri akan mengenal pasti Klinik Desa yang perlu dinaiktarafkan mengikut keutamaan yang mana akan disenaraikan dalam *rolling plan* rancangan Malaysia setiap tahun. Dalam *Rolling Plan 1* hingga *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kesepuluh sejumlah 201 buah klinik desa telah dan sedang dinaik taraf bagi mempertingkatkan perkhidmatan khususnya kepada ibu-ibu hamil dan kanak-kanak.

Perkhidmatan yang dijalankan di klinik desa oleh jururawat masyarakat adalah perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Oleh itu jenis ubat yang disediakan di klinik desa

adalah sejajar dengan perkhidmatan yang disediakan dan sesuai dengan kategori perjawatan anggota di klinik desa tersebut. Semua ubat dibekalkan secara percuma dan jika pesakit memerlukan rawatan lanjut mereka akan dirujuk klinik kesihatan yang berdekatan.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman bertanyakan tentang sistem biometrik setakat mana kejayaan meningkatkan penangkapan penjenayah, pelacur warga asing. Data yang ada mengenai pengesanan cap-cap jari dan tempat kejadian dengan jumlah pengesanan cap jari mengikut tahun adalah seperti berikut. Ini adalah data yang ditangkap ya.

Tahun	Bilangan Kes
2009	1,017
2010	1,374
2011	1,781
2012	2,172

Semua pintu masuk imigresen yang diwartakan akan mengguna pakai sistem biometrik termasuk pintu-pintu masuk di bawah ESSCOM bagi mengawal kemasukan pelawat asing. Pada masa kini pintu masuk yang belum dilengkapi dengan sistem biometrik di kawasan ESSCOM akan dipasang setelah *facility* di pejabat berkenaan dinaik taraf.

Mengenai IPD Sipitang. Projek membina baru Ibu Pejabat Polis Sipitang telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Rolling Plan 3*, 2014 dengan peruntukan sebanyak RM20.5 juta. Pada masa ini pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mohon kepada EPU untuk menaikkan siling projek kepada RM30 juta berdasarkan anggaran pihak JKR. Projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan menaikkan siling projek telah EPU peroleh.

Mengenai kualiti ubat. Secara umumnya perolehan ubat-ubatan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan secara tender terbuka, sebut harga dan pembelian terus dan juga melalui syarikat konsesi yang telah dilantik oleh kerajaan bagi membekalkan ubat-ubatan ke *facility* Kementerian Kesihatan seluruh negara. Secara keseluruhannya perolehan ubat-ubatan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM1.98 bilion di mana 41% di bekal oleh syarikat konsesi, 38% di bekal melalui tender pusat KKM dan 21% di bekal melalui sebut harga dan pembelian terus. Ini bermakna 79% bekalan ubat-ubatan adalah sama di setiap

*facility* KKM, hospital dan klinik kesihatan di mana ia dibekalkan oleh tender pusat KKM dan syarikat konsesi di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat bertanya tentang Biro Tatanegara. Dakwaan yang mengatakan Biro Tatanegara (BTN) digunakan untuk menimbulkan rasa takut, terancam pada peserta Melayu adalah tidak benar sama sekali dan berniat yang tidak baik. Ini kerana tiada sebarang bukti dikemukakan oleh mereka yang membuat laporan tersebut. Biro Tatanegara dari masa ke semasa sentiasa mengemas kini *syllabus*nya demi memastikan pelaksanaan program anjurannya selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan kumpulan sasarannya. Mulai tahun 2009 *syllabus*nya berteraskan kepada Gagasan 1Malaysia dan Dasar Transformasi Nasional.

BTN melaksanakan pelbagai program untuk memupuk semangat patriotisme dan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia. Di antara program utamanya adalah kursus, seminar, bengkel, karnival, konvensyen, sesi meja bulat, diskusi forum, *luncheon talk*, *hi-tea*. Pelaksanaan program BTN melibatkan pelbagai kumpulan sasar di seluruh negara termasuk anak muda di kawasan luar bandar daripada pelbagai bangsa serta umur. Bahagian transformasi patriotisme di BTN akan bekerjasama dengan IPTA untuk melaksanakan penyelidikan terhadap pembinaan negara bangsa. BTN mempunyai sebuah Akademi Kenegaraan di Jalan Bellamy, Kuala Lumpur untuk mengadakan kajian yang dicadangkan itu.

Mengenai isu pembinaan masjid di Brickfields. Cadangan pembinaan masjid di Brickfields akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan rasmi daripada pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) berkenaan permohonan tanah tapak masjid. Isu ketidakseragaman penyelarasan pembinaan masjid di antara pihak ICU dan DBKL tidak timbul disebabkan tapak telah dikenal pasti dan hanya menunggu kelulusan rasmi daripada pihak PTG Wilayah Persekutuan. Peruntukan pembinaan masjid di Brickfields adalah daripada pihak MAWIP dan dilaksanakan oleh pihak JAWI. Jawatankuasa khas yang dicadangkan hanya melibatkan pihak MAWIP, JAWI, DBKL dan PTG.

Juga dibangkitkan mengenai INTAN. Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat INTAN merupakan sebuah agensi kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam membangunkan sumber manusia sektor awam yang lebih *competent*, dinamik dan progresif. INTAN telah mengorak langkah dengan mentransformasikan keseluruhan INTAN sejak 1 Mei 2013 melalui enam teras strategik:

- (i) memperkasa INTAN ke tahap kecemerlangan;
- (ii) membangun dan mengekalkan kepakaran sumber manusia;



- (iii) membudayakan inovasi, etos, integriti dan nilai murni;
- (iv) mewujudkan rangkaian kerjasama peringkat tempatan dan antarabangsa;
- (v) melaksanakan program pembelajaran yang berimpak tinggi; dan
- (vi) membudayakan improvisasi dalam sektor awam.

Mengenai kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh JPA di luar negara ialah seperti berikut:

- (i) *Advanced Management Program* bagi pegawai pengurusan tertinggi di UK, US dan Perancis;
- (ii) kursus kepimpinan bagi Kumpulan Pengurusan Pertengahan Gred 48 hingga Gred 54 di *London Business School, Cambridge Business School, Harvard Business School, INSEAD French Business School, Saïd Business School, University of Oxford, RIPA International* dan lain-lain;
- (iii) Latihan di bawah Dasar Pandang ke Timur Jepun dan Korea seperti Program Pembangunan Eksekutif, Program Pertukaran Belia, Latihan Belia Muda, Program Perkongsian Ekonomi dan Teknikal bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.

Mengenai pengawasan lebih teliti untuk memastikan pendatang asing yang datang ke Malaysia sebagai pelancong dan pelajar benar-benar bagi tujuan tersebut. Kita telah mengadakan makmal tentang perkara ini dan makmal yang telah berlangsung pada 23 Mac 2010 hingga 23 April 2010 melibatkan 30 orang pegawai daripada pelbagai kementerian termasuk wakil daripada Sabah dan Sarawak. Serta lebih 60 perwakilan daripada pelbagai organisasi, persatuan, dewan perniagaan, kedutaan-kedutaan.

#### ■1450

Daripada 50 cadangan dihasilkan, 48 cadangan telah dipersetujui oleh jawatankuasa ini, antaranya ialah:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu;
- (ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing;
- (iii) memperkenalkan *national enforcement and registration system* yang melibatkan pengambilan biometrik;
- (iv) memperketat kawalan dan pemeriksaan pintu-pintu masuk ke negara;

- (v) mengadakan *engagement* dengan pihak kedutaan dengan memberi keutamaan kepada negara-negara sumber;
- (vi) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*); dan
- (vii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang persisiran perairan dan memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim menyentuh tentang isu jambatan runtuh di Batu Maung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih dalam siasatan. Tindakan mahkamah akan diambil kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab. Bagi mengelak sebarang prejudis kepada mana-mana pihak, sebarang maklumat tidak dapat dikemukakan sehingga tindakan mahkamah selesai.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah juga ingin bertanya mengenai perumahan. Usaha-usaha itu untuk menambah rumah rakyat adalah menjadi keutamaan kepada kerajaan, oleh itu, kerajaan telah melancarkan skim Rumah Pertamaku SPNB, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik, Rumah Mampu Milik, Rumah Untuk Penjawat Awam dan PPR.

Mengenai PR1MA pula, tidak membuat sebarang penawaran kepada mana-mana ejen hartanah. Untuk makluman, penjualan rumah PR1MA adalah secara terus dengan pembeli melalui proses undian terbuka yang diaudit oleh juruaudit bertauliah. Oleh itu tidak wujud pembelian secara pukal oleh ejen hartanah. PR1MA turut menetapkan moratorium sepanjang 10 tahun kepada pembeli rumah PR1MA. Pembeli rumah tidak dibenarkan untuk menjual dan menyewa rumah sepanjang tempoh tersebut. Oleh yang demikian, tidak wujud spekulasi seperti yang dinyatakan. Tiada intervensi monopoli ejen hartanah kerana seperti yang telah dinyatakan, penjualan rumah PR1MA adalah secara terus dengan pembeli dan ianya terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilikan rumah PR1MA adalah untuk golongan berpendapatan sederhana yang mempunyai pendapatan seisi rumah antara RM2500 hingga RM7500. Untuk mengatasi masalah pembeli yang mempunyai masalah pinjaman bank, PR1MA sedang merangka satu skim khas untuk membantu pembeli dalam pemilikan rumah PR1MA yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Mengenai Kementerian Dalam Negeri, jumlah yang dibelanjakan oleh PDRM untuk mengatasi dan mengawal operasi Perhimpunan *Blackout 505*. Jumlahnya adalah seperti berikut.

<b>KAWASAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Bukit Aman	13,830.
Kuala Lumpur	79,900
Selangor	9,070
Terengganu	14,175
Negeri Sembilan	10,000
<b>JUMLAH</b>	<b>127,015</b>

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah bertanyakan tentang BR1M. Terdapat tiga peringkat dalam pelaksanaan BR1M.

Pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran. Kedua, proses semakan dan verifikasi. Ketiga, pengagihan BR1M.

Sehubungan itu pada masa hadapan, kementerian akan mengambil kira mengenai kos pengangkutan BR1M, antaranya pihak pejabat daerah, pejabat pembangunan persekutuan HDO, pejabat residen serta pihak bank akan pergi ke kawasan pedalaman dan membantu mereka yang menerima BR1M untuk menunaikan baucar tersebut supaya mereka tidak perlu ke bandar. Di samping itu, bagi sesetengah kawasan yang sangat terpencil, wakil pejabat daerah HDO dan pejabat residen dibenarkan untuk menunaikan BR1M dan mengagihkan kepada penerima secara tunai di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin mengenai Pendakwaan dan Bahagian Penyelidikan Jawi (MAIWP), bahagian pendakwaan, bahagian penyelidikan dan bahagian-bahagian di JAWI dalam proses pengukuhan perjawatan dan penyusunan semula organisasi yang dibuat atas saranan JAKIM. Jabatan sedang berusaha ke arah menaik taraf bahagian tersebut menjadi jabatan pendakwaan sejak 2011. Bagi tujuan tersebut, model organisasi jabatan pendakwaan syariah telah dihasilkan melalui bengkel pemerkasaan organisasi pendakwaan syariah seluruh Malaysia yang telah diadakan pada 25 Jun hingga 28 Jun baru-baru ini oleh JAKIM dan jabatan agama Islam negeri-negeri.

Mengenai Projek Khas Perumahan Nelayan, Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) telah memperuntukkan RM300 juta oleh kerajaan bagi pelaksanaan 2012-2014. Bagi tempoh 2012 hingga kini, pecahan pelaksanaan adalah seperti berikut, baik pulih rumah nelayan seluruh negara sebanyak RM136,659,361 dengan bilangan rumah dibaiki iaitu sebanyak 13,929 unit rumah. Bagi seluruh negeri Terengganu pula RM11,75,000

telah diperuntukkan dengan melibatkan 1231 unit rumah. Untuk Parlimen Marang, sebanyak RM660,000 telah diluluskan dengan melibatkan 70 unit telah dibaiki. Bagi pembinaan rumah baru, ianya masih belum dilaksanakan dan masih dalam pertimbangan kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah bertanyakan tentang program-program RTM. Kementerian Komunikasi dan Multimedia sentiasa memastikan kesemua kandungan stesen-stesen televisyen mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 iaitu Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Tambahan pula, kesemua kandungan pra rakam seperti drama dan filem perlu melalui tapisan dan mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan garis panduan penapisan filem yang dikuatkuasakan sebelum ia boleh disiarkan di mana-mana stesen televisyen.

Peraturan ini juga selari dengan peruntukan syarat khas lesen stesen penyiaran di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Selain itu, pihak stesen penyiar juga sentiasa digalakkan untuk menyiarkan kandungan yang sejajar dengan aspirasi nasional dan mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan. Kementerian juga sentiasa menggalakkan penerbitan filem dapat memberi kesan baik kepada masyarakat. Di samping itu, kementerian turut menyarankan agar penerbit filem supaya merujuk dan mematuhi garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merangkumi garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam dan garis panduan bahan penerbitan bercetak dan audio visual berhubung unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah dan amalan Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Syarikat produksi juga diminta agar lebih proaktif merujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan terutamanya semasa di peringkat penghasilan skrip bagi mengelakkan sebarang pertikaian atau menimbulkan polemik di kemudian hari. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, mengenai program belia dan orang muda kepada negara. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha dalam merancang melaksanakan program-program menepati kehendak dan keperluan belia daripada semasa ke semasa.

Antara program-program yang dilaksanakan ialah program kemahiran, program keusahawanan, program kesukarelaan, program kepimpinan, program sukan, program pembangunan sosial contohnya Majlis Perundingan Belia Negara, *Youth Icon*, KLD Tunas Samudera, Anugerah Perdana Belia Negara, Parlimen Belia Malaysia. Program pembangunan ekonomi pula antaranya kursus-kursus penggalakan dan pembangunan

keusahawanan, program pembangunan rakan muda contohnya aktiviti gaya hidup, program Perdana Rakan Muda, *MyCops*, program-program kesukarelaan. Program-program kepimpinan pula contohnya Perdana *Leadership Fellowship*, Program 3K Belia Bestari, Program Generasi Muda, Program Kepimpinan Elit, Program Kepimpinan Organisasi dan Bicara Minda bersama Tokoh. Program yang dinyatakan hanyalah sebahagian daripada program-program yang telah dilaksanakan. Secara tidak langsung, gejala sosial dapat dikurangkan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan berinformasi.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanyakan mengenai pencen, elaun bersara dan ganjaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan sebanyak RM535,355,000 adalah bagi menampung kenaikan kadar pencen menyusuli semakan gaji Sistem Saraan Malaysia 2012 berkuat kuasa 1 Januari 2012 yang dicadangkan selepas unjuran kadar pencen dibuat. Pertambahan perbelanjaan juga berlaku dalam dua keadaan iaitu penyelarasan pencen bagi sejumlah 620,000 pesara perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta pesara pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan 17,100 pesara dan penerima pencen berkaitan pelbagai jenis persaraan atau kematian dalam perkhidmatan berhubung dengan golongan seperti di atas sepanjang tahun 2012. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesara dan penerima pencen terbitan ialah seramai 654,843 orang.

Mengenai produk halal, terdapat beberapa agensi kerajaan dan institut pengajian tinggi yang boleh mengendalikan pengeluaran produk halal iaitu *Halal Industry Development Corporation* (HDC) menyelaraskan pembangunan industri halal secara integrasi dan menyeluruh, membimbing syarikat tempatan untuk menjadi pengeksport produk halal, menyediakan latihan halal, menyediakan maklumat dan data berkaitan halal menerusi *Global Halal Support Center* yang berpusat di HDC. Kedua, Bahagian Hab Halal JAKIM yang mengeluarkan sijil halal Malaysia kepada syarikat-syarikat. Seterusnya, Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM) menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan produk baru dalam industri halal serta perkhidmatan ujian analisa pengesahan produk halal.

#### ■1700

SME Bank menguruskan dana industri halal untuk syarikat-syarikat halal termasuk juga *International Institute for Halal Research and Training*, dengan izin, Universiti Islam Antarabangsa menyediakan latihan halal dan perundingan untuk pengeluaran produk halal serta Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal Universiti Sains Islam Malaysia yang menyediakan perkhidmatan rundingan bagi pengeluaran produk halal dan latihan.

Mengenai pelajar JPA dan pengiktirafan. Sehingga 25 Julai 2013, seramai 13,368 pelajar tajaan biasiswa JPA sedang mengikuti pengajian di seluruh negara. Pecahan pelajar mengikut kelompok bidang adalah seperti berikut:

- (i) perubatan yang melibatkan perubatan pergigian dan farmasi seramai 6,432 orang pelajar dengan kos antara RM232,000 hingga RM1.6 juta;
- (ii) Sains dan Teknologi seramai 5,724 orang pelajar dengan kos RM228,000 hingga RM859,000; dan
- (iii) Sains Sosial seramai 1,212 pelajar dengan kos RM375,000 hingga RM667,000.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertanyakan bagaimanakah senjata api boleh dibawa masuk ke dalam negara walaupun terdapat kawalan keselamatan di sempadan. Pergerakan keluar masuk pada kadar yang kerap dan interaksi ekonomi antara penduduk di sempadan membuka peluang kepada aktiviti penyeludupan senjata api berlaku, wujudnya lorong-lorong tikus di sepanjang sempadan contohnya di sempadan Malaysia-Thailand 640 kilometer dan dari jumlah ini, 551 kilometer adalah sempadan darat dan 90 kilometer adalah sempadan mengikut aliran utama Sungai Golok, sungai yang sempit, kelebaran hanya beberapa meter dan mudah diseberangi untuk melakukan aktiviti haram.

Kawalan dan pemeriksaan pintu masuk di sempadan secara *random* oleh anggota-anggota keselamatan terhadap kenderaan yang keluar masuk menyebabkan penyeludup mudah menjalankan aktiviti. Namun perkara ini sedang diatasi. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah penyeludupan seperti menubuhkan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang ditempatkan di sempadan Malaysia serta penugasan Ops Wawasan di sempadan Malaysia-Thailand melibatkan Pasukan Gerak Am (PGA). Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa lain di kawasan sempadan seperti Kastam, ATM, APMM dan Agensi Penguat Kuasa Maritim untuk membanteras penyeludupan. Pihak polis juga menjalankan operasi berterusan untuk mengesan dan merampas senjata api yang terapung di dalam negara ini seperti menjalankan Ops Api, Ops Laras dan lain-lain operasi yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh juga bertanya mengenai peluang latihan yang diberi kepada bekas belia yang berumur lebih ataupun kurang 40 tahun setelah dibebaskan daripada EO. Kementerian sentiasa memainkan peranan dalam merancang dan melaksanakan program-program menjurus ke arah kesedaran, pemupukan pembinaan kemahiran pengetahuan serta menyediakan belia yang

berperibadi unggul. Antara program yang dilaksanakan ialah program kepimpinan, keusahawanan, kemahiran, kesukarelaan dan kesukanan dalam melengkapi kehidupan belia walaupun telah ataupun belum melampaui umur 40 tahun.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong bertanyakan tentang Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menyokong dan mengambil langkah aktif dalam mempromosikan program perayaan yang disambut oleh pelbagai kaum di Malaysia melalui media cetak, elektronik di dalam dan di luar negara di dalam mempromosikan pelancongan berdasarkan perayaan masyarakat Siam di Malaysia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melaksanakan program promosi seperti berikut:

- (i) Pesta Songkran bagi menyambut kedatangan tahun baru masyarakat Thailand yang disambut di Kedah dan Kelantan,
- (ii) Sambutan perayaan Loy Kratong bagi menyambut kedatangan bulan ke-12 dalam kalender masyarakat Thailand yang setiap tahun diadakan di Tumpat, Kelantan; dan
- (iii) Karnival dua budaya Satun dan Padang Terap yang mempromosikan budaya dan kesenian masyarakat Thailand khususnya Daerah Padang Terap dan Sik, Kedah.

Bagi memberikan publisiti yang lebih meluas dalam aktiviti yang dianjurkan, wakil media turut dijemput untuk sama-sama merasai pengalaman tersebut.

Mengenai kes pembunuhan semakin meningkat kebelakangan ini. Jenayah bunuh pada amnya disifatkan *non-preventable crime*, dengan izin. Ini adalah kerana terdapat pelbagai punca atau motif kejadian bunuh. Selain daripada akibat kejadian jenayah, faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan kes bunuh berlaku terdiri daripada masalah sosial, ekonomi dan psikologi.

Walaupun kejadian bunuh bukan jenayah yang mudah dicegah, PDRM sentiasa berusaha membanteras jenayah bunuh selaras dengan objektif kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah. Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah pencegahan yang pro aktif dalam menangani semua jenis jenayah termasuk jenayah bunuh dan samun. Di antara langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh PDRM untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) melaksanakan operasi khas bagi kes bunuh yang melibatkan penggunaan senjata api;
- (ii) memperketat kawalan di sempadan masuk negara bagi mencegah penyeludupan senjata api;

- (iii) menubuhkan pasukan risikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan penjenayah yang terlibat dengan kes pembunuhan;
- (iv) memohon supaya mewujudkan satu undang-undang pencegahan bagi tujuan membanteras aktiviti jenayah yang mengancam keselamatan awam; dan
- (v) meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tumpuan awam untuk membantu mengesan penjenayah yang terlibat.

PDRM sentiasa komited untuk menyiasat setiap kes bunuh yang dilaporkan dengan rapi supaya penjenayah dapat dibawa ke muka pengadilan. Polis Diraja Malaysia juga sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik untuk memastikan keselamatan masyarakat dan keamanan negara sentiasa terjamin.

Mengenai BERNAMA TV. BERNAMA TV sedang melaksanakan proses transformasi dalam usaha untuk meningkatkan prestasi penyiaran dalam era penyiaran yang semakin berkembang pada masa kini. Sebagai saluran berita TV utama, BERNAMA TV cuba meningkatkan khalayak melalui program-program yang menarik untuk setiap salurannya melalui penyiaran lebih banyak program berbentuk bual bicara.

Peranan KKMM iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah mengambil langkah-langkah pro aktif dan sentiasa menerapkan elemen-elemen semangat patriotisme dan cintakan negara terutamanya dalam kalangan generasi muda yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia melalui program dan aktiviti yang dianjurkan di segenap lapisan masyarakat menerusi media konvensional dan media baru seperti program *Mesra Jiran, Bicara Radio, Bicara Rakyat, Pertandingan Pidato 1Malaysia, Kelab 1Malaysia, Forum Jati Diri, Pewaris Muda, Pertandingan Pengesahan Kenegaraan 1Malaysia, Gemilang Siswa* serta program-program sambutan Hari Kemerdekaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini mengenai tempoh daripada 30 minit ke satu jam 30 minit siaran langsung di Parlimen, RTM telah pun memulakan siaran selama satu jam setengah itu bermula 1 Julai 2013. Di samping itu, siaran langsung pada saat dan ketika ini sepanjang perbahasan Parlimen diadakan boleh diperolehi secara atas talian melalui portal *RTM online*.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanyakan justifikasi pemilihan London sebagai hos Forum Ekonomi Islam Sedunia (WEIF) akan datang. Forum Ekonomi Islam Sedunia dimulakan pada tahun 2005. Penganjurannya diadakan secara bergilir di dalam dan luar negara. Selain daripada di dalam negara, Forum Ekonomi Islam Sedunia telah dianjurkan di Pakistan tahun 2006, Kuwait tahun



2008, Indonesia tahun 2009 dan Kazakstan tahun 2011. Bagi penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia pada tahun ini 2013, Kerajaan United Kingdom (UK) telah menawarkan diri untuk menjadi hos bersama Kerajaan Malaysia dan Sekretariat WEIF.

Kesediaan United Kingdom untuk menjadi hos Forum Ekonomi Islam Sedunia Yang Kesembilan menunjukkan penerimaan masyarakat antarabangsa sama ada negara-negara Islam ataupun bukan Islam terhadap usaha-usaha menggalakkan pembangunan ekonomi serantau dan antarabangsa. UK juga merupakan negara bukan Islam pertama yang akan menganjurkan Forum Ekonomi Islam Sedunia ini.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin bertanya tentang mak nyah dan transeksual. Fenomena ini nyata tidak diterima masyarakat Malaysia kerana hukumnya jelas haram di sisi syarak. Di Wilayah Persekutuan seksyen 28, Akta Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 memperuntukkan hukuman bagi lelaki berlagak seperti perempuan. Seksyen 26 pula memperuntukkan hukuman bagi kesalahan *musahaqah* iaitu lesbian.

Walau bagaimanapun, kesalahan ini agak sukar kerana gejala lesbian tidak seperti mak nyah yang memperdagangkan diri untuk mencari rezeki. Setakat ini terdapat operasi bersepadu dengan PDRM dan DBKL untuk membanteras mak nyah dan tangkapan akan dipertuduhkan di hadapan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Polemik ratu cantik. Mengikut Seksyen 34(3), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 [*Akta 505*] menjelaskan bahawa satu fatwa diwartakan adalah memikat setiap orang Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu. Setakat ini belum ada lagi kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengekang penganjuran pertandingan ratu cantik melibatkan wanita Islam. Fatwa di Wilayah Persekutuan yang melarang wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik telah diwartakan pada tarikh 8 hari bulan Februari 1996 dan fatwa tersebut adalah mengikat ataupun *binding* ke atas setiap Muslim berdasarkan seksyen 343 [*Akta 505*]. Fatwa tersebut juga diiktiraf oleh semua Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Mengenai langkah menggalakkan eksport produk halal negara bukan China. Ini adalah termasuk untuk mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke negara yang disasarkan menggalakkan penyertaan syarikat halal tempatan dan pameran antarabangsa mengadakan seminar market akses ke Jepun, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu, mewujudkan kolaborasi antara syarikat halal tempatan dan pasar raya besar

antarabangsa seperti *Tesco* dan *EON*, mengadakan *mentoring program* bersama syarikat multinasional iaitu *Nestle* dan *Formatos*.

#### ■1710

Pada tahun 2012, terdapat 743 syarikat halal yang telah mengeksport pengeluarannya keluar negara. Penglibatan pengusaha bumiputera termasuk *Muslim* berjumlah 989 syarikat atau 34.3% daripada jumlah pengeksport produk halal pada tahun 2012. Pada tahun 2012, jenis produk halal yang dieksport dan nilai eksport adalah seperti berikut:

Jenis Produk	Nilai (RM / bilion)
Makanan dan minuman	12.3
Bahan ramuan	11.7
Produk berasaskan minyak sawit	5.1
Produk berasaskan bahan kimia	1.8
Kosmetik dan penjagaan diri	1.7
Farmaseutikal	0.4
<b>Jumlah</b>	<b>32.9</b>

Di antara program-program pembangunan industri halal yang diadakan untuk usahawan bumiputera termasuk usahawan *Muslim* termasuklah program pembangunan vendor halal bagi menggalakkan penyertaan usahawan untuk menjadi pembekal kepada pasar raya-pasar raya multinasional. Juga program *Groom Big* untuk melahirkan usahawan-usahawan PKS bumiputera yang berdaya saing di peringkat domestik dan global. Buat masa ini HDC bercadang untuk mewujudkan kelab program transformasi halal (*HBT Club*) untuk melahirkan lebih banyak syarikat halal tempatan yang bertaraf global.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus mengenai cadangan LKIM dan hal-hal tentang nelayan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi tahun 2013 dan RM1.5 juta bagi tahun 2014 untuk melaksanakan pembiayaan pinjaman di bawah Program Transformasi Nelayan. LKIM sentiasa memberi galakan kepada nelayan tradisi yang berminat menyertai program ini melalui majlis-majlis penerangan. LKIM telah diperuntukkan sebanyak RM25.6 juta pada tahun 2011 dan RM23.75 juta pada tahun 2012 di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan.

Selain dari itu, peruntukan khas melalui insentif tangkapan dan elaun cara hidup nelayan sebanyak RM186 juta tahun 2011 dan RM210.5 juta pada tahun 2012. Peranan

pembinaan dan naik taraf jeti pelancongan adalah di bawah Kementerian Pengangkutan. Berdasarkan bancian LKIM tahun 2007, pendapatan nelayan tradisi adalah sebanyak RM1,400 sebulan secara puratanya. Paras kemiskinan Semenanjung Malaysia RM830 sebulan. Kerajaan sentiasa menggalakkan nelayan tradisi meningkatkan produktiviti dan teknologi penangkapan melalui pinjaman dana nelayan sebagai pembiaya pinjaman mudah untuk meningkatkan peralatan dan sampan mereka.

Kerajaan mengimport sebanyak 497,230 metrik tan bernilai RM3.21 bilion pada tahun 2012 berbanding eksport negara sebanyak 372,437 metrik tan dengan nilai RM2.11 bilion. Negara perlu mengimport kerana keperluan bahan mentah untuk industri proses dan juga kerana negara mengeksport ikan basah dan juga produk yang diproses. Di bawah bayaran elaun sara hidup nelayan, kerajaan telah menyediakan Skim Perlindungan Insurans Nelayan Berkelompok melalui MAA Takaful bagi menyediakan manfaat perlindungan kepada peserta nelayan sekiranya ditimpa musibah dalam kehidupan di laut dan di darat.

Sumbangan premium nelayan adalah RM100 setahun dan seramai 55,000 nelayan di seluruh negara telah mendapat faedah dari skim ini. Skim telah dilaksanakan mulai Mei 2011. Akta Perikanan 1995 yang ada sekarang sudah cukup baik malah Malaysia telah diiktiraf oleh badan antarabangsa sebagai salah sebuah negara yang ada dengan izin, *Fisheries Management Plan* yang terbaik.

Isu *vessel* pukut tunda memang berlaku kerana *vessel* ini sering menceroboh kawasan pantai taman laut. Walau bagaimanapun, isu ini hanya boleh ditangani dengan tindakan penguatkuasaan di laut oleh APMM iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Jabatan Perikanan hanya boleh buat pemeriksaan *vessel* di pangkalan-pangkalan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bertanya mengenai GST. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan belum menetapkan lagi tarikh pelaksanaan GST. Ini adalah kerana kajian mengenai pelaksanaan GST di Malaysia sedang dijalankan dan kejadian ini adalah perlu bagi memastikan model GST yang akan dilaksanakan di Malaysia mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua lapisan masyarakat. Selain itu, kepastian juga perlu diperoleh tentang kesan dan impak GST ke atas ekonomi dan harga secara keseluruhannya. Pelaksanaan GST merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam memastikan sistem percukaian negara menjadi lebih telus, efisien dan mesra peniaga.

Selain itu, GST yang akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah perlu dilaksanakan kerana ianya memberi banyak kebaikan dan kelebihan

berbanding cukai-cukai yang lain. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan mempunyai banyak kelemahan yang mana kelemahan ini adalah berpunca daripada sistem percukaian itu sendiri. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah pengenaan cukai berganda yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi. Selain itu, aktiviti pemindahan harga dengan izin, *transfer pricing* turut memberi kesan kepada kutipan hasil negara. Sekiranya dilihat keadaan semasa di dunia, sistem percukaian sedang melalui fasa evolusi, di mana sebanyak 160 buah negara telah melaksanakan GST dan ini bermaksud inisiatif yang diambil kerajaan ini adalah selaras dengan perkembangan positif tersebut.

Pelaksanaan GST akan dibuat secara serentak di seluruh negara pada jadual yang tertentu. Walau bagaimanapun, tempoh masa yang secukupnya akan diberi kepada peniaga untuk membuat persiapan dari segi penambahbaikan sistem pengkomputeran, latihan kepada kakitangan dan juga perubahan proses perniagaan. Tempoh masa yang secukupnya juga adalah diperlukan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat faham apakah yang dimaksudkan dengan GST dan juga sedar akan keperluan kerajaan melaksanakan GST.

Program konsultasi kesedaran rundingan secara inklusif telah dilaksanakan semenjak tahun 2010 sehingga bulan Jun 2013 sebanyak 4,667 program kesedaran tentang GST telah dijalankan yang telah dihadiri seramai 202,630 orang. Melalui inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan ini adalah diharap maklumat yang tepat dan betul berkaitan GST dapat disebar luas dan seterusnya rakyat menerima baik pelaksanaan GST. Dalam melaksanakan GST, kerajaan akan memastikan kepentingan dan keperluan semua lapisan masyarakat diambil kira dan dengan itu kerajaan berpandangan bahawa barangan keperluan asas wajar dikenakan GST pada kadar sifar, yang mana barangan inilah yang banyak digunakan oleh rakyat berpendapatan rendah. Contoh barangan tersebut adalah beras, gula, tepung, minyak masak, bawang, sayur-sayuran, daging dan ikan.

Selain daripada itu, perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan swasta, pengangkutan awam, tol dan rumah kediaman juga dikategorikan sebagai *exempt supply*. Ini bermaksud GST tidak akan dikenakan di peringkat akhir pembekalan perkhidmatan tersebut dan seterusnya memberi manfaat terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan menyebut tentang isu sekolah anak-anak yatim. Kementerian Pendidikan tidak pernah menubuhkan sekolah anak yatim. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menyediakan

bantuan pendidikan kepada murid-murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan berkelayakan termasuklah anak-anak yatim bagi meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga membiayai persekolahan anak mereka. Sehingga Jun 2013, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM2.085 bilion bagi menyediakan 25 jenis bantuan persekolahan dan lebih daripada 5.4 juta murid mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh bertanyakan tentang anggota keselamatan. Untuk makluman Yang Berhormat, hampir 80% daripada keseluruhan kekuatan PDRM ditugaskan untuk menjaga keselamatan awam. Pihak PDRM juga dibantu oleh agensi lain untuk tujuan pencegahan jenayah seperti ATM, RELA, JPAM dan sukarelawan polis serta PBT.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar mengenai penerokaan di angkasa lepas. Kerajaan pada dasarnya bersetuju meneruskan program angkasawan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan. Pada masa ini program aktiviti yang berkaitan dilaksanakan sebagai persiapan sekiranya negara memutuskan untuk melancarkan program angkasawan kedua. Program yang dilaksanakan pada masa ini termasuklah membangunkan *content scientific* seperti kajian mikrograviti dan program pendidikan serta kesedaran awam. Program pendidikan dan kesedaran awam ini diterajui oleh Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM). Semenjak penubuhannya pada 2009 YAM telah melaksanakan ratusan program dengan capaian meluas di seluruh negara. Antara program yang dilaksanakan termasuk:

- (i) sambutan ulang tahun program angkasawan negara setiap tahun;
- (ii) *space camp*;
- (iii) angkasawan *challenge*; dan
- (iv) pameran dan ceramah.

Program Kajian Saintifik Mikrograviti terus dikembangkan melalui kerjasama antarabangsa antara universiti tempatan dan agensi angkasa luar negara dalam projek berikut:

- (i) projek *protein crystallization* dengan *Japan Aerospace Exploration Agency*;
- (ii) program *Mars-500* dengan *Institute of Biomedical Problems of State Scientific Centre of the Russian Federation, Russia*;

Kajian saintifik ini adalah penting untuk memastikan program angkasawan yang akan datang mempunyai *content scientific* yang lebih kukuh dan dapat memberi pulangan yang lebih besar kepada negara dari segi penemuan saintifik, penjanaaan ilmu dan juga penjanaaan ekonomi negara.

mengenai persempadanan bahagian pilihan raya. SPR akan mengkaji dengan terperinci urusan mempersempadankan bahagian pilihan raya Parlimen dan DUN berdasarkan kepada Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira prinsip-prinsip persempadanan seperti berikut:

■1250

- (i) kemudahan bagi pemilih untuk mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- (ii) mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu dalam pendaftaran dan pengundian;
- (iv) jumlah pemilih bagi setiap bahagian pilihan raya dalam suatu negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (v) mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan;

Mengenai Amanah Ikhtiar Malaysia. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menggunakan pendekatan pengurusan bersama di mana kumpulan seramai lima orang dan mesyuarat pusat terdiri dari gabungan kumpulan akan menapis setiap pinjaman baru yang bakal diluluskan. Selepas pinjaman diluluskan, Amanah Ikhtiar akan memantau dan menyemak pinjaman tersebut, dikenali sebagai pengesahan penggunaan modal, yang setiap ahli akan menunjukkan bukti penggunaan modal pinjaman dengan mengemukakan resit pembelian. Kakitangan AIM dan Kepimpinan Sahabat terdiri daripada pengurus kumpulan serta ketua pusat akan melawat projek Sahabat berkenaan. Ini antara gerak kerja yang dibuat oleh AIM dan diiktiraf oleh pihak SIRIM dengan memberikan persijilan ISO.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani mengemukakan mengenai keselamatan siber yang semakin meningkat dari segi masalahnya. Di dalam suasana digital masa kini hampir semua aktiviti berunsurkan penggunaan siber. Justeru, kebanyakan isu keselamatan yang dahulunya bersifat tradisi kini telah beralih kepada penggunaan siber. Kurangnya kesedaran keselamatan siber turut menyumbang kepada peningkatan jenayah siber. Oleh itu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mewujudkan program *CyberSafe* serta meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai keselamatan siber. Kerajaan telah lama menyedari bahawa jenayah siber tidak terikat kepada sempadan fizikal negara dan dengan itu kerjasama pada peringkat antarabangsa adalah amat diperlukan.

Antara yang utama adalah yang pertama, kerjasama Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Asia Pasifik dengan izin, *Asia Pacific Computer Emergency Response Team*, yang mana *CyberSecurity* Malaysia merupakan salah satu ahli pengasasnya. Sekarang ini kerjasama ini mempunyai 30 ahli daripada 20 ekonomi di Asia Pasifik. Kedua, Kerjasama Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Persidangan Kerjasama Islam dengan izin, *Organization of Islamic Corporation Computer Emergency Response Team* (OIC-CERT) yang mana *CyberSecurity* Malaysia menjadi salah satu ahli pengasas dan pengerusi kerjasama ini untuk penggal kedua. Buat masa ini kerjasama ini mempunyai 27 ahli dari 19 buah negara anggota OIC.

Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan bertanyakan tentang kedudukan dalam Dewan sekarang ini tidak selesa, supaya tempat duduk lebih selesa disediakan. Pihak Kementerian Kerja Raya telah membentangkan skop kerja pelaksanaan projek membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Parlimen kepada Jemaah Menteri pada 19 Jun 2013. Dalam mesyuarat tersebut Jemaah Menteri telah memutuskan agar bilangan 242 kerusi sedia di dalam Dewan Rakyat akan ditambahkan kepada 260 Kerusi dengan menyediakan ruang kosong untuk tambahan 20 kerusi bagi kegunaan pada masa hadapan.

Ini bagi membolehkan kemudahan dan ruang tersebut dapat menampung keperluan sekurang-kurangnya 50 tahun akan datang. Manakala bilangan kerusi Dewan Negara adalah kekal seperti sedia ada. Reka bentuk kerusi yang akan digunakan di kedua-dua Dewan adalah dari jenis yang boleh berpusing dan bukannya *fix* seperti sekarang bagi mengambil kira kelegaan dan keselesaan Ahli-ahli Yang Berhormat [Tepuk]

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud bertanya mengenai Jabatan Tenaga Kerja. Menyedari perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan sedia meneliti cadangan untuk memantapkan jumlah pegawai penguat kuasa di bawah Kementerian Sumber Manusia, khususnya Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang termasuk meningkatkan *inspectorate* ke atas majikan. Di samping itu juga ia juga dapat membantu untuk menyelesaikan kes-kes Mahkamah Buruh dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah bertanya mengenai Hari Belia Negara. Hari Belia Negara turut dilihat sebagai pemangkin hala tuju golongan belia mendepani cabaran yang terkini dan masa depan dengan menyediakan jutaan peluang, ribuan keriang kepada golongan belia dalam membuat pilihan berkaitan kerjaya, hobi dan minat mereka. Sambutan Hari Belia Negara juga memberi impak positif terhadap jati

diri belia. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan pihak kerajaan memahami, menjiwai, lantas menyediakan platform yang memberi pelbagai alternatif bagi memberikan golongan belia yang terkenal dengan sifat aktif dalam semua gaya hidup.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir lagi, kerajaan mengambil maklum tentang peningkatan kos hidup yang memberi kesan kepada golongan miskin dan memerlukan. Oleh itu, kadar bantuan di bawah JKM sentiasa dikaji mengikut keperluan semasa dan perubahan sosioekonomi. Kadar bantuan telah dinaikkan kali terakhir pada tahun 2008 iaitu dari RM200 ke RM300 untuk bantuan orang-orang tua dan elaun pekerja cacat. Selain itu, kadar PGK juga diambil kira kenaikan dari tahun 2007 ke 2009, dari RM720 ke RM730 yang membolehkan lebih ramai golongan miskin layak menerima bantuan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah bertanyakan tentang PERKSEO. Mulai 1 Jun 2013, kakitangan awam yang bertaraf kontrak dan sementara yang bergaji RM3,000 dan ke bawah telah dilindungi oleh PERKESO. Anggota awam yang terlibat ialah Kerajaan Persekutuan dan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, yang terakhir yang ada di tangan saya sekarang ini. Sebelum itu Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar juga bertanyakan tentang AP yang dikeluarkan kepada syarikat bumiputera, apakah tindakan kementerian tentang Ali Baba? Bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 sebanyak 144,335 unit AP telah diluluskan kepada syarikat-syarikat pemegang AP terbuka. Tahun 2008 sebanyak 28,439, tahun 2009 sebanyak 25,605, tahun 2010 sebanyak 31,738, tahun 2011 sebanyak 28,306 dan tahun 2012 sebanyak 30,247.

Kerajaan memandang serius akan isu penjualan AP dan antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan semua syarikat pemegang AP terbuka mematuhi syarat-syarat kelulusan AP adalah dengan melaksanakan audit ke atas semua syarikat pemegang AP terbuka. Pelaksanaan audit ini juga bertujuan memperoleh maklumat mengenai kemampuan syarikat pemegang AP terbuka dari segi kewangan dan pengurusan syarikat. Audit yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan pemegang-pemegang AP sentiasa mematuhi garis panduan.

Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar pemberian AP terbuka atau melanjutkan dasar AP terbuka bagi pengimportan kenderaan terpakai selepas tahun 2015.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.



**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Berapa syarikat yang dikenal pasti sebagai Ali Baba dan akan dikenakan hukuman atau ditangkap?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai data itu dan akan memberinya kemudian. Yang akhir Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar memohon agar Senator-Senator dan bekas-bekas Senator diberikan pasport diplomatik.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Ketawa]* Jawapannya ialah kelayakan bagi permohonan pasport diplomatik dan pasport rasmi adalah berdasarkan kepada keperluan yang berpandukan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Januari 1987.

Sekiranya ada keperluan bagi seseorang Senator atau bekas Senator untuk menggunakan pasport diplomatik demi kepentingan perkhidmatan kepada kerajaan, beliau bolehlah mengemukakan permohonan dengan justifikasi keperluannya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sejajar dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang tersebut. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh menggunakan budi bicaranya, *discretion*, dengan izin, dalam menimbang dan meluluskan supaya pemohon berkenaan dapat diberikan pasport diplomatik oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon sedikit. Tadi saya mohon untuk mendapatkan perincian kepada perbelanjaan sambutan Hari Belia. Mohon untuk mendapatkannya secara bertulis.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat, akan diberi kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tentukan beri jawapan secara bertulis ya. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, sekarang barulah selesai jawapan daripada Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk

perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

#### ■1730

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang menunjukkan tepat jam 5.31 petang. Sukacita saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, saya bersama-sama Timbalan saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian begitu baik dalam perbahasan dan ucapan bagi melaksanakan tanggungjawab kita dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13, 2013 Dewan Negara kita ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun mesyuarat Dewan kita kali ini diadakan di bulan Ramadhan al-Mubarak, saya dapati semua Ahli Yang Berhormat tidak menampakkan ada permasalahan termasuk semua Ahli begitu aktif melibatkan diri menampakkan peningkatan, mutu dan prestasi perbahasan dengan ucapan yang begitu baik serta berkualiti demi untuk memperkasakan Dewan Negara kita ini.

Seterusnya Yang Berhormat, akhir sekali ramai Yang Berhormat mengucapkan Selamat Hari Raya dan saya juga selaku Tuan Yang di-Pertua ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Juga saya ingin memaklumkan bahawa secara peribadi saya menjemput semua Ahli Yang Berhormat kalau ada masa, saya akan adakan majlis rumah terbuka saya pada tiga hari raya iaitu 10 Ogos (Sabtu) di rumah rasmi saya di No. 2, Jalan Gallagher, Bukit Tunku, Kuala Lumpur mulai jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Di samping itu saya juga ingin menyatakan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan saya tidak memandang semua Ahli Yang Berhormat sama ada pembangkang atau sebagainya kerana semua adalah Ahli Dewan Negara kita. Itulah sebabnya saya

sungguh-sungguh berharap supaya semua Ahli Yang Berhormat ada disiplin diri sebagai ahli yang mulia ini. Tentukan menghormati masa Dewan. Hanya lapan hari sahaja. Itulah tadi saya ada dua – salah seorang dari pihak pembangkang dan salah seorang dari pihak kerajaan. Jangan bagi masa *last minute*, dengan izin, kerana susah bagi saya hendak menentukan masa. Saya harap perkara ini diterima baik oleh semua pihak.

Tujuan saya baik untuk semua dan adalah tanggungjawab saya bersama dengan timbalan saya menentukan perjalanan Dewan ini berjalan dengan lancar. Dengan adanya kerjasama Yang Berhormat semua, syukur *alhamdulillah* kita dapat selesaikan dengan baik. Akhir sekali selesainya sudah petang ini, Yang Berhormat boleh balik ke pangkuan keluarga dan saya mengucapkan selamat di dalam perjalanan, semoga tidak ada kemalangan apa-apa.

Akhir sekali Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]***